

HARON BIN MOKHTAR

OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
HARON BIN MOKHTAR

KEUNIKAN WARISAN SENI CATAN DALAM RUANG LINGKUP  
WARISAN SENI BANGSA MALAYSIA

FARHA FAZLIYANA BINTI MOHAMMAD ALI  
(2018222508)  
MUHAMMAD EMIR HAKIM BIN RAMLAN

(2018248144)

SAZWAN BIN NORDIN  
(2018682756)

SEMESTER OKTOBER 2020 - FEBRUARI 2021

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK HARON BIN MOKHTAR**

**KEUNIKAN WARISAN SENI CATAN DALAM RUANG  
LINGKUP WARISAN SENI BANGSA MALAYSIA**

**FARHA FAZLIYANA BINTI MOHAMMAD ALI  
(2018222508)**

**MUHAMMAD EMIR HAKIM BIN RAMLAN  
(2018248144)**

**SAZWAN BIN NORDIN  
(2018682756)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2020 - FEBRUARI 2021**

**ISI KANDUNGAN****MUKA  
SURAT**

Abstrak	i,ii
Penghargaan	iii, iv
Senarai Abreviasi	v
Singkatan Nama	vi
Rujukan Kata	vii
1.0 Biografi Penemubual	1
1.1 Biografi Penemubual Pertama	1
1.2 Biografi Penemubual Kedua	2
1.3 Biografi Penemubual Ketiga	3
2.0 Biografi Tokoh	4
2.1 Pengenalan kepada Tokoh	5-6
3.0 Pengenalan Sejarah Lisan	7
4.0 Ulasan Literatur	8-10
5.0 Transkrip Temubual	11-87
6.0 Ringkasan	88
7.0 Log Temubual	89-94
8.0 Kesimpulan	95
9.0 Ralat	96
10.0 Glosari	97
11.0 Indeks	98-99

12.0 Rujukan	100-101
13.0 Lampiran	
13.1 Senarai Soalan	102-107
13.2 Lampiran Gambar	108-111
13.3 Diari Penyelidikan	112-117

## **ABSTRAK**

*Transkrip temubual bersama seorang tokoh iaitu Encik Haron bin Mokhtar mengenai perspektif beliau sebagai seorang tokoh seni catan di Malaysia. Beliau merupakan salah seorang guru dan tokoh seni catan yang masih membawa imej agama Islam dan budaya di Malaysia sehingga kini. Transkrip temubual ini dijalankan selama 2 jam 22 minit di Galeri Merah Teratak Anak Amas, Sabak Bernam Selangor. Temubual ini dijalankan pada pukul 11.00 pagi sehingga pukul 1.47 tengahari, pada tarikh 15 Disember 2020 bersamaan hari Selasa. Secara ringkasnya, temubual bersama Encik Haron bin Mokhtar ini mengisahkan tentang bagaimana seni catan ini mampu dihasilkan daripada pelbagai sumber ataupun elemen yang digunakan. Lebih mengagumkan lagi ialah setiap hasil karya lukisan dan rekaan seni catan beliau telah menjadi pilihan oleh golongan bangsawan dan golongan koprat. Kemahiran melukis yang beliau miliki datang daripada kemahiran semula jadi sejak beliau kecil lagi. Memenangi pelbagai pertandingan dan dikurniakan amgerah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah membuatkan beliau terus berkarya sehingga kini.*

**Kata kunci:** Catan, Seni catan, Seni visual, Warisan, Budaya, Haron Mokhtar.

## **ABSTRACT**

*Transcript of an interview with a figure, Encik Haron bin Mokhtar on his perspective as a painter in Malaysia. He is one of the teachers and painters who still carry the image of Islam and culture in Malaysia to this day. The transcript of this interview was conducted for 2 hours 22 minutes at the Gallery Merah of Teratak Anak Amas, Sabak Bernam Selangor. The interview was conducted at 11.00 am until 1.47 pm, on 15 December 2020, on Tuesday. After that, this interview with Mr. Haron bin Mokhtar tells the story of how this painting can be produced from various sources or elements used and more impressively, each of his paintings has been chosen by the aristocracy and the corporates. The drawing skills he possessed came from natural skills since he was a child. Encik Haron bin Mokhtar had winning various competitions and being awarded by “Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj” has made him continue to work until now.*

**Keywords:** Art, Painting art, Visual art, Heritage, Cultural, Haron Mokhtar

## **PENGHARGAAN**

**Bismillahhir rahmanir rahim.**

Segala puji kami ucapkan hanya untuk Allah SWT serta selawat untuk Baginda Nabi Muhammad SAW kerana telah memberi kesempatan untuk kami menyiapkan Projek Pendokumentasian Lisan Warisan Seni Catan Dalam Ruang Lingkup Seni Bangsa Malaysia.

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Haron bin Mokhtar iaitu tokoh seni catan kerana sudi untuk ditemubual oleh kami. Kerjasama dan jasa baik beliau dalam memberi maklumat amat dihargai. Harapan beliau agar projek pendokumentasian lisan warisan seni catan ini mendapat manfaat buat penyelidik akan datang.

Selain itu, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah ‘Oral Documentation’ (IMR 604) iaitu Encik Jafalizan bin Md. Jali kerana telah banyak membimbing kami dalam menyiapkan projek transkrip pendokumentasian lisan ini. Beliau merupakan seorang pensyarah yang sentiasa membantu dan memberi tunjuk ajar serta penerangan mengenai projek ini biarpun melalui keadaan pembelajaran di atas talian. Segala ilmu dan nasihat yang dikongsikan oleh pensyarah kami dalam menyiapkan projek ini amat kami hargai. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas jasa beliau.

Disamping itu, ucapan jutaan terima kasih ini juga ditujukan buat kedua ibubapa kami yang sentiasa menyokong dan membantu kami menyiapkan projek ini. Bermula dari sokongan secara moral, keawangan dan lain-lain lagi. Tidak lupa juga buat rakan-rakan seperjuangan kami, terutama kelas IM2465ST1. Pelbagai cabaran dan dugaan kita hadapi bersama. Tetapi akhirnya kita berjaya harungi bersama sehingga ke garisan penamat.

Pandemik Covid-19 ini sememangnya satu cabaran getir yang memberi kesan kepada semua masyarakat. Termasuklah warga pendidik dan para pelajar di semua peringkat pengajian. Pada mulanya sesi pembelajaran dijalankan di atas talian, kami berpendapat bahawa ianya satu pengalaman yang baru buat kami. Hal ini demikian kerana pembelajaran sepenuh masa di atas talian bukanlah satu pekerjaan yang mudah

kerana komunikasi antara para pelajar dan pensyarah agak terbatas. Disamping itu, faktor utama masalah belajar secara talian yang dihadapi oleh pelajar adalah masalah capaian internet.

Seterusnya, sesi temubual bersama tokoh juga tidak dapat dilakukan secara bersemuka oleh satu orang daripada tiga orang penyelidik. Hal ini demikian kerana penyelidik berasal dari negeri-negeri yang berlainan dan sekatan untuk merentas negeri dan daerah menyebabkan satu orang penyelidik perlu menjalankan sesi wawancara secara atas talian. Hanya dua penyelidik sahaja yang bakal menemubual tokoh secara bersemuka. Kami telah menggunakan *platform Microsoft Teams* untuk berhubung dengan seorang penyelidik ketika dua orang penyelidik bertemu tokoh secara bersemuka.

Walaubagaimanapun, pembelajaran perlu diteruskan. Sebagai hamba serta makhluk Allah S.W.T kita perlu redha dan terima ketentuan-Nya dengan hati yang terbuka. Semoga wabak pandemik Covid-19 cepat terhapus di muka bumi ini, khususnya di negara Malaysia.

## **SENARAI ABREVIASI**

ITM	Institusi Teknologi Mara
NGO	Non-profit Organization
KISTARP	Kolej Tingkatan 6 Tunku Abdul Rahman Putra
CD	Cakera padat
YB	Yang Berhormat
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
SACC Mall	Shah Alam Convention Centre Mall
SMB	Sekolah Menengah Bantuan
UiTM	Universiti Teknologi Mara
ASEAN	Association of SouthEast Asian Nations.
MALINDO	Gabungan nama Malaysia dan Indonesia

## **SINGKATAN NAMA**

Akronim atau singkatan nama bagi tokoh dan penemubual di dalam transkrip adalah seperti berikut :-


<b>NAMA PENUH</b>	<b>SINGKATAN NAMA</b>
HARON BIN MOKHTAR	HMO
FARHA FAZLIYANA BINTI MOHAMMAD ALI	FFM
MUHAMMAD EMIR HAKIM BIN RAMLAN	MEH
SAZWAN BIN NORDIN	SNO

## **RUJUKAN KATA**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
Tak	Tidak
Dah	Sudah
Taknak	Tidak mahu
Ja	Juga
Nape	Kenapa
Tu	Itu
Tau	Tahu
Ni	Ini
Pastu	Lepas itu
Kat	Dekat
Nak	Hendak
Tuk	Untuk
Diorang	Mereka

## **BIODATA PENYELIDIK**

### **1.1 PENYELIDIK PERTAMA**



<b>NAMA</b>	<b>FARHA FAZLIYANA BINTI MOHAMMAD ALI</b>
<b>TARIKH LAHIR</b>	<b>01 OKTOBER 1998</b>
<b>UMUR</b>	<b>23 TAHUN</b>
<b>ALAMAT</b>	<b>D/A KAMPUNG KOTA, PETI SURAT 690, 89208, TUARAN SABAH</b>
<b>EMEL</b>	<b>farhafazliyana98@gmail.com</b>
<b>FAKULTI</b>	<b>PENGURUSAN MAKLUMAT</b>
<b>PROGRAM</b>	<b>IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD.</b>

## **1.2 PENYELIDIK KEDUA**



<b>NAMA</b>	<b>MUHAMMAD EMIR HAKIM BIN RAMLAN</b>
<b>TARIKH LAHIR</b>	<b>23 APRIL 1998</b>
<b>UMUR</b>	<b>23 TAHUN</b>
<b>ALAMAT</b>	<b>D/A JALAN TKP 16 TAMAN KANTAN PERMAI, 43000 KAJANG, SELANGOR</b>
<b>EMEL</b>	<b>emirhakim98@gmail.com</b>
<b>FAKULTI</b>	<b>PENGURUSAN MAKLUMAT</b>
<b>PROGRAM</b>	<b>IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD.</b>

### **1.3 PENYELIDIK KETIGA**



<b>NAMA</b>	<b>SAZWAN BIN NORDIN</b>
<b>TARIKH LAHIR</b>	<b>03 JUN 1998</b>
<b>UMUR</b>	<b>23 TAHUN</b>
<b>ALAMAT</b>	<b>D/A JALAN 2 KAMPUNG NELAYAN, SIMPANG 4 BNO 45200 SABAK BERNAM SELANGOR.</b>
<b>EMEL</b>	<b><a href="mailto:muhdmohd002@gmail.com">muhdmohd002@gmail.com</a></b>
<b>FAKULTI</b>	<b>PENGURUSAN MAKLUMAT</b>
<b>PROGRAM</b>	<b>IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD.</b>

## BIOGRAFI TOKOH



NAMA	<b>HARON BIN MOKHTAR</b>
TARIKH LAHIR	<b>29 OGOS 1963</b>
UMUR	<b>58 TAHUN</b>
ALAMAT	<b>D/A TALI AIR 14, PARIT 14, 45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR.</b>
LAMAN SESAWANG	<p>Laman web: <a href="http://www.galerimerah.com">www.galerimerah.com</a></p> <p>Facebook:</p> <p><a href="https://www.facebook.com/haron.mokhtar.5?rdc=1&amp;rdr">https://www.facebook.com/haron.mokhtar.5? rdc=1&amp;rdr</a></p>
PEKERJAAN	<ol style="list-style-type: none"><li><b>GURU SENI VISUAL DI KOLEJ TINGKATAN 6 TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA.</b></li><li><b>PELUKIS SENI CATAN TANAH AIR.</b></li></ol>

## PENGENALAN KEPADA TOKOH

Kajian dilaksanakan untuk menemubual tokoh iaitu Encik Haron bin Mokhtar berkaitan bidangnya iaitu seni catan. Pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh beliau sejak mula berkarya telah membuka mata ramai masyarakat. Hal ini jelas terpapar kerana di setiap karya yang dilukis oleh beliau memaparkan seni bina rumah tradisional Melayu dan aktiviti masyarakat Malaysia. Haron bin Mokhtar telah mula menceburi karya seni pada pertengahan tahun 1980.

Seterusnya, beliau merupakan seorang ketua panitia subjek seni visual di Kolej Tingkatan Enam di Sabak Bernam, Selangor yang dikenali sebagai KISTARP. Tokoh ini juga dipilih berdasarkan latar belakang pendidikannya. Antaranya, tokoh mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang lukisan di UiTM pada tahun 1983 sehingga 1987. Selepas itu tokoh meneruskan pengajian diploma dalam bidang Diploma penguruan (Pendidikan seni) pada tahun 1988 untuk menjadi seorang guru. (Haron Mokhtar, 2011)

Beliau juga mempunyai galeri sendiri yang diberi nama Galeri Merah Teratak Anak Emas yang terletak di Sungai Besar, Selangor. Kajian yang bakal dijalankan ini hanya berfokus kepada tokoh seni tanah air iaitu Encik Harun bin Mokhtar dan dengan itu hasil daripada temubual para penyelidik dengan tokoh tidak boleh digeneralisasikan dengan tokoh seni tanah air yang lain. Selain itu, para penyelidik bakal mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan latar belakang tokoh yang dipilih. Melalui kaedah temubual yang bakal dijalankan, para penyelidik akan diberi gambaran berkenaan proses seni catan yang merupakan bidang utamanya. Para penyelidik turut akan menelusuri kejayaan-kejayaan yang telah dikecapi oleh tokoh seni tanah air ini.

Haron bin Mokhtar merupakan seorang seniman yang menerapkan unsur budaya dan nilai-nilai tempatan di dalam karya beliau. Hal ini jelas terpapar kerana di setiap karya yang dilukis oleh beliau memaparkan seni bina rumah tradisional Melayu dan aktiviti masyarakat Malaysia. Haron bin Mokhtar telah mula menceburi karya seni pada pertengahan tahun 1980. Antara karya-karya beliau yang mendapat perhatian masyarakat sekeliling adalah Siri Kaseh Sayang Galeri Shah Alam (1995), *In Pursuit of Penang*, Siri Atas Bawah Pusaka, The Artist Space Hotel Concord Shah Alam (1999), Pelita Hati Bangsar Kuala Lumpur (2005), dan Pameran Terbuka BSLN. Pada tahun 2018, beliau telah mengadakan solo iaitu (Siri

Perakam Waktu) Haron Mokhtar: Kapsul Masa 1988-2018 dan ianya merupakan pameran karya terkini beliau. (Faizal Sidik, 2018).

## PENGENALAN SEJARAH LISAN

Sejarah lisan merupakan satu kaedah temubual yang memerlukan tokoh mengingati semula kejadian yang telah berlaku dan dirakam oleh penemubual. Tokoh yang dipilih biasanya mempunyai sejarah hidup yang memberi kesan terhadap dirinya dan orang lain. Selain itu, sejarah hidup ini boleh dijadikan rujukan dan kemungkinan sejarah hidup tokoh berkenaan adalah faktor-faktor pahlawan yang tidak didendangkan. Sebagai contoh, tokoh merupakan penyumbang maklumat bersejarah dan mempunyai pengalaman diri mereka sendiri untuk dikongsi dengan orang lain pada masa hadapan. (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007) Disamping itu, sejarah lisan mampu melengkapkan sesuatu peristiwa zaman dahulu yang belum dapat dikumpul rekodnya. Contohnya, melalui sejarah lisan ini dapat mengumpulkan rekod sejarah yang tersimpan dalam memori seseorang tokoh untuk membentuk satu peristiwa sejarah yang lengkap. (Siti Roudhah Mohamad Saad, 2012)

Antara lain, kajian sejarah lisan juga dikatakan amat menarik untuk diterokai oleh para penyelidik. Hal ini demikian kerana penyelidik akan bertemu dengan pelbagai pengalaman baharu yang belum dirasai, penyelidik bakal melihat sejarah dari sudut yang berbeza, dan penyelidik akan menemui pelbagai ragam manusia. (Siti Roudhah Mohamad Saad, 2012) Mengikut sejarah, bidang sejarah lisan ini telah mendapat perhatian seorang tokoh yang bernama Herodotus yang digelar sebagai ‘Bapa sejarah’. Beliau telah menjalankan temubual individu untuk mendapatkan maklumat bagi melengkap peristiwa-peristiwa sejarah yang dianggap amat penting pada zaman dahulu. (Siti Roudhah Mohamad Saad, 2012)

Seterusnya, selepas selasai temubual bersama tokoh, hasil maklumat yang diperolehi akan disalin dan disemak. Selepas proses semakan selesai, penyelidik akan menaip dan hasilnya akan digunakan sebagai bahan pengajaran dan rujukan. (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Sejarah lisan juga merupakan kedua-dua jenis penyelidikan sejarah yang tertua. Dimulai dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan sekarang menggunakan teknologi digital abad ke-21. (Sejarah Lisan, 2020)

Untuk kursus pendokumentasian lisan pada kali ini, para penyelidik akan menemubual seorang tokoh seni tanah air yang pakar dalam bidang seni catan iaitu Encik Haron bin Mokhtar yang menetap di Sungai Besar, Selangor. Beliau yang lahir pada tahun 1963 merupakan seorang guru tingkatan enam sekarang. Beliau juga mempunyai galeri sendiri yang terletak di Sungai Besar, Selangor.

## **ULASAN LITERATUR**

Untuk memelihara seni warisan daripada pupus ditelan zaman, semua rakyat Malaysia perlu menjalankan tanggungjawab melalui pendidikan warisan seni bangsa yang dipelajari. Hal ini kerana warisan seni bukan sahaja memelihara seni dan budaya sendiri sahaja, masyarakat Malaysia perlulah mewarisi pelbagai jenis kesenian kerana pewaris budaya bangsa di masa hadapan ialah masyarakat pada masa ini. Budaya luar atau budaya barat perlulah dielakkan kerana ianya akan menyebabkan generasi muda tidak dididik tentang keunikan yang terdapat pada budaya tempatan di Malaysia. Seminar yang berkaitan seni warisan juga boleh menjadi usaha untuk pembinaan bangsa Malaysia dalam membina ketamadunan Malaysia di Nusantara. (Dr. Sabzali Musa Kahn, En. Effendi Shamsuddin & Dr. Nik Nairan Abdullah)

Seterusnya, Haron bin Mokhtar telah mula menceburi karya seni pada pertengahan tahun 1980. Haron bin Mokhtar merupakan seorang seniman yang menerapkan unsur budaya dan nilai-nilai tempatan di dalam karya beliau. Hal ini jelas terpapar kerana di setiap karya yang dilukis oleh beliau memaparkan seni bina rumah tradisional Melayu dan aktiviti masyarakat Malaysia. Antara karya-karya beliau yang mendapat perhatian masyarakat sekeliling adalah Siri Kaseh Sayang Galeri Shah Alam (1995), *In Pursuit of Penang*, Siri Atas Bawah Pusaka, *The Artist Space Hotel Concord Shah Alam* (1999), Pelita Hati Bangsar Kuala Lumpur (2005), dan Pameran Terbuka BSLN. Pada tahun 2018, beliau telah mengadakan pameran solo iaitu (Siri Perakam Waktu) Haron Mokhtar: Kapsul Masa 1988-2018 dan ianya merupakan pameran karya terkini beliau. (Faizal Sidik, 2018).

Menurut Alif Haiqal, seniman Haron Mokhtar telah memulakan kerjayanya dalam bidang seni sejak awal 1980 dan menjadi popular setelah memenangi anugerah utama dalam pertandingan Bakat Muda Sezaman di Galeri Seni Visual Negara (BSLN) pada tahun 1987 dan beliau mendapat Anugerah Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor Yang Amat Mulia (2014). Setiap karya beliau bertemakan ekspresi diri, ekspresi budaya, dan ekspresi Islamik. Setiap tema yang digunakan oleh beliau mampu menarik minat masyarakat dari dalam negara dan luar negara. (Alif Haiqal & May Tasneem, 2020)

Selain itu, Haron Mokhtar berusaha untuk mengekalkan dan memelihara tradisi Melayu dalam karyanya demi kepentingan generasi akan datang. Karya ini dihasilkan menggunakan media cat air dan karya beliau lebih fokus kepada tema realisme.(Yuhanis

Ibrahim,2020) Tema yang dibawa oleh beliau berkait rapat dengan aliran dalam seni barat. Aliran bermaksud haluan gaya tertentu dalam menghasilkan karya dan wujud mengikut peredaran masa dan zaman yang berperingkat.(Marhanim, 2020) Yuhanis Ibrahim (2020) berpendapat karya beliau jelas menunjukkan suasana di kampung dalam karya yang bertajuk "Suasana di Kampung". Aspek lain yang beliau beri perhatian adalah imej rumah kampung yang memenuhi ruang. Prinsip seni mempunyai kesatuan dalam menghasilkan lukisan yang seimbang dari aspek elemen seni dalam mewujudkan prinsip reka bentuk.

Dalam kajian Henry Butcher, Haron bin Mokhtar menggunakan ruang dan komposisi dalam setiap karya dan menggunakan tema senibina warisan pada kanvas. Setiap kanvas yang dilukis oleh Haron Mokhtar melibatkan ruang dan komposisi. Haron Mokhtar merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang lukisan, Institut Teknologi Mara (ITM) pada tahun 1983 sehingga tahun 1987 dan memenangi hadiah utama pada pertandingan Artis Kontemporari gabungan senibina budaya dan tradisional Melayu. Pada tahun 1988, beliau telah berjaya mendapatkan Diploma Guru Seni dan mengajar di sekolah negeri Selangor dan Sarawak. (Henry Butcher, 2014)

Elemen budaya dan masyarakat tempatan telah lama menjadi tema dalam karya seni rupa di Malaysia. Elemen-elemen seperti motif Melayu, peralatan, permainan, senibina, kostum dan tekstil, bahasa dan penulisan, cerita-cerita rakyat, pengangkutan tradisional masyarakat Melayu, makanan, persembahan teater, seni mempertahankan diri malah ekonomi masyarakat Melayu adalah antara yang menjadi pilihan para pelukis untuk digarapkan dalam karya-karya mereka. (Arkib Negara, 2006)

Seterusnya, kebanyakan karya Haron Mokhtar berlatar belakangkan senibina dan di bahagian depannya diselitkan dengan figura atau objek yang hendak ditonjolkan. Biasanya senibina rumah tradisional atau bangunan diletakkan sebagai latar belakang. Hal ini kerana karya beliau ingin memaparkan nilai-nilai murni berkaitan watak-watak dalam keluarga dan jiran tetangga. Karya beliau lebih kepada seni bina Melayu, tradisi dan budaya setempat. Setiap karya beliau banyak menimbulkan nostalgia berkaitan masyarakat terutama masyarakat kampung Melayu. (Prof Najri)

Selain mengutamakan senibina tradisional, Ahmad Hakim menerangkan bahawa Haron Mokhtar juga menggunakan tema keagamaan Islam dalam karya beliau. Sebagai contoh, Haron bin Mokhtar menjadikan Masjid Zahir sebagai inspirasi dalam karya catan dan

masjid itu merupakan salah satu masjid yang tertua di negeri Kedah. Beliau cuba fokus kepada nilai keagamaan di mana terdapat figura lelaki yang memakai jubah serta berserban. Beliau juga menggunakan seni khat Thuluth dalam karya beliau. Beliau memberi makna tersurat dalam karya beliau di mana simbol keagamaan iaitu agama Islam sinonim dengan aktiviti masyarakat Melayu Islam di negeri Kedah. (Ahmad Hakim, Yuhanis Ibrahim & Iqbal Badaruddin, 2020)

Tambahan pula, Syarifah Ruhayati berpendapat bahawa bahan yang digunakan untuk membuat karya catan ialah berus jenis lembut, pelbagai saiz, palet, bekas air, pembancuh warna dan kanvas. Selain itu, terdapat juga teknik-teknik yang dilakukan untuk menghasilkan sesebuah karya seperti basah atas basah, basah atas kering, kering atas basah dan kering atas kering. (Syarifah Ruhayati, 2013)

Kesimpulannya, sudah jelas dan nyata setiap karya Haron Mokhtar menggunakan tema yang melibatkan senibina tradisional dan masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa kajian lepas yang dilakukan oleh. Karya seni catan beliau telah menaikkan imej warisan budaya masyarakat Melayu serta agama Islam secara amnya.

## **TRANSKRIP TEMUBUAL**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Warisan Seni Catan. Bersama-sama kami ialah Encik Haron Bin Mokhtar yang merupakan seorang guru panitia bagi subjek Seni Visual di Kolej Tingkatan Enam Tunku Abdul Rahman Putra (KiSTARP) Sabak Bernam, Selangor. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 15 December 2020 bersamaan dengan hari selasa pada pukul 11.05 pagi iaitu bertempat di Galeri Merah Teratak Anak Emas yang terletak di Sungai Besar, Selangor. Temubual ini dikendalikan oleh Encik Sazwan Bin Nordin, Encik Muhammad Emir Hakim Bin Ramlan, Cik Farha Fazliyana Binti Mohammad Ali. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**MEH:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi cikgu.

**HMO:** Waalaikumsalam

**MEH:** Okey- hari ini kami nak *interview* [temuduga] atau temuduga cikgu untuk- taj-uk kerja kursus kami iaitu Warisan Seni Catan (cikgu mengangguk faham.) Okey tajuk kami pendo-- maafkan saya, Pendokumentasian Warisan Seni Catan. Kami- saya akan mulakan dahulu soalan pertama saya untuk *orientation question* [soalan orientasi] iaitu latar belakang tokoh. Boleh- cikgu ceritakan sedikit berkenaan latar belakang cikgu kepada kami?

**HMO:** Okey, nama saya Haron bin Mokhtar ya. Saya berumur lima puluh tujuh tahun [57 tahun] iaitu dilahirkan pada tahun 1963. Tarikh lahirnya ialah dua puluh lap-- dua puluh sembilan haribulan lapan 1963 [29 Ogos 1963] bermakna sehari kemudian atau dua hari kemudian hari merdeka ya [Hari Kemerdekaan Malaysia adalah pada tahun 31 Ogos 1957]. Baik, jadi saya sudah pun berumah tangga dan mempunyai seorang isteri, empat orang anak, tiga lelaki satu perempuan, tiga sudah berumah tangga dan saya ada

dua orang cucu dan bakal menerima seorang lagi cucu. Bermakna insya-Allah tahun depan cikgu ada tiga orang cucu ya. Saya mendapat pendidikan di ITM [Institusi Teknologi MARA, kini Universiti Teknologi MARA] ya, yang cikgu masuk pada tahun 1983 dan cikgu grad [*graduation*] 1987. Seterusnya cikgu sambung lagi pada tahun 1988 (telefon cikgu berbunyi) minta maaf.

**MEH:** Tak apa cikgu.

**HMO:** Saya minta maaf ya, *stop* [berhenti] (meminta Emir untuk memberhentikan rakaman sementara) minta maaf ya, kejap [*sekejap*] je [*sahaja*].

**MEH:** (Bunyi cikgu batuk) Cikgu sambung.

**HMO:** Baik, jadi tadi saya sampai mana pun terlupa dah ni ya. ( ketawa)

**MEH:** Teruskan sahaja dengan latar belakang cikgu.

**HMO:** Okey, (bunyi cikgu berdehem). Jadi pendidikan cikgu tadi sampai cikgu *graduation* lapan puluh tujuh [1987] dan seterusnya cikgu sambung belajar *Art Teacher Diploma* [Diploma Perguruan Pendidikan Seni , ITM Shah Alam] ya 1988 dan pada satu hari bulan tiga 1989 [1 Mac 1989] cikgu mengajar di-- yang pertama sekali pernah mengajar di SMK Maradong [Meradong] [Sekolah Menengah Kebangsaan Meradong] ya, Sarikei [Sarawak]. Seterusnya cikgu mengajar di SMB [SMK] Chung Hua, Sibu ya [Sarawak] dan 1994 cikgu ba-- kembali ke-- Semenanjung balik-balik-- dan cikgu mengajar di SMK Teluk Gadong, Klang [Selangor]. Seterusnya, cikgu mengajar di SMK Ungku Aziz [Sabak Bernam, Selangor] dan kini cikgu menjadi tenaga pengajar di Kolej Tingkatan Enam Tengku [Tunku] Abdul Rahman, Sabak

Bernam ya. Insha-Allah pada tahun hadapan bulan lapan cikgu akan bersara, saya rasa itu sedikit sebanyak latar belakang cikgu ya. Kalau ada pertanyaan nanti mungkin kita akan tanya lagilah, okey.

**MEH:** Okey, cikgu tadi cikgu bagitahu kami latar belakang cikgu, tapi boleh saya tahu cikgu berasal dari mana?

**HMO:** Baik, saya berasal daripada Kampung Simpang Lima Sungai Besar, Selangor ya. Saya dilahirkan di sini dan bersekolah di sini, okey. (cikgu menarik nafas)

**MEH:** Okey, seterusnya wan [Sazwan]

**SNO:** Okey, soalan seterusnya berkaitan dengan latar belakang ibu bapa cikgu. Boleh cikgu ceritakan kepada kami berkenaan latar belakang ibu bapa cikgu.

**HMO:** Baik, ibu bapa saya sudah pun tiadalah, dua-dua sudah meninggal nama bapa saya Mokhtar bin Shaari. Manakala, ibu saya bernama Hajah Amas binti Awang. Kedua-duanya te-lah melahirkan dua belas adik-beradik untuk kamilah ya. Bapa saya-- ibu saya ialah petani sepenuh masa lah ya. Jadi bapa saya ini kalau ikut sejarah- saya kecil dahulu seorang yang sa-ngat pandai bertukang dan juga menjahit. Manakala, ibu saya pun begitu dia pandai menganyam dan sebagainya. Mungkin atas ciri-ciri tersebut maka Haron Mokhtar ini ada berdarah seni sedikit ya. Itu sedikit latar belakang bapa sayalah ya.

**SNO:** Umph, adakah ibu bapa cikgu mempunyai minat yang sama terhadap Seni Catan?

**HMO:** Seperti tadi lah ya-- tapi [tetapi] mereka ini zaman mereka tu tak [tidak] tahu pun apa itu seni catan sebenarnya ya, tetapi kalau secara umumnya ya dia kenal lukisan sebab dia sering juga membelikan cikgu kertas lukisan ya sebab dia kenal bapa-- saya ini suka melukis ya. Tetapi yang macam cikgu kata tadi, dia ada satu kemahiran iaitu bertukang dan dia ada kemahiran menjahit. Dua-dua itu merupakan kemahiran tangan yang istimewa lah pada cikgu. (mengangguk)

**MEH:** Menjahit tu itu ibu cikgu ke atau-- ?

**HMO:** Bapa cikgu dan ibu cikgu.

(mencelah)

**MEH:** Oh (mengangguk)

**FFM:** Wow

**HMO:** Bapa cikgu pandai menjahit, sa-ya memang bangga (mengangguk setuju), dulu dia pernah buat baju cikgu pun. Dia sendiri memang pandai menjahit ya, itu kelebihan bapa dan kesan itu sekarang ini kakak saya, adik saya, ada kedai jahit. Itu- kesannya lah okey.

**MEH:** Soalan seterusnya, daripada Farha. (ketawa kecil) Farha.

**FFM:** Okey, soalan seterusnya tentang latar belakang keluarga cikgu. Okey soalan berbunyi, boleh cikgu ceritakan kepada kami berkenaan latar belakang keluarga cik-gu?

**HMO:** Latar belakang keluarga cikgu? (mengangguk). Baik, daripada dua belas orang adik-beradik ini lima orang sudah pun meninggal dunia. Okey itu, ti-ga orang daripada abang dan dua orang kakak dan di mana abang cikgu meninggal dalam usia yang agak muda ya. Iaitu dalam usia lima puluh tiga, lima puluh dua, lima puluh tujuh ya. Begitu

juga kakak ya yang- terbaru, abang saya yang- di atas saya pun baru sahaja meninggal juga dalam usia lima puluh tujuh tahun ya. Selain daripada itu ya keluarga cikgu ini kebanyakannya bekerja sendiri ya- adalah seorang dua yang bekerja dengan kerajaan. Tetapi kebanyakannya mereka ni [ini] sebab kami dilahirkan di luar bandar ya kami tidak mendapat banyak pendedahan tentang pendidikan dan sebagainya, dan kesusahan ibu bapa kami dahulu ya menyebabkan mungkin- kami tidak dapat untuk-- anak-anak itu dapat- melanjutkan pelajaran ke- universiti dan sebagainya-- zaman itu ya. Tetapi cikgu bersyukur ya-- namun keadaan hari ini ya majoriti cucu arwah bapa cikgu la ya kebanyakannya memang menjelak ke menara gadinglah. Itu yang cikgu sedar la ya dan cikgu rasa zaman kini keluarga cikgu tidaklah sesusah zaman-- cikgu lahir dahulu ya. Mereka sekarang ini sudah pun boleh hidup dengan sempurna dengan ada pendapatan yang- tidaklah lumayan tetapi mampu menanggung keluarga masing-masing ya dan mereka tidak lagilah- sesusah zaman kami dahulu. Tu [Itu] sedikit latar belakang yang- boleh cikgu nyatakan daripada apa yang boleh kamu pahamlah [faham], okey.

**FFM:** Umphh, apa ini cikgu anak ke berapa dalam adik-beradik?

**HMO:** Okey, cikgu anak yang kelapan ya. Adik-beradik cikgu ada lapan orang lelaki dan empat orang perempuan ya. Sepertimana yang cikgu sebut tadilah, lima daripadanya sudah pun tiada di muka bumi ini la ya. Cikgu pun sebenarnya dah jadi orang tua ya dah jadi atuk pun (penemubual dan tokoh ketawa). Cikgu mungkin dah setaraf bapa untuk kamu semualah (penemubual dan tokoh ketawa) ya. Jadi faham sahaja yang kelapan bermakna yang atas itu lagi tua daripada cikgulah kan (ketawa).

**MEH:** Cikgu, boleh ceritakan berkenaan dengan isteri cikgu?

**HMO:** Baik, isteri cikgu ialah rakan cikgu semasa cikgu darjah satu sampai tingkatan lima ya. Kami adalah sekelas [rakan sekelas]. Isteri cikgu ialah- seorang jururawat dan dia *last* [terakhir] jawatan dia- penghabisan jawatannya ialah *sister-* [ketua jururawat]

ya. Tapi dia telah mengambil persaraan yang awal sebab dia rasa tak selesa dengan kerja sebab- beliau ingin menceburi dalam dunia perniagaan. Jadi suka tak suka letak jawatan-- hari ini beliau menguruskan sebuah kedai makanlah ya dan juga menguruskan- *homestay* [inap desa]-- ini galeri yang ada sekarang-- yang tempat ini. Jadi beliau juga menjadi pengurus cikgu sekarang ya. Dia menguruskan-- aktiviti *art* [seni] cikgu, aktiviti penjualan, aktiviti berpameran, aktiviti -- banyak aktiviti yang beliau uruskan ya selain daripada menyediakan makan minum cikgu dan sebagainya. Jadi isteri cikgu ialah seorang yang sangat bertanggungjawab ya dan dia sangat mesra dengan orang-orang persekitaran.

**MEH:** Umph, boleh tak kami tahu adakah isteri cikgu pun minat-- ada minat yang sama terhadap seni catan ini?

**HMO:** Dia sebenarnya dari-- kalau di- sudut pengalaman cikgu berkahwin lebih dari tiga puluh tahunlah ya. Sebenarnya dia tak tahu apa-apa pun tentang seni ini (ketawa) dia tak tahu maksudnya dia tak ambil kisah pun, sebelum ini lah ya.

**MEH:** Pada awalnya ?

**HMO:** Pada awalnya, sebab- dia pun pernah memberitahu cikgu bahawa masa SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] nya mendapat sembilan, lukisan. Makna tak lulus lah tu, (ketawa) jadi dia macam tidak minat-- tapi dalam pada itu dia pernah memohon masa bujangnya dahulu dia kata dia pernah mengambil jurusan *fashion design*, [rekaan fesyen] dalam pandai tak pandai melukis pun dia ambil fashion desain [design] MARA- [Majlis Amanah Rakyat] di latihan MARA dan dia ada sijil kemahiran menjahit sebenarnya ya. Jadi dia pandai mereka pakaian sebenarnya (mengangguk), cuma dulu dapat SPM sembilan pun cikgu tak tau [tahu] macam mana dia boleh dapat sembilan sedangkan dia boleh ambik [ambil]-- boleh pandai buat rekaan ya. Cuma dalam bidang catan ini, sejak akhir-akhir ini la ya apabila- cikgu selalu membawa dia

pergi ke galeri, selalu membawa dia melihat tempat-tempat melukis dan sebagainya, dan paling tidak pun bila dia memperolehi duit daripada (ketawa) hasil jualan ya sebab dia jadi pengurus cikguan. Jadi dia nampak duit, jadi dia jatuh cinta pulak dengan karya-karya tu kan (reaksi teruja), jadi itu lah sedikit sebanyak yang cikgu katakan--kaitkan dengan cikgu. Dia memberi sokongan sepenuhnya kepada cikgu dalam dunia seni lukis.

**FFM:** Adakah anak-- cikgu mengajar anak-anak cikgu untuk meminati bidang seni catan ini?

**HMO:** Baiklah, ini satu soalan yang cikgu rasa sukar jugak [juga] cikgu nak menjawab. Dalam empat-empat orang anak cikgu itu. Peringkat mulanya sorang [seorang] pun tak berminat (wajah serius). Seorang pun tak peduli pun, tak-- bukan tak berminat lagi tidak peduli ya. Cikgu terpaksa berterus terang di sini, namun demikian cikgu berusaha untuk membuka mata mereka ya. Apabila cikgu- menyuruh anak sulung cikgu-supaya berkarya-- melukislah dan cikgu beri kanvas, cikgu serahkan kanvas cikgu pada dia dan warna dia. Lukis mengikut (bunyi pintu gelangsa ditolak oleh isteri cikgu) Haron Mokhar- maknanya ciri-ciri yang- seperti Haron Mokhtar tu perlu dilukis ya (bunyi cawan). Tirulah lukisan Haron Mokhtar peringkat mula.

**MEH:** Okey.

**HMO:** Dia berusaha membuatnya dengan akhirnya (bunyi isteri cikgu mengalihkan kanvas) cikgu *touch up* [memperkemas] saja lukisan itu dan cikgu jual dan lukisan itu laku dan cikgu serahkan duit pada dia. Dia terkejut beruklah bila nampak lukisan lukisan dia terjual. Mulai saat itu, dia mula dah-- minat jadi salah satu faktor orang minat melukis adalah faktor wang, betul tak? (ketawa)

**MEH:** Betul (ketawa)

**HMO:** Jadi akhirnya dia sudah pun harini [hari ini] menjadi pelukis sampingan cikgu yang membantu cikgu untuk berkarya juga. Sambil tu itu mungkin dia akan boleh menambah pendapatan dia dan sebagainya. Saya yakin dan percaya satu hari nanti dia akan mendapat ilhamnya sendiri untuk *style* [gaya] dia apabila dia mencuba melukis dengan bersendirian mengikut emosi dia sendiri dan sebagainya dia akan dapat apa yang dihajati sendiri. Begitu juga dengan anak cikgu yang kedua, juga menaruh minat dalam bidang seni ini dah mula menaruh minat apabila cikgu mengajak dia untuk membuat sesuatulah tentang seni. Pertama kalau cikgu ada *exhibition* [pameran seni], cikgu ada kertas kerja, cikgu ada apa- buat logo ke apa- cikgu serahkan pada dia, buat *banner* [sepanduk] ke ya. Jadi alhamdulillah, dia pun sudah menaruh minat yang sangat tinggi dalam bidang ini (reaksi teruja) kerana dia mem-perlihatkan unsur wang tadi dia boleh menjana pendapatan sampingan dia. Jadi disitu-- apabila didedahkan kepada seseorang tadi bahawa buat kerja *art* ini boleh mendatangkan hasil wang (batuk) nampaknya ia sangat berkesan (bunyi cawan). Itu mungkin yang- boleh-- manakala dua orang anak cikgu ini tadi, (batuk) minta maaf batuk ya.

**MEH:** Tak apa.

**HMO:** Kedua-duanya ini masih tidak berminatlah (batuk) dia lebih kepada- *business* [perniagaan] ya. Alhamdulillah, seorang tu bakal tuk [untuk] menguruskan galeri dan *homestay* ini manakala seorang lagi menguruskan kedai makan. Takpelah [Tidak apalah] cikgu men-sukuri [mensyukuri] nikmat Tuhan beri walaupun ada anak yang tidak- berminat dengan kerja-kerja seni cikgu tetapi paling tidak pun dia *appreciate* [menghargai] tentang kerja seni. Macam anak sulung-- anak bongsu cikgu ini dialah tukar hantar cikgu pergi galeri, kalau ada yang jauh-jauh dialah yang jadi pemandu cikgu dan sebagainya. Walaupun cikgu masuk galeri dia pergi *supermarket* [pasar raya]. Takpelah [Tidak apalah] cikgu doa satu hari nanti dia pun masuk galeri juga (ketawa), dia mungkin dia- tak seronok-- dunia anak mudakan paham-paham [faham-faham] sahajalah manalah dia suka nak tengok gambar-gambar lukisan yang sunyi sepi macam tu kan. Jadi tulah-- tapi insya-Allah satu hari nanti cikgu percaya ya dia

mungkin akan minat juga. Paling tidak pun dia mungkin minat jadi *collector* [pengumpul] ke? dengan cara yang lain tapi berkaitan seni. Boleh ya? menjawab soalan cikgu? (ketawa)

**MEH:** Menjawab

**HMO:** Boleh (ketawa)

**MEH:** Cikgu tadi cikgu ada cerita pasal isteri cikgu. Boleh tak kami tahu nama isteri dan umur isteri cikgu?

**HMO:** Okey, nama- isteri cikgu ialah- Puan Shamsiah binti Hamjah, berumur lima puluh tujuh tahun. Sama dengan umur cikgu la ya, cuma cikgu lahir itu dia tua setahunlah- tua setahun-- tua sebulan. Dia lahir pada dua puluh empat haribulan sembilan 1963 [24 September 1963] manakala cikgu dua puluh sembilan haribulan lapan 1963. [29 Ogos 1963]

**MEH:** Tu saja, untuk soalan seterusnya. Ada nak tambah ke Farha?

**FFM:** Ada- adakah anak cikgu masih tinggal bersama-sama cikgu dengan isteri?

**HMO:** Okey, anak cikgu yang masih tinggal dengan cikgu anak bongsu saja, yang lain sudah berumah tangga masing-masing ada rumahlah.

**FFM:** Okey cikgu.

**MEH:** Itu sahaja, Farha?

**FFM:** Itu sahaja.

**MEH:** Okey, soalan saya pula. Tadikan cikgu ada bercerita pasal latar belakang pendidikan cikgu kan-- sedikit kan?

**HMO:** (mengangguk)

**MEH:** Yang ni kami nak tahu lebih mendalam berkenaan latar belakang pendidikan cikgu.

**HMO:** Okey- cikgu bersekolah rendah di sekolah-

(mencelah)

**MEH:** Mungkin kita boleh bermula dengan tadika? (ketawa)

**HMO:** Tadika? Oh tadika, oh minta maaf cikgu- tak kenal tadika waktu itu. Tadika cikgu di rumah- saja, cikgu terus masuk darjah satu-- tahun satu-- masa itu darjah satu waktu itu. Cikgu tidak pernah pun tahu itu tadika ya, sebab cikgu dilahirkan di- kawasan sangat kampung dan takde- [tak ada] pun tadika waktu itu (ketawa) sebenarnya. Mungkin ada di kawasan-kawasan bandar ke pe-- tapi cikgu- tapi saya tak tahu pun- apa itu tadika (ketawa) yang cikgu tahu- masuk sekolah pergi sekolah.

**MEH:** Darjah satu?

**HMO:** Darjah satu ya, jadi masa darjah satu cikgu hingga darjah-- tahun enam atau darjah enam itu. Cikgu bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Simpang Lima (Sungai Besar, Selangor). Jadi jarak rumah cikgu ke sekolah tersebut hampir-- lebih daripada satu kilometer dan cikgu ke seolah itu berjalan kakilah- untuk sampai ke sekolah.

**MEH:** Seterusnya, cikgu di sekolah menengah?

**HMO:** Di- sekolah menengah cikgu bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar [Selangor]. Dari tingkatan satu sehingga tingkatan enam atas.

**MEH:** Oh

**HMO:** Di sana ya, jadi cikgu ber- berada di sekolah itu. Jarak antara rumah cikgu dengan sekolah tersebut ialah lebih kurang sembilan kilometerlah dan cikgu pergi sekolah berulang-alik menaiki basikal. Kemudian- setelah tamat persekolan di sekolah menengah. Cikgu melanjut pelajar [pelajaran] di UiTM [Universiti Teknologi Mara] iaitu pada 1983 (sic, Institusi Teknologi MARA (ITM)) dan cikgu dapat graduasi pada tahun 1987. Seterusnya, pada tahun lapan puluh- tujuh [1987] hujung tu tahun lapan puluh lapan [1988]-- satu januari lapan puluh lapan [1988]-- cikgu *graduation* dalam bulan tujuh tu itu ya. Kemudian lebih kurang lima bulan, dan cikgu sambung lagi untuk pendidikan- itu dipanggil sebagai *Art Teacher Diploma* di UiTM-- ITM waktu itu ye. Jadi lapan puluh sembilan itu (bunyi gangguan teknikal) cikgu habis belajar, jadi bermakna cikgu tidak ada menyambung pelajaran apa-apa selepas itu ya. Sepatutnya ya, kalau ikutkan memanglah cikgu minat nak ambil *master* [Ijazah Sarjana], nak ambil-- apa sebagainya. Tapi oleh kerana waktu itu cikgu berkarya tau, cikgu terus berkarya cikgu takde [tak ada] ruang pun nak belajar dan sebagainya. Cikgu terus melukis- jadi tidak- sempat nak menyambung pelajaran dan sebagainya ya.

**MEH :** Okey cikgu, saya hendak tanya. Kenapa cikgu ambil jurusan seni?

**HMO** : Begini ya, saya sebenarnya sangat minat karya- sangat-sangat berminat ya. Saya tidak- saya sebenarnya banyak ruang setelah cikgu lulus STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia]- [Cikgu menghabiskan pengajian di peringkat STPM pada tahun 1975] ya, banyak orang suruh saya ambil subjek bidang-bidang lain la ya. Cikgu tidak peduli, cikgu tidak mahu dengar itu, cikgu tahu cikgu hendak belajar seni sahaja ya. Ibu bapa pun tak- menggalakkan ya. Kemudian, cikgu-cikgu lagilah dikata [Cikgu kepada tokoh berkata “kamu besar esok dah keluar nak jadi apa?”] cikgu sendiri yang cakap macamtu ya- tidak macam zaman sekarang tau-- ia beza tau. Zaman cikgu dahulu, *motivate* [motivasi] itu tidak ada, motivasi itu tidak ada tau, kita kehendak sendiri sahaja ya. Jadi, minat cikgu ini sebenarnya me-mang daripada kecil, memang cikgu daripada kecil-- daripada cikgu kecil pun sudah melukis ya. Cikgu sanggup tidak berbelanja ke sekolah, sanggup tidak keluarkan wang-- yang orang tua bagi mungkin sepuluh sen itu, sanggup cikgu simpan tiap-tiap hari untuk cikgu beli semata-mata beli kertas lukisan dan juga membeli alatan melukis. Cikgu simpan, sanggup ya. Memang cikgu tidak kisah janji cikgu dapat kertas lukisan itu dah kira kenyang lah cikgu ha- itu zaman cikgu kecil dahulu-

(mencelah)

**MEH** : Bukan beli mainan eh?

**HMO** : Bukan, cikgu tidak beli mainan. Begitu juga kalau cikgu waktu-- cikgu masih ingat lagi peristiwa-semasa cikgu awal-awal tahun cikgu kenal- ingatan lah ya, yang cikgu ingat setiap pagi, setiap awal pagi cikgu bangun tidur, cikgu akan pergi ke satu kawasan lapang di hadapan rumah tau [tahu] tak ya, cikgu akan melukis rumah tahu tak, melukis rumah- dengan menggunakan apa- kayu ke ranting ke, cikgu lukis di atas tanah itu ya, jadi cikgu lukis rumah yang cantik pada [pada merujuk kepada pendapat cikgu] cikgu sebab rumah cikgu tidak cantik. Cikgu bayangkan yang rumah cantik itu rumah cikgu. Boleh faham tak?

**MEH** : Faham (mengangguk)

**HMO** : Jadi cikgu bayang- tidak hairanlah hari ini kalau kamu saksikan karya cikgu rumah tau.

**MEH** : Betul (mengangguk)

**HMO** : Ha- itu- ada kaitan bagaimana jiwa- seingat cikgu waktu cikgu kecil dahulu, itulah motif yang mula-mula cikgu lukis sebab cikgu hendak rumah yang cantik sebab rumah cikgu tidak cantik. Jadi, cikgu bayangkan cikgu dapat rumah yang cantik, rumah ada jendela, rumah ada tirai, rumah ada kisi-kisi, *best* [seonok] sangat itu-- kita tengok rumah orang ya tetapi kita tidak ada pemilikan itu sebab cikgu dilahirkan dalam keluarga yang sangat susah. Rumah cikgu tidak ada bilik, tidur dekat ruang tamu gitu-- [macam itu] ramai-ramai dan sebagainya. Itulah Haron Mokhtar waktu kecil dahulu ya tetapi apabila dengan idea-idea itu berkumpul hari ini kita saksikan dalam karya-karya cikgu rumahnya begitu cantik dan sebagainya, itulah impian cikgu kecil dahulu sampai ke tua hari ini. Jadi minat cikgu tu itu sebab itulah ya jadi tidak hairanlah cikgu memilih satu jurusan seni itu atas desakan hati dan perasaan cikgu ya walaupun orang lain paksa cikgu ambil benda lain ya, tetapi cikgu tidak terima itu semua walaupun cikgu tidak tahu waktu itu ada tidak masa depan, cikgu tidak peduli, cikgu sahut cabaran orang yang mencabar cikgu itu dan alhamdulillah ya berkat usaha-- Allah Taala [Allah Subhanahu Wa Ta'ala] mengizinkan cikgu menjadi seorang yang tidaklah berjaya 100 *percent* [seratus peratus] tetapi cikgu mampu mengadakan apa yang cikgu kehendaki dalam dunia ini ya. Okey.

**MEH** : Okey cikgu, boleh tidak saya tahu siapa yang bertanggungjawab dalam memperkenalkan bi-bidang seni catan ini kepada cikgu?

**HMO** : Baik. Apabila cikgu masuk ke UiTM, ITM lah waktu itu ya, cikgu diperkenalkan oleh seorang yang sangat cikgu hormati sehingga kini iaitu allahyarham Ahmad Khalid Yusof ya, Ahmad Khalid Yusof ini kalau kita check [periksa] nama dia

dalam seni iaitu pelukis jawi siri Alip [Alif] Ba Ta-- ya, biasa kalau kita lihat Ahmad Khalid Yusof tu ialah seorang yang pensyarah cikgu waktu itu ya, dia menerangkan tentang seni dan sebagainya ya. Selain daripada itu, cikgu juga didatangi oleh ramai orang yang berjaya waktu itu macam pensyarah cikgu juga Chun Kan Kau- ya seperti Panorin Amin ya seperti Yusof Ghani, adalah nama-nama besar waktu itu jadi pensyarah cikgu di Universiti ITM tu ya, jadi mereka telah memberi satu pendedahan kepada cikgu dan cikgu bersyukur lah ya bila cik- kita waktu itu kita buk- Malaysia ni belum dikuasai oleh banyak manusia macam hari ini tau ya, ha- kejayaan-kejayaan orang dalam bidang seni tu itu belum- boleh dibilang dengan jari tau waktu itu tau tetapi mereka telah bercerita tentang bagaimana mereka boleh menjana kewangan dalam sudut kar- berkarya ini. Cikgu didedahkan pula dengan karya berharga puluhan ribu, cikgu didedahkan dengan karya yang ada har-- ratus ribu ya jadi di situ minat cikgu lebih kuat, dia melonjak tau, keghairahan. Jadi pensyarah-pensyarah cikgu memang sangat berjasa kepada cikgu, ia telah memberikan cikgu satu pendedahan yang sangat besar yang cikgu daripada orang kampung yang tidak tahu apa-apa itu ya, memang tidak tahu apa-apa ya, hanya minat sahaja dan bila benda itu berjaya dan akhirnya cikgu-- banyaklah kejayaan-kejayaan cikgu timpa setelah minat cikgu begitu mendalam, okey.

**MEH** : Cikgu boleh tidak saya tahu rakan seperjuangan yang sama-sama dengan cikgu dalam mengembangkan warisan seni catan ini?

**HMO** : Baik, sebenarnya cikgu ada rakan juga kita boleh check ya Romli Mah-mud ya, sekarang dia menjadi pensyarah di UiTM Kem Kijang ya (sic, UiTM Cawangan Kelantan ditubuhkan di Kem Kijang, Kelantan) di Kelantan. Rakan- rakan cikgu yang hampir sebaya seperti Jailani Abu Hasan, Rafiee, Abdul Ghani ya dan beberapa ramai lagi, ramai sebenarnya ramai seangkatan dengan cikgu lah ya yang- berjaya, yang menempa nama dipersada seni tanah air kita dalam dunia catan lah ya. Jadi cikgu bersyukur ya nama-nama itu kebanyakannya mereka itu memang sudah berada di *level* [peringkat] masing-masing lah ya, itu rakan-rakan cikgu yang sebaya dengan cikgu okey.

**MEH** : Seterusnya, soalan daripada Farha

**FFM** : Okey untuk soalan seterusnya cikgu, tentang pengalaman kerjaya cikgu seorang pengkarya seni catan. Soalannya ialah boleh cikgu ceritakan kepada kami berkenaan pengalaman kerjaya cikgu dalam bidang seni catan?

**HMO** : Baik, dalam bidang seni catan ini ya, memang cikgu bukan-- menceburiti dalam seni catan ini secara seratus peratus ya sebab cikgu ada kerjaya lain ya iaitu sebagai tenaga pen-gajar ya. Namun demikian, apabila cikgu berkarya ya, apabila cikgu berkarya, menghasilkan karya, cikgu selalu meletakkan bahawa itulah kerja cikgu. Kerja cikgu ialah melukis ya, jadi berdasarkan pada pengalaman-pengalaman cikgu dalam dunia ini, dalam dunia seni lukis sebagai- cikgu akan bermula daripada 1984 ya apabila karya cikgu dibeli dan dengan pembelian karya tersebut, cikgu boleh membeli tiket kapal terbang untuk pergi ke Sarawak [Malaysia]. Itu pertama kali cikgu yakin karya cikgu ada pembeli. Apabila sampai ke Sarawak, cikgu melukis di Sarawak, karya cikgu dibeli di Sarawak. Itu- tidak tahulah sekarang dulu di letak di Muzium- di Sarawak. Jadi, itu peringkat mula walaupun tidak mahal waktu itu cikgu jual dalam dua ratus, tiga ratus, empat ratus sahaja ya tetapi waktu itu tahun lapan puluh empat [1984] itu duit itu besar nilainya ya, besar ya, kalau sudah boleh beli tiket kapal terbang itu kira handal la itu- kan ya, jadi tahun-tahun itu cikgu dah- bila cikgu-- dan apabila tahun lapan puluh lima [1985], lapan puluh enam [1986] cikgu masih- lagi belajar, cikgu telah pun menjual karya tau dan waktu itu tidak kurang pendapatan cikgu dalam sebulan itu seribu ringgit dan hasil jualan kerja lukisan ini. Jadi apabila sambil belajar, cikgu melukis, cikgu tetap melukis di studio. Cikgu menyertai pameran dan sebagainya dan cikgu dap-at duit daripada hasil daripada jualan kerja cikgu.

(mencelah)

**MEH:** Okey.

**HMO:** Sehingga yang kemuncak yang besar semasa cikgu *student* [pelajar] ialah cikgu menjual enam keping gambar, akhirnya cikgu buat duit hantaran dan juga duit kahwin untuk isteri-- betapa besarnya cikgu- karya cikgu berkarya tadi lah- dan seterusnya kalau hendak katakanlah ya, kerjaya cikgu- selepas itu bagaimana cikgu buat pemilikan harta, buat rumah, buat apa-- beli kenderaan dan sebagainya sehingga kini-di mana cikgu dapat menyiapkan Galeri Teratak Anak Amas ini (Bunyi helaian kertas diselak) dengan hasil jualan kerja-kerja kerjaya cikgu sebagai seorang pelukis. Ini yang cikgu boleh gambarkan walaupun kerjaya itu ialah kerjaya yang kedua tetapi apabila cikgu meletakkan kerjaya itu- bila cikgu meletakkan diri cikgu semasa membuat kerja cikgu, cikgu letakkan itulah yang pertama masatu- [masa itu] jadi cikgu terpaksa agihkan masa cikgu dan sebagainya, pikiran [fikiran] cikgu dan sebagainya. Pelukis—yes! [betul] cikgu akan letak jiwa cikgu sebagai pelukis. Boleh menjawab persoalan? (ketawa)

**MEH :** Menjawab (ketawa). Seterusnya, Farha.

**FFM :** Adakah pernah cikgu menjalankan sebarang kursus yang melibatkan karya seni catan?

**HMO :** Okey, kebetulanlah ya- untuk yang biasa, untuk cikgu di kolej atau di sekolah sebelum ini pernahlah ya, banyak kerja-kerja yang cikgu anjurkan seperti cikgu mengadakan seminar-seminar untuk guru-guru seni ya tetapi itu atas kerjasama jabatan pendidikan ya tetapi cikgu yang menjadi ketua lah, yang cikgu akan menguruskan segala-galanya ya. Begitu juga dengan pelajar-pelajar di kolej ataupun pelajar di sekolah, cikgu seringkali mengadakan kelas-kelas *drawing* [kelas melukis] contohnya untuk di peringkat di Malaysia sajalah dan cikgu juga ada membuat beberapa bengkel seni di universiti seperti di UPSI. [Universiti Pendidikan Sultan Idris] Cikgu adalah dipanggil untuk memberi ceramah dan sebagainya dan juga ada sesekali cikgu turun ke UiTM sekarang untuk menjadi pensyarah jemputan dan sebagainya ya jadi sebenarnya aktiviti-aktiviti itu memang tersusun rapi lah, banyaklah aktiviti, yang terbaru, yang bakal cikgu adakan iaitu pada tiga bulan satu dua ribu satu (sic, 2021) [3 Januari 2021] sehingga tujuh bulan satu dua ribu satu (sic, 2021) [7 Januari 2021] cikgu ada perkampungan seni di Galeri Merah Teratak Anak Amas ini ya di mana

perkampungan ini cikgu menjemput lima orang artis, kemudian dua puluh artis amatur untuk berkumpul di sini selama lebih kurang empat hari atau lebih kurang lima hari di mana mereka akan berkarya bersama-sama di mana mungkin aktiviti seperti melukis mural dan juga membuat arca ya. Di mana, artis-artis tempatan itu akan memberi tunjuk ajar kepada amatur ini tadi ya supaya seni untuk masyarakat itu akan diserlahkan dengan betul di mana audiennya ialah penduduk kampung, supaya penduduk kampung di-tempat cikgu ini sedar bahawa seni ini ada manfaatnya [manfaatnya] bukan buang masa, itu- yang kita nak- [hendak] *highlight* [serlahkan] kan begitu insyaAllah. Okey.

**FFM** : Bagaimana cikgu bahagikan masa sebagai seorang guru dan sebagai seorang pelukis?

**HMO** : Yes! ini soalan yang kadang-kadang yang sering ditanya kepada cikgu dan sebenarnya secara peribadi, cikgu masih meletakkan cikgu ialah seorang guru, kerjaya utama ialah seorang pendidik. Kebetulan Tuhan sudah beri rezeki kepada cikgu jadi tenaga pengajar seni, seni lukis pulak itu ya, sepenuh masa pula tu tidak ada subjek lain. Jadi cikgu rasa cikgu bertuah di mana cikgu pergi ke kolej sebenarnya cikgu bawak [bawa] diri cikgu juga sebagai seorang pelukis

(mencelahan)

**MEH:** Betul

**HMO:** Sebab cikgu mengajar seni jadi cikgu tidak ada pemikiran- cikgu tidak berubah. Cikgu meletakkan cuma yang kita ubah ialah sukanan itu sahajalah kita mengajar sukanan tetapi dari segi cerita, dari segi komitmen cikgu-- siapa itu Haron Mokhtar dia tetap berdiri di hadapan itu sesekali- dia jadi cikgu-- sa-tu-- sesekali dia jadi pelukis Haron Mokhtar supaya pelajar cikgu ini dia tahu dan sebenarnya pelajar cikgu pun selalu membisikkan kepada cikgu lah cikgu “kami sangat bertuah sebab kami diajar oleh artis--” bertuah la rasanya sebab dia *direct* [secara terus], cikgu adalah pengamal, cikgu bukannya orang yang- menceritakan tentang kejayaan orang lain. Cikgu

bercerita tentang apa yang cikgu buat, apa yang cikgu lakukan, jadi pelajar-pelajar biasanya memberi perhatian yang *hundred percent* [seratus peratus] kepada apa yang cikgu terangkan, itu sebabnya keputusan dari segi *ranking* [kedudukan] cikgu, kelas-kelas cikgu itu sangat membanggakanlah kolej dan sebagainya. Itu bermakna pengajaran cikgu tidak terganggu langsung, boleh faham tidak ya, tidak terganggu langsung walaupun cikgu ada dua kerjaya sebab itu bersyukur kepada Tuhan kerana cik- pembahagian masa cikgu ini sebenarnya tidak menganggu banyak. Kecuali masa berkarya jadi cikgu telah membahagikan dua tempat, dua masa iaitu mengajar waktu siang cikgu selesaikan ha-bis di kolej. Cikgu bila balik, cikgu tidak bawa lagi kerja kolej dah jadi sebelah petang ke malam cikgu be-rada dalam studio. Cikgu akan letak diri Haron Mokhtar sebagai seorang pelukis ya biasanya begitu. Kebiasaananya jadi masa untuk berkarya cikgu sudah ada jadualnya, jadi masa mengajar cikgu takkan ganggu jadual cikgu jadi boleh menjawab begitu ya okey.

**FFM :** Soalan seterusnya, kenapa cikgu memilih untuk teruskan berkarya seni catan?

**HMO :** Kenapa ya? pertama sekali sebab ia boleh mendatangkan hasil. Dia sangat banyak membantu, dia banyak memberi cikgu satu kelebihan dari segi kewangan. Yang kedua sebab cikgu minat, mula dulu cikgu minat, cikgu tidak peduli ya tetapi bila dia karya itu dibeli dan sebagainya. Bohonglah kalau cikgu kata itu bukan satu faktor pendorong.

(mencelah)

**MEH:** Betul

**HMO:** Kalau orang boleh bayar cikgu sekeping lima ribu ringgit- kalau buat dua-keping kita sudah ada sepuluh ribu ringgit, oi orang-- pun seronok kan, kalau kamu pun- ditanya “Ko [kau] seronok ke?” Seronok!, kata Haron Mokhtar. Ini faktor ya-- . Tanyalah mana-mana pelukis ya, faktor terus berkarya itu ialah kerana karya kita ada orang membeli atau orang *appreciate*, orang suka dengan kerja kita tetapi kalau orang

menyampah dengan kerja kita, kita tidak akan suka. Sekejap, walaubagaimanapun, kenapa cikgu terus berkarya ini sebenarnya itu hanya dari sudut ekonomi. Dari sudut emosi cikgu sebenarnya, masa terluang untuk cikgu itu ialah melukis. Cikgu tidak ada hobi lain, cikgu tidak pandai pergi memancing macam orang lain, cikgu tidak boleh-- tidak pandai main bola sepak, cikgu tidak pandai main badminton, tidak ada langsung ruang waktu untuk itu untuk cikgu, yang cikgu tahu, yang cikgu ingat tiga puluh tahun yang lepas lah ya sehingga sekarang minat cikgu selain daripada dengan anak-anak dan kini dengan cucu, cikgu melukis sahaja. Kalau cikgu nak hendak riadah dan sebagainya cikgu buat joging-joging bodoh-bodoh keliling padang sebenarnya-- keliling studio- sahaja. Itu yang cikgu buat, tetapi bukan rutin pula tu ya- bila cikgu rasa badan tidak sihat ya ba- macam badan lemah-lemah cikgu akan ambil lah masa untuk- riadah dia sangat berbeza lah, kalau mungkin cikgu ini seorang kaki pancing dan sebagainya, mungkin tidak wujudlah *painting* [karya lukisan] yang begitu banyak- yang cikgu ada ya, itu sebenarnya faktor-faktor minat tadi, yang sehingga kini cikgu rasa ianya menjadikan cikgu- rutin terus berkarya ya-. Okey boleh menjawab? (tokoh dan penemubual ketawa)

**FFM:** Ya boleh- lagi satu, dalam pengalaman cikgu, adakah pihak kerajaan membantu ataupun tidak dalam prosi- mempromosikan bidang seni catan ini?

**HMO:** Saya yakin dan percaya, pihak kerajaan ada membantu ya saya yakin dan percaya. Ini kerana, yang pertama begini lah ya kalau tidak, takkan cikgu dapat dana daripada- Balai Lukis Negara ya. Tidak banyak lah dana yang diberi kepada cikgu iaitu sebanyak 20 ribu [RM20 ribu] sahaja ya untuk buat projek yang tadi yang cikgu katakan, cikgu dapat dana sebanyak 20 ribu ringgit. Tetapi apa yang- selebihnya begini, kerajaan juga dalam- banyak membantu dalam pembelian karya sebenarnya ya untuk pejabat-pejabat kerajaan dan sebagainya ya. Se-lain daripada itu ya satu yang lagi kadang-kadang orang terlupa bahawa, pembelian karya- yang dibeli tadi, di anggap sebagai barang yang melepassi cukai ya cukai-- seseorang membeli karya itu kita boleh wartakan pembelian karya tersebut dan kita boleh dilepaskan dengan cukai. Ini sangat penting, kadang-kadang kita tidak melihat bahawa peranan kerajaan itu di sudut mana

ya. Jadi sebenarnya kerajaan dari sudut membantu karya ini sangat banyak sebenarnya. Kalau tidak, tidak ada di universiti yang menawarkan fakulti yang untuk seni ya kalau hendak kita tanya lah pihak universiti sendiri, majoriti [majoriti] itu setiap- universiti ada- fakulti seni. Ini bantuan-bantuan kerajaan beri yang kadang orang tidak perasan pun! Tetapi orang-orang nampak yang- lain yang kerajaan tidak bagi itu, tidak bagi ini biasa kita dengar komen begitu, tetapi Haron Mokhtar tidak melihat begitu ya, kalau tidak, kalau kerajaan tidak bantu cikgu dalam bidang seni, cikgu tidak jadi- Haron Mokhtar tidak jadi hari ini begini ya sebab cikgu belajar dulu daripada kerajaan dah adakan kelas-kelas seni di universiti. Itu yang boleh cikgu jawab ya ingat itu okey, okey. Sebenarnya banyak lagi saya jawab sikit-sikit lagi sebenarnya banyak lagi kerajaan bantu ya saban tahun kerajaan ada menawarkan tentang pertandingan-pertandingan yang sangat besar ya sebab-- cikgu sebut kerajaan ini kenapa, dana yang diperolehi untuk beri hadiah dan sebagai itu datang daripada duit kerajaan, bukan duit perseorangan jadi kita kena tahu yang itu, jadi apa pun atas nama lain tetapi dana itu datang daripada duit kerajaan, itu kerajaan lah bantu, itu yang kita kena faham ya macam pertandingan-pertandingan Bakat Muda Sezaman, pertandingan-pertandingan yang besar-besar ya seperti mana yang sedia maklum, cikgu pun pernah menang anugerah yang besar, tadi tidak pernah cikgu ceritakan ya. Cikgu ada ba-nyak anugerah sebenarnya. Nanti bolehla buat soalan-soalan itu (tokoh dan penebual ketawa)

**FFM:** Ini soalan yang terakhir untuk bahagian pengalaman.

(mencelah)

**HMO:** Okey

**FFM:** Bagaimana cikgu mengembangkan bidang Seni Catan ini di sekolah cikgu sekarang ini?

**HMO:** Baik! Ini sangat penting cikgu jawab secara jujur. Cikgu ada galeri di kolej cikgu, cikgu bangunkan dengan tenaga dan usaha cikgu sendiri, supaya kenapa-dengan adanya galeri tersebut, orang atau pelajar-pelajar kolej boleh melihat apa hasil

kerja-kerja yang mereka telah buat dan cikgu *publish* [pamerkan] kan dalam galeri, jadi istilah galeri itu sangat penting untuk pelajar-pelajar yang meng-- mengambil seni. Kalau ditanya dengan diri kita sendiri “Adakah kamu pernah memijak galeri?”, kata Haron Mokhtar, “Adakah kamu pernah melawat galeri?”, kata Haron Mokhtar, “Adakah kamu masuk di Balai Seni Negara?”, kata Haron Mokhtar, sedangkan ini sangat penting kita nak tahu tetapi kalau o-rang ma-cam cikgu sedar di luar bandar ini semata-semata beli tiket bas nak pergi tengok ba-- Balai Seni Negara di Kuala Lumpur tu hebat sangatlah manusia ini kan ya. Kalau ada seribu seorang lah yang berlaku ya, tetapi cikgu sedar kelemahan-kelemahan ini, kita nak membina sesuatu generasi yang hebat, kita bermula daripada bawah. Kita bermula daripada rumah, kita bermula tu, jadi kalau di sekolah termampu cikgu lakukan adakan galeri, kita pun mula di situ. Cikgu yakin dan percaya dengan peringkat permulaan ini, dia ada- sedikit kefahaman, dia tidak akan kekok satu hari nanti akan pergi ke luar dia nampak galeri d-ia tidak ragu-ragu untuk masuk untuk melihat. Ini yang cikgu hendak tanam minat dan sebagainya ya. Itu yang cikgu lakukan perkembangan-- bagaimana cikgu memperkembangkan seni di tempat kerja cikgu. Saban tahun, saban bulan, kadang-kadang cikgu adakan pertandingan melukis, kita adakan *outdoor sketching* [melakar di kawasan terbuka] dan sebagainya. Adalah rancangan yang telah di atur untuk mengembangkan seni itu di kolej.

**FFM:** Adakah pihak sekolah cikgu itu, sama-sama membantu cikgu untuk mempromosikan bidang seni catan ini?

**HMO:** Baik, se-takat ini pihak pengurusan sangat *appreciate* maksudnya-- dia berbangga dengan apa yang telah cikgu lakukan, ini kerana dia sedar sebab dia melihat kejayaan cikgu tau sebagai seorang guru ya. Guru yang taklah [tidaklah] cikgu kata ini cikgu yang hebat tapi cikgu buktikan bahawa apa yang kita lakukan itu benar sebab cikgu buktikan dengan data-data kejayaan-kejayaan yang cikgu lakukan semasa cikgu bertugas lagi ya. Ba- bagaimana cikgu semasa bertugas, cikgu ada pameran solo. Untuk makluman ya, cikgu sudah ada sembilan-- lapan pameran solo ya.

(mencelah)

**MEH:** lapan?

**HMO:** Lapan pameran solo ya kalau nak berkumpulan itu beratus sudah, cikgu pun taktau [tidak tahu] sudah berapa banyak tetapi paling penting kalau kita tanya-- seorang artis, pameran solo itu menjadi satu *benchmark* [penanda aras] untuk kriteria siapa orang itu ya. Untuk makluman juga ya, 1987 cikgu menang satu anugerah besar iaitu *major award* [anugerah utama] hadiah utama Bakat Muda Sezaman. Selepas zaman itu ba-ru lah cikgu menjadi seorang pelukis profesional, lapan puluh tujuh [1987] cikgu sudah menjadi pelukis profesional, awak bayangkan sekarang dah dua ribu dua puluh [2020]. sudah berapa tahun? (ketawa) ya, jadi kerja-kerja cikgu dan selepas itu saban tahun, ada beberapa anugerah-- saya rasa nanti diorang [mereka] adalah data itu ambil gambar saya tulis sahajalah data-data cikgu tak ingat sangatlah apa yang cikgu menang itu menang ini cikgu tidak ingat sebenarnya ya.

(mencelah)

**FFM:** Okey.

**HMO:** Sebab untuk menjadi seorang artis yang berjaya ini ya dia kena menang anugerah, itu sahaja dia ada *level* (tahap) dia dan anugerah yang terbesar yang cikgu pernah terima ialah Anugerah Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor [2014]. Jadi faham-faham sahaja lah ya jadi darjah itu dianugerah oleh Tuanku Sultan Selangor atas jasa cikgu dalam dunia berkarya okey. Boleh?

**FFM:** Boleh.

**MEH:** Okey cikgu saya nak-- saya ada satu soalan.

(mencelah)

**HMO:** Okey

**MEH:** Tadi cikgu cakap ker-- pihak kerajaan memang ada membantu kan?

**HMO:** Ya.

**MEH:** Bidang seni catan ini, saya nak tanya cikgu adakah pihak kerajaan dia mem- bidang seni catan ini dia mendapat perhatian yang setaraf dengan seni yang lain di-- pihak kerajaan?

**HMO:** Okey, asasnya, asasnya ialah kerajaan memang membantu tapi kalau nak katakan setaraf, cikgu kata kita ketinggalan. Kerajaan mungkin pandang sebelah mata sahaja dengan seni catan.

(mencelah)

**MEH:** Okey.

**HMO:** Dia berbeza dengan dunia seni hiburan lain seperti tarian, seperti nyanyian, seperti lakonan, dan sebagainya. Saban tahun, kita akan lihat dana yang disalurkan dalam bidang seni, tapi dia tidak pernah menceritakan dana itu untuk, kerja seni lukis. Ya tapi lebih kepada profileman ya lebih kepada teater, lebih kepada itu dan sebagainya. Tapi pada pihak cikgu lah ya, dana itu kadang kelihatan tersembunyi. Pada cikgu, untuk dana itu dikembalikan kepada pihak galeri. Siapa nak bayar gaji galeri? Siapa nak bayar kakitangan galeri yang ada dalam Malaysia ini? Banyak tau? Yang kadang-kadang kita tidak tahu kita tidak pandang pon. [pun] Cuma yang- jadi masalah yang pada cikgu ini lah, pihak yang telah di beri peluang ini tadi tidak menonjolkan kalau penyanyi itu dia sangat *popular* [terkenal] sebab, dia di tonjolkan diri dia pada masyarakat tugas anda lah untuk membantu kami (melihat penemubual) pelukis-pelukis ini (ketawa) untuk di serlahkan di depan masyarakat ya. kami kurang mendapat publisiti artis ini tidak mendapat publisiti seperti Siti Nurhaliza [Dato' Sri Siti Nurhaliza binti Tarudin] (ketawa) jadi cikgu betul lah ya? artis tidak dapat publisiti seperti apa ini pelakon-pelakon yang hebat-hebat yang kita ada itu ya sebab itu, tapi kalau kita lihatkan jumlah pendapatan, dan sebagainya sebenarnya, pelukis ini sebenarnya lebih banyak hasilan mereka.

(mencelah)

**MEH:** Betul

**HMO:** Kita bayangkan Yusuf Gani, satu gambarnya 300 ribu (penemubual terkejut) (ketawa) ini- cikgu nak gambarkan, tapi dia tidak dia tidak di *highlight* [menonjolkan] betul kita cuma orang tertentu sahaja tahu begitu juga dikatakan dengan Haron Mohktar, hanya sekumpulan yang meminati kerja cikgu tetapi, akhirnya cikgu boleh mengadakan satu kompleks seni sendiri! Dengan hasil jualan lukisan tetapi, apapun pada cikgu lah ya nama itu tidak penting sangat untuk cikgu ya tapi perjuangan cikgu untuk karya seni ini itu yang lebih utama. Cikgu tidak berkecil hati kerana kerajaan mem-- mengangkat seni itu sebagai yang di atas seni lain untuk di atas cikgu, cikgu tidak berkecil hati sebab, cikgu percaya bahawa dalam dunia sen-- karya lukis seni ini, ada peminat tersembunyi.

(mencelah)

**MEH:** Ya

**HMO:** Itu penting ya peminat-- tersembunyi ini ialah jutawan-jutawan yang sangat hebat. Mereka ini lah membeli karya, mereka ini tidak suka di *highlight* nama mereka, sebab mereka ini jenis orang yang *humble*, [rendah diri] pertama mungkin nak sembunyikan kekayaan mereka lah ya, kalau semak, sekejap boleh kata beli karya empat ratus ribu (reaksi teruja), mungkin mereka ada perompak-perompak sedia untuk merompak dia. Ini saya- nak beritahu anda lah kenapa perkara ini berlaku lah ya, jadi mungkin dia kata “Jangan *highlight* kan nama saya beli karya awak, diam-diam sudah lah ya”, kata pembeli lukisan Haron Mokhtar. “Saya minat kerja awak, saya nak simpan kerja awak, awak simpan saya nak gantung kerja awak, saya nak menikmati bersendirian. Saya bukan nak *publish* kan benda-benda ini semua”, kata pembeli lukisan Haron Mokhtar. Sebab itu, karya ini di gantung di bilik-bilik khas yang sukar ditembusi oleh *audience* lain tahu. (penemubual ketawa) Ini kena tahu dia sangat bernilai, saban tahun karya itu akan meningkat nilainya, dia seperti emas dia tidak

seperti dengan ini-- kalau penyanyi-penyanyi itu dia bebas orang boleh dengar satu dunia, orang boleh, tapi kalau lukisan jarang orang boleh lihat satu dunia itu *live*--(secara langsung) memang susah! Jadi kamu nak lihat lukisan ‘Monalisa’ yang *original*, kamu kena terbang ke muzium yang mem-maparkan lukisan ‘Monalisa’ nak masuk pun kena bayar-- nak kena bayar berapa *pound* dan sebagainya, itu menampakkan bezanya betapa *elite* (hebat) nya karya lukisan ini. Jadi- bila kerajaan melihat begitu, dia bukan untuk orang kebanyakan, kalau nyanyian dia macam orang kebanyakan kita kena faham, ini kalau lukisan kalau kita cerita dengan orang kebanyakan-- “Berapa harga lukisan ini?”, kata Haron Mokhtar. Kata lah enam ribu, baik aku beli beras! dia pun terkejut beruk dengar kan. Minta maaf lah cikgu (merujuk diri sendiri) tersebut sebab cikgu sendiri tidak pernah *high-light* kan diri cikgu sendiri sebagai pelukis untuk penduduk kampong (kampung)

(mencelah)

**MEH:** Oh.

**HMO:** Sebab cikgu nak menghormati mereka. Cikgu tau perasaan mereka ya, buat rumah batu besor-- [besar] hendak gantung lukisan (tokoh ketawa) boleh faham maksud cikgu tak ya? Macam mana kita nak menjaga hati masyarakat persekitaran dan sebagainya. Ini penting lah ya, itu sebabnya-- tapi dalam masa yang sama cikgu tetap promosi cara cikgu- lah, jadi walaupun ada sedikit pilih kasih kerajaan macam cikgu sebut tadi, tapi perkembangaann seni itu terus berjalan. Itu cikgu percaya, sebab pengiat-pengiat seni terus berkarya, *collector- [pengumpul]* tetap membeli. kalau *collector collecting* [mengumpul] ini lah yang menyuburkan kerja-kerja seni. *Collector-* ini hebat-hebat kalau saya pecahkan ini banyak, baru korang [kamu orang] terdedah nanti ya (suara ketawa) memang badan berkanun *collector* kita ya. Orang perseorangan ya, kemudian di dalam dan di luar negara. Kemudian kalau mereka beli sekeping, dia tidak akan beli sekeping, dia akan ikut perkembangan, macam cikgu sendiri, alhamdullillah (melihat penemubual) seorang peminat cikgu yang tegar ya, tegar itu maksudnya sentiasa membelikan karya cikgu, salah seorangnya ialah Duli Yang Maha Sultan Selangor, telah membeli hampir lebih daripada 300 keping dah daripada cikgu. Jadi kita buat bayangan ya dalam sembunyi diam- kita menjual hasil

karya ya. Begitu juga orang-orang lain ya, begitu juga dengan syarikat-syarikat koprat lain ya, sebab karya-karya cikgu banyak didapati di syarikat-syarikat koprat ya, dan banyak juga karya-karya cikgu, cikgu pasarkan ke luar negara. Cikgu ada- yang menguruskan karya-karya cikgu. Ini untuk perkembangan karya lah (menunjukkan salah satu karya beliau dihadapnya), bukan kita nak tunjuk yang kita ada duit dan sebagainya ya (penemubual ketawa) jangan salah faham pula lah ya, (ketawa) okey.

**MEH:** Okey, Sazwan.

**SNO:** Okey cikgu, soalan seterusnya berkaitan dengan tempat pameran karya seni catan.

**HMO:** Okey.

**SNO:** Oleh sebab Cikgu telah agak lama berkecimpung dalam dunia seni ini, adakah cikgu mempunyai tempat pameran karya seni catan?

**HMO:** Baik, setakat ini, tempat pameran cikgu ada beberapa tempat lah ya. Salah satunya ialah di *Pereka Art SACC- [Shah Alam Convention Center] Mall*, di Shah alam [Selangor] lah ya, di Pereka Art ini adalah kedai lukisan- di perekat, boleh rujuk lah ya Pereka Art ini di *SACC Mall*. (menarik nafas) Cikgu juga ada beberapa galeri yang- apa, menyimpan khazanah kerja-kerja cikgu seperti di galeri Shah Alam ya iaitu ada pameran-pameran dan sebagainye lah ya. Untuk persendirian ini pula, cikgu ada galeri sendiri, iaitu galeri merah, ya. Jadi karya-karya cikgu, cikgu sudah letak di galeri cikgu sendiri, jadi mana-mana peminat ingin membeli karya-karya cikgu, mereka kena hadir ke tempat cikgu, ya. Jadi cikgu tidak ada masalah lah untuk mempamerkan kerja-kerja cikgu ya. Selain daripada itu, kerja-kerja cikgu juga dipamerkan di galeri-galeri swasta ya, galeri-galeri banyak galeri-galeri swasta ya. Mereka biasanya akan meminjam beberapa keping karya cikgu untuk di *publish* kan di galeri-galeri mereka dengan tujuan bahawa-- kalau ada permintaan ke atau permohonan untuk membeli karya,

mereka akan menjual karya tersebut dan akan mendapatkan juga bahan jualan itu kepada cikgu. Pameran cikgu yang cara persempahan lain yang cikgu lakukan juga ialah di hotel-hotel ya.

(mencelah)

**MEH:** Hmm.

**HMO:** Salah satu hotel yang banyak mempamerkan kerja-kerja cikgu ialah, Casa del Rio di Bandar Hilir, Melaka ya. Disitu cikgu ada 22 karya ya yang mempamer-mempamerkan kerja-kerja khas cikgu di dinding-dinding ruang tamu hotel tersebut ya. Cikgu juga ada mempamerkan untuk *public* [awam] kan masyarakat ya, untuk masyarakat di mana koleksi Tuanku yang ada dibuat di Perpustakaan Tun Uda di Shah Alam. Pergilah masuk (melihat penemubual) masuk koleksi Tuanku, kita ada lebih kurang 11 buah karya, satu bilik. Jadi, sebenarnya ruang pameran untuk kerja-kerja cikgu ini memang banyak ya, di bank-bank, salah satu bank yang- mempaparkan kerja-kerja cikgu di di lobi adalah Bank Simpanan Nasional. (terbatuk) Boleh lah pergi dan banyak juga bank-bank lain yang menyimpan khazanah cikgu seperti, Maybank ya ada Bank Negara, dan sebagainya jadi, tempat-tempat yang begitu strategik, kerja-kerja cikgu ada di *publish* kan (terbatuk) minum dulu okey?

**MEH:** Okey cikgu.

**HMO:** Okey, takpe [tidak apa], teruskan sahaja soalan.

**SNO:** Boleh cikgu ceritakan dengan lebih terperinci tentang galeri cikgu? Bilakah tarikhnya ditubuhkan?

**HMO:** Okey, terima kasih. Jadi galeri ini dipanggil sebagai galeri Merah ye [ya]. Sebenarnya galeri ini atas idea asalnya daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di mana beliau [Baginda] pernah berbual dengan-- Baginda lah sepatutnya (ketawa) pernah berbual dengan cikgu, tentang, “Kalau sekiranya kamu nak mem-buat galeri, buat lah di sawah padi

(mencelah)

**MEH:** Oh.

**HMO:** Di kawasan-kawasan luar bandar. Tak payah [Tak perlu] lah pergi ke bandar”, kata Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Kalau kita buat di kawasan pendalamannya ini galeri yang sebenar itu ialah galeri persekitaran, orang nak pergi pun orang sudah nampak dah macam-macam dah nampak galeri ya sepanjang jalan itu ya (ketawa) jadi ianya mengalakkan ya, jadi saya-, cikgu terpanggil begitu. Atas dasar itu, maka lahir lah galeri Merah itu ya. Jadi Galeri Merah itu telah dimulakan pada Satu Januari 2018, (1 Januari 2018) dengan keluasan satu *point* [perpuluhan] lima *hectar* [hektar]. Jadi galeri ini dibina dengan Teratak Anak Emas itu ruang-- rumah rehat keluarga ya dimana-- ruang rehat keluarga ini bakal ada dalam ini ialah 12 buah rumah ya kawasan ini. Jadi sebenarnya galeri ini terbina hasil daripada jualan hasil karya-karya cikgu lah, yangi cikgu kumpulkan selama tiga tahun kebelakangan ini- ya. Cikgu apa cikgu dapat sahaja cikgu terus labur ke galeri ini tersebut ya. Jadi galeri ini sebenarnya berfungsi untuk menyimpan khazanah karya Haron Mokhtar ya. Se-lain daripada itu juga, galeri ini juga untuk tujuan masyarakat persekitaran ya untuk melihat hasil-hasil kerja seni cikgu. Setakat ini, tidak ada koleksi lain yang cikgu memaparkan di sini (menunjukan hasil karya) hanya satu ratus peratus (100%) daripada hasil Haron Mohktar ya. Jadi pembinaan-- persekitaran ini-- dia sebenarnya cikgu galakkan lah sebab, fungsi galeri ini juga ialah untuk diadakan kursus-kursus seni ya, seminar-seminar dan sebagainya ya. Selain daripada itu juga, apa- kegiatan hari keluarga ya di mana hari keluarga itu mungkin orang yang menginap ini boleh tidur di bilik yang dipenuhi dengan karya Haron Mokhtar ya setidak-tidaknya ya kita memberikan satu pendedahan kepada masyarakat sekitar bahawa kalau dia bertanya kepada cikgu “Karya ini untuk dijual ke?”, kata Haron Mokhtar atau “Berapa harga karya ini?”, kata Haron Mokhtar supaya

dia- mampu membuka mata kepada penghuni yang datang ke sini. Itu matlamat utama cikgu, sebab pendedahan ini sangat penting untuk cikgu dedahkan supaya ada perasaan ingin tahu sebab apabila ada perasaan ingin tahu ada dalam diri kita maka kita akan mencari- lagi. Itu biasa dilakukan ya

(mencelah)

**MEH:** Betul

**HMO:** Untuk tahu apa- selanjutnya dan akhirnya- dan akhirnya ia menjadi minat-- itu yang cikgu galakkan dan kadang-kadang itulah rezeki cikgu begitu, ya. Apabila pacikgu pamerkan karya-karya contoh di galeri ini, tiba-tiba ada orang datang, dia bertatih tahu dia tanya “Harga berapa?”, kata Haron Mokhtar. Kemudian dia tidak mampu beli yang besar tahu, yang kecil tu kalau harga ini seribu. “Seribu saya mampu lah”, kata Haron Mokhtar jadi dia beli dengan harga seribu ya. Orang itu tidak tahu apa-apa seni. (penemubual ketawa). Tapi dia tiba-tiba tahu dia tersedar, dia minat-- tapi kalau tidak ada pendedahan macam ini, sampai mati dia tidak tahu apa-- itu adalah fungsi sebenar galeri ini sebenarnya untuk memberi pendedahan kepada peringkat awal kepada orang kampung yang tidak pernah didedahkan dengan galeri, sebab orang kampung diberikan peluang ke Kolumpo [Kuala Lumpur], dia tak masuk Balai Seni Negara itu (ketawa) *guarantee* [pasti] punya kan ya? (ketawa) saya punya--.

(mencelah)

**MEH:** Baik dia pergi ke tempat lain kan?

**HMO:** Baik- dia pergi *Super Market* [pasar raya]. (ketawa) Baik dia pegi *Mall* [pusat beli-belah] ke apa-- ini cikgu cerita benda yang benar lah ya, tapi sekurang-kurangnya di sini, setahun sekali ke kalau cikgu buat kenduri kat [dekat] sini, dia masuk tengok ada- lukisan dan sebagainya ya, okey lah! Ada lah- juga pernah masuk galeri, pernah-

“Galeri siapa?” Galeri merah. Siapa punya? Haron Mokhtar, jadilah kan? (ketawa) Itu-boleh menjawab soalan? (ketawa).

**SNO:** Bilakah galeri ini dibuka? Waktu operasi nya.

**HMO:** Operasinya sebenarnya-- kita sebenarnya operasinya dia tidak mengikut waktu pejabat ya, sebab kita belum ada yang menjaga-nya jadi- dia akan tetamu yang datang untuk melihat dia kena *call* (menelefon) Haron Mokhtar dahulu ataupun *call* isteri cikgu ya untuk membuka untuk datang melihat ya- jadi dia sebenarnya sangat terhad ya, masa sangat terhad sebab cikgu pun kena jaga sebab nilai dalam harta, dalam bangunan itu sangat mahal (ketawa) sebenarnya, mana yang tahu lah. Yang mana tidak tahu, dia tidak tahu apa-apa pun ya, tapi yang mana tahu- jadi cikgu kena berhati-hati juga ya jadi untuk itu operasinya itu maksudnya agak terhad-- mengikut permintaan ya, okey.

(mencelah)

**FFM:** Oh

**SNO:** Okey cikgu,

**HMO:** Apa lagi?

**SNO:** Apakah kemudahan yang disediakan dalam galeri ini?

**HMO:** Okey, begini lah ya, disini sebenarnya galeri ini kita ada ruang-ruang pamer-lah. Kemudian kemudahan-kemudahan lain sebenarnya cikgu, cikgu bersedia untuk

mempamerkan kerja-kerja artis *amateur* (amatur) atau daripada tempatan, ataupun daripada tempat lain ya cikgu bersedia ya. Mungkin cikgu bercakap ini bila kamu buat penulisan dan sebagainya-- kalau ada orang membaca ya, cikgu mengalu-alukan kepada orang luar untuk datang ya dan mengadakan pameran di sini. Kita kena berani mencuba di kawasan luar bandar ya orang kalau nak beli karya lukisan ini, dia tidak peduli di mana, kita kena faham itu ya dia sanggup terbang jauh pun di nak memiliki lukisan ya, ini bezanya ya dia beza dengan barang lain, macam kita beli *online* juga lah sebenarnya ya. Kita boleh- kita sanggup bayar berapa sahaja kalau kita hendak barang tersebut. Jadi kalau- begitu ya kemudahan-kemudahan lain se-perti yang cikgu katakan tadi (tersedak) dalam galeri ini juga kita ada yang di panggil sebagai *homestay* ya, tempat tinggal ya. Di mana *homestay* ini sebenarnya- galeri cikgu ini sebenarnya bukan Galeri Merah ini sahaja ya, tetapi *image-* [gambar] gambar juga di- dalam di setiap bilik-bilik atau rumah yang ada di sekitar ini, ada gambar karya *original* Haron Mokhtar. Jadi sebenarnya, galeri ini besar, bukan ka-wasan yang kami cakap ini sekarang, tapi dia besar lagi, ada di kawasan-kawasan lain yang- ada dalam- jadi keseluruhan, cikgu menciptakan galeri ini nanti Insya-Allah, *landscape* ini juga galeri ya, di mana cikgu ada arca, cikgu ada mural, cikgu ada apa, dan sebagainya ya. Itu yang cikgu hendak ka-it hendak-- imbangi, bagaimana peranan galeri itu tadi ya.

**SNO:** Okey cikgu, sewaktu *pre-minarly interview* yang lepas,

(mencelah)

**HMO:** Hmm

**SNO:** Cikgu ada menyebut tentang studio,

(mencelah)

**HMO:** betul

**SNO:** Adakah studio tersebut merupakan tempat pameran karya cikgu?

**HMO:** sebenarnya studio itu bukan tempat cikgu berkerja, cikgu hanya lakukan di-- Sungai Besar, Selangor, ada di-- alamat dia la ya Taman Bendena Jaya di Sungai Besar, Selangor lah ya, cikgu tidak berpindah lagi studio cikgu di Galeri Merah ini ya, Galeri Merah ini hanya semata-mata untuk memamerkan kerja-kerja cikgu. Setiap kerja cikgu dilakukan di studio cikgu di sungai besar ya. Jadi sebenarnya studio itu amat terhad untuk sesiapa yang hadir untuk melihat kerja-kerja cikgu disitu, bukan cikgu tidak suka mereka datang ya, tapi benda itu sangat *personal* [persendirian] ya sangat *personal*, tapi sebenarnya *audience* boleh datang- dengan- kalau hati cikgu terbuka untuk- melihat *student* berkongsi cikgu akan buka lah studio cikgu itu ya. Sebab studio ini kadang-kadang sangat peribadi ya. Kat- cikgu hanya buka kepada pembeli-pembeli cikgu sahaja sebenarnya ya or- orang- biasa-biasa cikgu takkan-- [tidak akan] dibenarkan masuk ya sebab dia terlalu eksklusif ya, terlalu- adakala orang kena tahu-- di studio dan- di galeri lain ya, studio tempat kita berkarya itu ya dia- ada- roh dia yang- patut cikgu pertahankan ya, tidak se-mudah itu orang boleh masuk, orang boleh apa dan sebagainya. Tapi pembeli-pembeli cikgu memang cikgu akan galakkan datang ke studio cikgu, sebab mereka sangat *appreciate* dan bangga ya sebab mereka dapat masuk ke dalam studio cikgu itu- seolah sudah duduk di kerusi yang cikgu melukis itu satu kebanggaan yang lain ya, kita lihat wajah mereka teruja dan sebagainya, sebab mereka bukan melabur sekupang dua ya (ketawa) dia melabur ribuan ringgit ya untuk membeli kerja cikgu ya jadi cikgu kena *appreciate* mereka, kena jaga mereka. Tidak akan cikgu jual-- sampai dua puluh ribu (RM20,000) tiga puluh ribu (RM30,000) sekeping kan kita lukis sebuah harga ya (ketawa) kita kena-- jaga, kita kena hormat dengan orang jadi studio cikgu agak besar juga sebenarnya ya, memang besar ya, satu rumah teres juga sebenarnya, bukan kecil ya. Dulu saya- buat galeri juga di situ ya tapi sejak pindah di sini, cikgu tutup sudah galeri di studio cikgu itu. Okey

**SNO:** Berapa lama masa yang di ambil untuk cikgu, dalam studio itu?

**HMO:** Baik!

(mencelah)

**MEH:** Dalam sehari la?

**HMO:** Dalam sehari. Sebenarnya dalam sehari cikgu berada biasanya waktu bekerja lah cikgu ambil ya, masa pkp ini sebenarnya dua puluh empat jam lah. (24 jam) () Tapi, kita ambil yang- normal ya, yang normal, yang-- biasa cikgu lakukan, okey. Kalau kamu kira lah jamnya, cikgu hendak kira jam biasanya cikgu masuk selepas isyak ya. Masuk studio, kemudian sampai dalam pukul dua (2.00 a.m.) atau pukul satu (1.00 a.m.) atau pukul dua cikgu akan berada dalam studio, itu yang masa cikgu akan adakan ya. Kalau hari sabtu ahad, kalau tidak berkerja cikgu dari *the whole*-- dari pagi sampai cikgu berhenti waktu solat sahaja dan makan. Itu-- lah cikgu duduk di studio tadi, cikgu berkurung di situ melukis ya. Okey, tapi cikgu sebenarnya melukis ini, setiap karya yang cikgu bina itu kalau kamu lihat di sini (menunjuk hasil lukisan di hadapan) mungkin tanggapan kamu berapa hari (ketawa) agak-agak kamu siap satu kan. Tapi biar cikgu jawab lah ya, kebanyakannya ada di sini, yang ada di sini masa yang cikgu peruntukan ialah, tiga atau empat hari sahaja. Satu

(mencelah)

**SNO:** Sekejapnya cikgu.

**HMO:** Itu yang cikgu boleh buat ratusan itu! (ketawa)

(mencelah)

**MEH:** Tiga empat (3-4 hari) ya?

**HMO:** ya satu gambar.

(mencelah)

**FFM:** Faham-faham

**MEH:** Dia ikut saiz ke apa cikgu? (ralat)

**HMO:** Ikut saiz juga, kalau ikut saiz itu (menunjukkan hasil karya), satu jam dua jam saja.

**MEH:** Oh.

**HMO:** kalau besar macam ini (menunjukan hasil lukisan di hadapan) ha! Macam ini tiga atau empat hari macam

(mencelah)

**MEH:** Oh.

**HMO:** Ini besar ya, yang ukuran lima kali lima (5x5) ya ukuran-- apa empat kali tiga (4x3) itu tiga hari atau empat hari ya itu. Ini- sebenarnya, ya la nampak cepat kan ya tapi macam mana ianya boleh jadi lambat? Okey, dia lambat senang sahaja jawapannya, cikgu tak ada *mood* (ketawa) Bila kita tak ada *mood*, kita malas buat, kamu macam mana pun orang sogok [memberi rasuah] duit pun, kamu tengok ja duit itu, tidak buat. Ini masalah pelukis ya, pasal bila dia letih, letih sebab bila kita melukis ini, kita penat, sangat penat ya. Sebab kita gunakan otak, kita habis segala emosi kita-- curahkan kepada dia ya. Kemudian, bila dia terhabis semua itu, baru kita terasa letihnya ya. Memang betul, cikgu tidak nafikan tapi itu lah cikgu kena jaga badan sama dengan umur sekarang ya, cikgu sangat berhati-hati itu, bila sampai *time* [masa] nya, cikgu kata “okey kita *stop* lah”. “Haron, *stop* lah letak berus itu ya”. Kata lah sampai pukul satu? Cukup lah sampai pukul satu ya. Esok hendak subuh lagi dan sebagainya ya, kita hendak tidur. Jadi kita tidak boleh macam tenaga cikgu, umur muda-muda dulu ya sampai empat pagi (4.00 a.m.) lima pagi (5.00 a.m.) ya, cikgu sudah tidak mampu lagi dah. Hari ini, cikgu pun kalau duduk-duduk mungkin kerana-- kelebihan cikgu apa tahu? *Skills* (Bakat). Kelebihan cikgu *skills*, bila *skills* itu cikgu lukis dia senang. Cikgu kelihatan begitu mudah. Jadi cikgu tidak kisah mana cepat dia-- sebab *skills*. Dulu kita tidak ada *skills*. Hari ini, kita penuh dengan *skills* tau! Jadi cikgu tengok gambar itu cikgu dah sekali jalan sahaja siap jadi. Kalau dulu padam sana padam sini padam sini kan? sekarang tidak ada.

(mencelah)

**MEH:** sekali ja?

**HMO:** Ya sekali saja. Jadi *skills* itu sebenarnya sudah-- sebat dengan cikgu jadi bila cikgu berkarya, kenapa dia cepat? Sebab pengaruh *skills*.

(mencelah)

**MEH:** *skills*.

**HMO:** Itu-- lah, jadi hari ini orang menikmati karya Haron ialah menikmati *skills* dia. Itu Nampak tidak macam mana harga itu boleh meningkat ya, sebab menikmati *skills* tu, kemahiran itu beza dengan amatur ya. Ha, itu beza dengan amatur. Jadi dalam-- perbezaan ini lah yang membezakan pelukis amatur dan pelukis profesional. Alhamduillah ya, ada soalan lagi?

**SNO:** Okey cikgu, berbalik kepada galeri tadi

(mencelah)

**HMO:** “aaa”

**SNO:** Adakah cikgu menguruskan peniaga ini sendiri atau bersama dengan orang lain?

**HMO:** Sendiri ya. Jadi cikgu tidak ada mana-mana perkongsian ya. Dia- dengan orang lain sebab cikgu uruskan segala modal, apa bajet dan sebagainya cikgu usahakan dari sudut duit uang [wang] yang cikgu perolehi sendiri lah ya. Jadi kalau apa-apapun berlaku esok ya dia akan jadi harta warisan *family* [keluarga] la ya, okey.

**SNO:** Soalan terakhir cikgu, adakah cikgu pernah terfikir untuk membuka lagi cawangan dan galeri? (ralat)

**HMO:** Begini lah ya, untuk usia yang ada hari ini, mungkin tidak adalah, terus terang cikgu kata lah ya tidak ada. Cikgu tidak akan mem- membuat lagi galeri yang lain daripada apa yang ada sini. Cuma cikgu akan buat *upgrade* [penambahan] lah galeri ini ya *upgrade*. Maksudnya cikgu akan pertingkatkan lagi dia punya kualiti ya, dia punya kapasitinya, dia punya *environment* [persekitaran] nya dan sebagainya lah ya. Sebab cikgu- lihat hari ini bahawa, orang-orang yang hadir hari ini dia nak mencari satu kelainan ya kelainan. Jadi cikgu percaya bahawa mana-mana artis hari ini perlu ada satu tempat untuk mereka. Ini lah yang cikgu akan lakukan pe-ninggalan katakan lah cikgu satu hari nanti cikgu sudah tidak ada apa-apa lagi pendapatan- tidak ada apa-apa lagi lah ya mungkin cikgu sudah apa- cikgu tidak punya tanah yang banyak untuk di- peraih kan untuk anak-anak ya, tidak ada ya. Cikgu tidak ada harta-harta lain yang besar untuk cikgu dijadikan peraihkan kalau ada pun rumah, tapi cikgu ada karya-karya yang cikgu sembunyikan yang mungkin akan cikgu kerahkan keluarkan ia untuk kamu jadi- mencari dana setelah cikgu tidak ada esok. (ketawa) Boleh faham maksud cikgu itu tidak ya? Se-bab harganya lain tau. Apabila kita sudah tiada di muka bumi Allah ini, maka karya itu akan menjadi sa-ngat bernilai. Waktu itu lah warisan cikgu akan menikmati kekayaan yang sebenar.

(mencelah)

**MEH:** Wow

**HMO:** Cikgu Sekarang tidak menikmati tahu, tidak menikmati. Sebab cikgu sudah baca benda ini. Cikgu sudah baca sejarah ‘Leonardo Davinci’, cikgu sudah baca sejarah ‘Picasso’, cikgu sudah baca sejarah orang-orang yang kita-- katakan lah sekarang kita sudah puja hidup mereka ini sebagai seorang pelukis. Istilah puja ni bukan apa ya, kita kagumi lah ya-- bukan kita sembah dia, maksud cikgu tadi kita begitu kagum dengan kehebatan pelukis ini. Justeru itu ya, cikgu pun mengumpulkan segala-galanya tadi untuk dinikmati oleh keturunan cikgu satu hari nanti. Itu maka cikgu terbitkan Galeri Merah ini tau. Jadi Galeri Merah ini saja ja merah itu sebenarnya dindingnya daripada batu merah (ketawa) kemudian dengan merah itu juga sebenarnya cikgu suka warna merah, warna semangat

(mencelah)

**MEH:** Baju cikgu pun warna merah (ketawa)

**HMO:** Ya, baju- merah. Kalau kau tengok-tengok karya cikgu merah sahaja. Sebenarnya, merah ini dia membara tahu ya, semangat yang membara yang kuat. Itu merah, jadi bila perkataan merah itu kalau karya cikgu antara ratusan atau ribuan karya cikgu yang cikgu buat itu kalau peratus itu hampir tujuh ke lapan puluh peratus itu, warnya memang merah yang terjual. Jadi, cikgu memang *dominant* [tertarik] dengan warna merah lah, warna merah.

(mencelah)

**MEH:** Okey,cikgu.

**HMO:** Okey

**MEH:** kita akan pergi ke bahagian kedua iaitu

(mencelah)

**HMO:** Ta, okey

**MEH:** soalan, “eh” *common questions* [soalan umum] okey,

(mencelah)

**HMO:** ini baru soalan nombor dua ya?

**MEH:** Tidak, ini bahagian kedua

**HMO:** ada satu bahagian gi [lagi] (ketawa)

(mencelah)

**MEH:** Yang ketiga

(mencelah)

**HMO:** tapi cukup kan? cukup masa kan?

**MEH:** Ya

**HMO:** Okey-- cikgu agak---

**MEH:** Soalan saya, Bilakah bermulanya kerjaya cikgu sebagai pelukis seni catan?

**HMO:** Baik, setelah cikgu tamat belajar sebagai pelajar di UiTM (Universiti Teknologi Mara) jadi setelah itu mula lah cikgu bergiat cergas dalam dunia seni catan. Tapi walaubagaimanapun kalau katanya bermulanya itu, sebenarnya cikgu daripada kecil lagi cikgu dah melukis daripada darjah satu

(mencelah)

**MEH:** (memahami apa yang tokoh sampaikan)

**HMO:** itu cikgu sudah melukis, cikgu sudah jual lukisan pun, tapi nilai tidak mahal la, lima puluh sen, (50 sen) ada tiga puluh sen (30 sen) cikgu jual ya, dan hasilnya cikgu beli lah kertas lukisan dan warna-warna. Itu yang cikgu sudah lakukan semasa sekolah rendah. Dulu kalau masa sekolah rendah mereka tidak-- pandai melukis, cikgu lukiskan, mereka bayar lah. Dapat makan tengah hari, macam itu lah. Jadi cikgu sebenarnya daripada- kecil sudah-- bercita-cita jadi pelukis daripada kecil. Dulu pun cikgu tidak tahu pelukis itu apa, tapi apabila dalam rekod buku biru cikgu yang lama dekat sulit itu kan cikgu terbuka dulu-- saya kecil-kecil saya tulis ‘Cita-cita jadi pelukis’

(mencelah)

**MEH:** (ketawa)

**HMO:** (ketawa) Itu maknanya, ya lah kalau jadi secara *professional* setelah cikgu menang *Major award* pada tahun sembilan belas lapan puluh tujuh [1987] itu yang

secara *professional* lah ya, okey yang-- bawah daripada itu ialah amatur lah ya kita buat suka-suka sahaja, okey?

**MEH:** Okey, masa cikgu-- bermulanya kerjaya sebagai pelukis seni,

(mencelah)

**HMO:** yaa

**MEH:** Seni apa yang masa itu *popular* ketika itu?

**HMO:** sebenarnya Ketika itu sebenarnya seni yang *popular* ialah-- dia zaman kita-cikgu bermula itu, dia ada zaman sembilan belas lapan puluh tiga [1983], lapan puluh dua [1982], lapan puluh tiga ya, apabila Tunku-- Tun Mahathir [Tun Dr Mahathir Mohamad] menjadi Perdana Menteri yang pertama waktu itu ya (Sic, Perdana Menteri ke empat). Dia memperkenalkan satu Dasar Pandang ke Timur tahu. Pandang ke Timur, jadi bila dia mem- pandang ke timur maka kita akan merujuk karya-karya timur. Faham tidak ya?

(mencelah)

**MEH:** Okey

**HMO:** Jadi kita akan melihat cetakan Jepun, kita akan melihat lukisan Cina, dan kita akan melihat karya-karya daripada sebelah timur. Sebab kita digalakkan untuk pandang ke

(mencelah)

**MEH:** Ke timur

**HMO:** Ke timur. Jadi bagaimana kisah pandang ke timur ini la, lahirnya karya Haron Mokhtar hari ini. Nanti kita akan kalau ada pertanyaan tu mungkin-- kita-- okey.

**MEH:** Okey, boleh tidak saya hendak tahu pemahaman cikgu terhadap seni catan ini?

**HMO:** Baik, untuk cikgu ia merupakan satu luahan emosi.

(mencelah)

**MEH:** Okay.

**HMO:** Yang lahir daripada si pelukis, yang memaparkan ke dalam atas kanvas. Tujuan kita berkarya ini tadi, selepas selain daripada luahan emosi si pelukis, ia boleh juga boleh menyampaikan penceritaan (ralat) atau menyampaikan maklumat. Sebab itu, dalam karya-karya ini boleh dipaparkan tiga cara. Iaitu secara *realist*, separa abstrak dan abstrak. Jadi kalau sebahagian karya cikgu,

(mencelah)

**MEH:** (memahami apa yang tokoh sampaikan)

**HMO:** dia kelihatan secara *realist*. Gambar rumah yang sebenar, pakaian yang sebenar ya, kenderaan yang sebenar, dan orang boleh memahaminya ya dan orang boleh *relate* [mengaitkan] apa yang di lihat. Jadi, penceritaan dalam karya itu, boleh memberi kefahaman juga kepada *audience*. Itu yang cikgu kata, jadi tugas kita sebagai seorang pengkarya catan, kita tidak semata-mata suka-suka. Macam cikgu sekarang, cikgu ada matlamat ya, mat- kalau kita lihat dalam karya cikgu, cikgu memaparkan bangunan-bangunan. Secara tidak langsung, cikgu menyumbang kepada pemeliharaan khazanah negara atau warisan negara yang dipaparkan, yang di simpan di dalam catan ya yang boleh dinikmati mungkin tiga ratus tahun akan datang, empat ratus tahun akan datang untuk generasi tahu tentang asal budaya mereka. Itu sebenarnya peranan catan ini. Dia kalau kita kaji secara mendalam, catan ini sebenarnya memberi manfaat bukan untuk hari ini sahaja tetapi ia boleh jadi cerita, mungkin ratusan tahun akan datang. Seperti mana kita tahu ya, lukisan dalam dinding gua. Kita tahu macam mana mereka hidup waktu itu sebab adanya lukisan dinding gua. Kalau tidak kita tidak ada-- kita tidak tahu lah, begitulah juga hari ini “Ohh, rupanya rumah melayu pada tahun enam puluhan [60-an] begini, pada tahun tujuh puluhan [70-an] begini (bunyi ralat) pada tahun sembilan puluhan [90-an] begitu, dan cikgu sebagai perakam sejarah setidak-tidaknya

cikgu menyumbang sedikit tenaga cikgu sebagai seorang buat- pengekal warisan tradisi di Malaysia. Itu dia. Jadi Alhamdulillah dalam karya cikgu ini cikgu dikenali sebagai catan ‘Pop Art’.

(mencelah)

**MEH:** pop art

**HMO:** *Pop art, pop art* itu maksudnya memaparkan *image-image* popular. Tidak kisah la popular itu bila, kata lah *image* popular rumah kampung itu popular la. Baju kebaya itu popular la. Kenderaan pun popular la, itu dipanggil *image-image* popular. Boleh jelas ya? Jadi dengan- pemerhati mudah faham dengan karya Haron Mokhtar sebab ia memaparkan *image-image realist* dengan persembahan *pop art*. Itu boleh kaji la apa itu *pop art* ya?

**MEH:** ya. Cikgu, tadi masa bermulanya kerjaya cikgu sebagai pelukis, mac- macam mana penerimaan awal masyarakat terhadap bidang cikgu sebenarnya?

**HMO:** Baik, cikgu menghadapi banyak cabaran. Banyak sangat cabaran. Cabaran daripada keluarga, yang-- penting itu la ya, sebab ramai yang tidak memahami dalam bidang ini la ya. Tapi hati dan perasaan cikgu kukuh la untuk meneruskan apa yang cikgu suka ya. Cikgu bersyukur juga la sebab cikgu ada gaji. Jadi dia tidak mengganggu hubungan kekeluargaan cikgu ya. Cikgu ada gaji sebagai tenaga pengajar. Jadi dia tidak menjadi masalah besar untuk cikgu meneruskan hobi cikgu dan sebagainya ya. Jadi dia tidak mengganggu banyak la. Sebab, tiap-tiap bulan cikgu ada gaji, cikgu boleh bayar itu, isteri pun tidak la bising-bising kan apa kan. Jadi cabaran itu tidak la begitu berat la ya. Cuma cabaran yang lain-lain yang cikgu rasa penting juga cikgu nak terjemahkan kepada anda bahawa se- menjadi seorang pelukis, bukan la satu jalan yang (bunyi ralat) mudah. Itu saja, bukan la satu jalan yang mudah ya. Dia

mesti ada satu komitmen yang sangat besar dalam-- diri kita. Satu keyakinan yang tidak boleh kita kata biasa-biasa la ya. Benda ini sangat-sangat hebat la. Kalau tidak kita akan tinggal separuh jalan sahaja, mungkin kita akan tinggalkan dunia ini. Cuba kita bayangkan la kita berkarya kemudian karya kita tidak dapat dijual, kita hendak makan apa? Oleh sebab itu di Malaysia hari ini (bunyi ralat) banyak pelukis sepenuh masa, tidak ramai pelukis yang sepenuh masa ya ada pelukis, tapi tidak ramai yang sepenuh masa. (bunyi ralat) Ada pelukis yang-- ada ini mereka ada gaji sebenarnya. Mereka ada kerja lain dan- yang boleh menampung kehidupan mereka dengan selesa. Itu yang boleh cikgu jawab dalam soalan la ya.

**MEH:** Okey cikgu, tadi kita di-- peringkat masyarakat kan? Sekarang ini saya hendak tanya cikgu adakah seni catan mampu meningkatkan hasil ekonomi negara?

**HMO:** Baik, sebenarnya untuk di peringkat negara? Jawapan dia ya. Ini kerana, kalau macam- ini ya, rakyat kita kalau dia membeli sebuah karya, dia menjana pendapatan sebenarnya kepada pelukis dengan menjana pendapatan kepada pelukis, pelukis boleh berbelanja dengan orang putih, pelukis boleh apa- penjanaan duit itu tadi, bergerak dan mem- duit yang terlonggok kata la duit seratus ribu [RM100 ribu] ter-pindah kepada seseorang, seorang itu, dia akan beli kereta, dia beli rumah, dia boleh beli-- itu sebenarnya yang menjana pendapatan negara. Tapi kalau *you* [awak] ada satu juta duit [RM1 juta] tapi *you* simpan dalam bank tidak guna apa-apa, apa jadah ya? (ketawa) itu yang cikgu kata begitu, jadi kita kena faham, itu yang kita kena kempen begitu ya. *You* ada duit, *you* labur la. Lukisan ini salah satu benda yang boleh di labur, selain daripada emas, selain daripada hartanah, selain daripada itu dia-- boleh. Dia ada masa depan dia, itu sebabnya orang memahami sejumlah kecil ya- sedar bahawa berbilion ringgit sebenarnya wang (bunyi ralat) boleh dihasilkan daripada penjualan hasil lukisan sahaja ya. Itu belum lagi melibatkan kepada pembeli-pembeli di luar negara. Macam mana pertukaran wang asing berlaku dan sebagainya. Jadi sebenarnya benda ini yang perlu di kempen kan tahu, tapi oleh kerana ia tidak melibatkan ramai manusia.

(mencelahan)

**MEH:** (memahami apa yang tokoh sampaikan)

**HMO:** Mungkin ia ti-- dak kelihatan sangat ya. Dia berbeza dengan *you* cipta satu lagu, *you* boleh beli lagu dengan harga dua ringgit tiga ringgit ya. Jadi kalau se-juta orang boleh melihat dia sudah menjana pendapatan mungkin dua puluh juta, (RM20 juta) tiga puluh juta (RM30 juta) sama juga buat filem kan?

(mencelah)

**MEH:** Betul.

**HMO:** sekali dapat tujuh juta (RM7 juta) lapan juta (RM8 juta) sekali tayang dan sebagainya la ya. Jadi kerajaan melihat benda itu sebenarnya, tapi sebenarnya, dalam kita buat *show* [tayangan] buat pameran dan sebagainya, ada kadang melibatkan satu juta keuntungan. Tapi sebab penjanaan itu dia tidak menyeluruh.

(mencelah)

**MEH:** (memahami apa yang tokoh sampaikan)

**HMO:** dia tak semua orang dapat ini. Dia hanya segelintir orang. Tapi kalau se-soalan tadi dia boleh menjana pendapatan tak?

(mencelah)

**MEH:** Boleh

**HMO:** Boleh, dengan cara artis ada duit, dia boleh berbelanja (ketawa) betul? kalau artis tiada duit, dia tidak boleh berbelanja. Itu-- saja yang-- jawapannya ya, okey.

**MEH:** Boleh tidak saya tahu negara mana yang bermulanya seni catan ini?

**HMO:** baik, kalau ikutkan kiblat yang kita belajar la, kiblat itu maksudnya yang cikgu belajar awal cikgu pun tidak-- dapat menjawab yang tepat di sini ya

(mencelah)

**MEH:** (memahami apa yang tokoh sampaikan)

**HMO:** tapi, oleh kerana China juga merupakan negara yang awal dari segi ketamadunan, China. Jepun pun awal dalam ketamadunan dalam bidang seni catan ini tapi Cina lebih lagi awal. Kalau kita pergi ke barat ya, zaman-zaman awal *Renaissance*, di panggil zaman *Renaissance*. Kalau ikutkan sejarah pun ada se- ribu lima ratus [1500], *something* ke atas itu ya. Memang la kita berkiblatkan kepada barat seni catan ini. Aliran-aliran yang kita pelajari hari ini seperti *kubsime*, *realisme*, *impressionisme*, *post-impressionisme*, apa ini, *pop art* dan sebagai, Itu semua daripada barat. Kita tidak ada pun. Di Malaysia kita tidak ada pun mewarisi itu. Kita ada, kita ada anyaman, kita ada ukiran. Kita ada tapi dia bukan catan. Kalau hendak buat ke-ter Teknik catan pun ada tapi bila kita sebut orang panggil batik, (ketawa) orang-- tidak panggil itu catan, orang-- panggil itu batik. Tapi sebenarnya itu catan juga la. Tapi kita Teknik batik. Jadi kita lebih menyerlah kepada itu. Di Malaysia kalau catan ini, kita takrifan di lukis di atas kanvas. Itu la takrifan kita tapi pada cikgu, catan ini luas dia punya definasi [definisi] la ya.

**MEH:** Okey. Cikgu, adakah negara Malaysia ini pernah menjadi rujukan dalam bidang seni catan oleh negara lain?

**HMO:** Saya tidak pasti la. Saya rasa hendak kata itu tidak itu kasihan juga kan. (ketawa) Saya jawab tidak la ya. Sebab kita bukan ne- kita bukan

(mencelah)

**MEH:** kita yang merujuk mereka.

**HMO:** Ya-- kita merujuk banyak rujuk luar. Sebab kita masih ketinggalan dalam dunia seni catan ini tapi tidak sama sebab terlalu-- kalau cikgu hendak cakap la ya, dari segi kefahaman cikgu la, kita banding dengan Singapura, banding dengan- Singapura, banding dengan Thailand dalam dunia kita-- ketinggalan mungkin sepuluh ataupun dua puluh tahun. Dari segi kita-- punya idea, kita punya ke- kemahiran kita punya ini ya. Bukan cikgu hendak puja negara lain ya, tapi kalau di Thailand, dia hebat tahu. Catan dia hebat, sebab zaman dia memberi satu peranan yang besar. Kalau kita pergi ke Indonesia lagi hebat! Bayangkan satu kampung itu, dia buat perkampungan seni. Semua orang lukis dan kita akan dibeli catan yang dia orang bawa harga sepuluh ringgit (RM10), dua puluh ringgit (RM20) yang kita beli gambar di Malaysia gambar pemandangan, itu ingat tidak? Yang kita tampil yang dekat rumah-rumah kan ya, kita beli sepuluh ringgit, dua puluh ringgit duit Malaysia kan. Itu dekat In-donesia itu, mereka buat satu kampung tahu, pendapatan mereka. Di Malaysia tidak ada. Itu yang saya kata tadi, kita ketinggalan. Kalau la kata la “aih aku hidup ini jual lukisan” hairan jual lukisan?

(mencelah)

**MEH:** (ketawa)

**HMO:** orang akan hairan. Sedangkan di tempat lain di Indonesia terutama, mereka hidup jual lukisan. Saya ada rakan-rakan artis daripada Indonesia ya. Mereka bercerita di sini ya “*You* kerja apa dekat sana ya?” “Saya kerja petani pak” dia kata, “*You* kerja petani ke? *You* ohh datang seni bawa *painting* ya, kami sana kami pekerjaan mungkin petani. Pekerjaan kami mungkin jadi-- nelayan. Pekerjaan kami mungkin ini--” Kalau kita di sini jadi pelukis ohh gambarkan lulusan Universiti, (ketawa) kelulusan itu (bunyi ralat) dan sebagainya, itu adalah gambarannya ya. Tapi kita hendak cari pelukis yang tidak ada kelulusan itu ada tapi kita nampak tidak dia dipanggil pelukis jalanan. Tengok dia punya label kan, kadang cikgu sedih. Kadang mereka itu lukisan mereka cantik tapi mereka, kenapa murah? Kenapa tidak mahal? Kenapa mereka tidak jual ribuan ringgit? Kadang-kadang cikgu tertanya “Oh rupa-rupanya di Malaysia ini ada satu” minta maaf la terakam-terakam lah cikgu sebut ni ya. (ketawa) Ini pandang cikgu,

ini pandang cikgu. Kita masih melihat label kelulusan itu merupakan satu label untuk harga.

(mencelah)

**MEH:** (memahami apa yang tokoh sampaikan)

**HMO:** kelulusan, *you* ada *you*-- seorang doktor, cakap *you* mahal.

(mencelah)

**MEH:** (memahami apa yang tokoh sampaikan)

**HMO:** kerja *you* mahal. *You* ada *you*- belajar sampai mana? "saya ada PhD". Wahh, mungkin dia sekali berceramah mungkin enam ratus ringgit, tujuh ratus ringgit, mungkin seribu. Betul kan? "*You* melukis ini, kelulusan awak darjah enam". Darjah enam? Sepuluh ringgit saja.

(mencelah)

**MEH:** (ketawa)

**HMO:** Minta maaf saya terus terang ya. Ini adalah *labelling* yang wujud daripada zaman ke zaman di Malaysia. Tapi cikgu tidak la, ini sudah kebetulan begitu di negara kita. Kita hendak apa? Kalau *you* hendak mahal *you* belajar lah! (ketawa) Betul tidak ya? Kena ada kita cakap ini kita supaya orang lain faham. Betul tidak ya? Kalau *you* hendak meningkatkan ekonomi, *you*-- kena belajar.

(mencelah)

**MEH:** (memahami apa yang tokoh sampaikan)

**HMO:** ini betul! Ya. Jadi jangan-- salahkan orang kalau "eh harga lukisan saya lebih murah" ya jangan salahkan orang. Kalau *you* hendak mahal, *you* kena belajar lah.

Kalau *you* hendak *standard* (piawaian) *you*, *you* kena ada ilmu. Ilmu itu hanya terbukti kalau *you* ada ijazah. Kalau tidak ada ijazah, macam mana tu bahan data bukti ya. Betul ya?

(mencelah)

**MEH:** Betul.

**HMO:** bukti-buktinya itu. Itu maksud cikgu, okey.

**MEH:** Cikgu, soalan terakhir saya, selain daripada pihak kerajaan, siapakah yang bertanggungjawab untuk mempromosi bidang seni catatan?

**HMO:** baik, sebenarnya begini ya. Pelukis itu sendiri.

**MEH:** Pelukis

**HMO:** Pelukis itu sendiri. Ka- pelukis kena majukan diri dia sendiri. (bunyi ralat) Kita jangan terlalu mengharap. Kelemahan kita, ini saya-- cakap ini sebagai seorang artis la ya. Kelemahan ramai pelukis-pelukis ialah, gagal mempromosi diri mereka sendiri. Ini kelemahan. Saya melihat beberapa orang yang sangat berjaya dalam bidang dia itu. Kerana apa? Kerana dia mempromosikan diri-diri mereka sendiri. Saya sebut la nama di sini, pernah dengar nama ‘Yusuf Gajah’?

**SNO:** Tidak pernah

**HMO:** Tidak pernah, *you* boleh cari la ya. (tersedak) pernah-- dengar nama-- siapa? ‘Aziz’ ya, *sorry-sorry* [maaf] dia pelukis *portrait* [potret] biasa di Baksa ya. Bukan di Baksa di Bu-kit Bintang. Ya Allah saya lupa nama dia ya. Pernah nama dengar nama

beberapa pelukis yang hebat-hebat ya, ‘Johan Marjonid’(JohMar) ya. Nama-- dia sebenarnya ya, dia ada kuasa *Facebook* tahu ya.

(Mencelah)

**MEH:** (memahami apa yang tokoh sampaikan)

**HMO:** Dia ada kuasa watsapp (WhatsApp) dia ada kuasa Integram [Instagram], macam-macam sekarang. Terlalu banyak. Jadi bagaimana kita kesan sejumlah pelajar ini tadi, pelukis tadi, bagaimana keupayaannya? ‘Latif Maulan’ misalnya di seringkali *live* kan dia punya karya dalam Facebook untuk menarik pembeli-pembeli. Di mana pembeli melihat bagaimana dia berkarya-- macam dia nak berkarya kan, dia *live* [secara langsung] dia buat siaran secara langsung. Ini usaha individu. Kalau kita tutup, tidak bagi publisiti, siapa tahu kita, ini- penting lah. Jangan me- salahkan orang lain la. Saya lebih kepada *you* sebagai pelukis, *you* kena pertanggungjawab [pertanggungjawab] untuk diri awak, macam mana untuk awak menyelesaikan masalah. Okey ya, boleh.

**MEH :** Okey cikgu. Seterusnya Sazwan. Eh *sorry*, maaf, Farha.

**FFM :** Okey, soalan seterusnya\_\_\_\_\_ (masalah capaian internet)

**HMO :** Tidak jelas, tidak jelas apa dia? Ulang balik.

**FFM :** Bagaimana--

**HMO :** Bagaimana.

**FFM :** Fungsi seni

**HMO** : Fungsi.

**FFM** : Seni catan mempengaruhi \_\_\_\_\_ (masalah capaian internet)

**MEH** : Bagaimana fungsi seni catan mempengaruhi hasil karya cikgu?

**HMO** : Baik, O-key bagaimana. Okey ini sangat penting soalan bagaimana--. Beginilah ya. Cikgu dilahirkan di sawah padi, cikgu dilahirkan diluar bandar, cikgu dilahirkan di dalam keluarga yang susah. Cikgu dilahirkan dengan pel-bagai cabaran untuk hidup ya (wajah penemubual bersetuju) pelbagai cabaran. Jadi sebenarnya hasil karya-karya cikgu tadi maksudnya motifnya ya. Maksudnya bagaimana isi kandungan karya tersebut- semua ialah merakamkan tentang cerita-cerita yang pernah cikgu lalui. Itu yang pertama, boleh faham ya. Jadi, dia rupa-rupanya ialah persekitaran yang ada pada cikgu. Daripada dulu, kini dan- dulu-, bukan selamanya itu tidak boleh lah. Dulu, dulu punya ya masa zaman cikgu kecil ya kemudian zaman cikgu remaja. Kemudian zaman kita sekarang ini cikgu sudah pun ber- dewasalah, dianggap orang sudah masuk ke zon warga emas [Warga emas ditakrifkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas]. Apa yang hendak cikgu kaitkan beginilah. Zaman remaja itulah ra- masa zaman kanak-kanak ialah rakaman sahaja. Rakaman-rakaman cerita. Kemudian, zaman remaja itulah bagaimana dilalui cerita itu. Pengalaman, cikgu sudah ada pengalaman susah- cikgu sudah faham dan sebagainya. Za-man kini, setelah cikgu sudah pandai melukis-- itu zaman merakamkan cerita, merakamkan cerita, merakamkan idea-idea tersebut ya untuk dikenang kembali. Itu sebabnya cikgu banyak memaparkan nostalgia dalam karya cikgu. Ha tu sebabnya apabila cikgu- cikgunya sebenarnya dalam pengkaryaan ini, cikgu memecahkan kepada dua perkara penting-- dua isu penting iaitu yang cikgu panggil sebagai warna korporat, yang- yang kedua cikgu panggil sebagai warna sutera. Warna korporat, warna sutera ini ialah tentang perbezaan pemerhati cikgu. Untuk warna korporat ini, cikgu me- menimbulkan kisah-kisah tentang kesusahan, tentang payah peritnya hidup ini, ten-tang nostalgia kenangan. Di mana kebiasaannya, pembeli-pembeli cikgu ini dalam kumpulan korporat ini mereka pernah melaluinya.

Macam mana cikgu *target* [sasaran] hendak jual lukisan ini tau-- ini rahsia cikgu juga ini sebenarnya. Jadi, cikgu bila warna korporat ini, kadang-kadang orang korporat ini dia macam cikgu juga tau. Dia kaya, staf dia sudah tua-- tetapi dia mengharungi kehidupan zaman dahulu itu su-kar sebenarnya. Jadi cikgu kembalikan ingatan itu, jadi mereka sangat tertarik sebenarnya. Jadi mereka kata dekat sangat dengan kehidupan mereka. Itu cikgu panggil cerita warna-warna korporat. Mana- manakala warna sutera pula, dia berbeza sikit. Ini ialah kumpulan kepada kumpulan yang bling-bling ini (reaksi teruja) ha- mak-mak datin, warga-warga bangsawan, tongku [Tunku], Sultan-- mana kalau tadi “Kau pernah makan kerak nasi ke?” kata, Haron Mokhtar-- tidak pernah, ia beza kan, berbeza. Jadi cikgu meletakkan warna itu ya, warna sutera ialah untuk kumpulan kemewahan, jadi adalah warna-warna sutera untuk kumpulan kemewahan sebenarnya. Mewah, warna itu mewah. Bila di tengok pun dia tidak- dia hanya seronok sahaja, gembira sahaja, dia bukan- dia bukan menimbulkan kesan nostalgia. Biasanya warna-warna sutera ini,cikgu lukis untuk kumpulan-kumpulan elit [orang ternama] lah yang- memang hidup dia tidak pernah susah pun. Dia mesti hendak kalau bangunan itu mesti ke *de-tail* [terperinci] tau macam bangunan itu corak-coraknya, warna-warnanya nampak *detail* tau. Macam dia-- orang tengok memang untuk mewah.

(mencelah)

**MEH :** Dalam ini ada ke cikgu? [ini merujuk Galeri Seni Teratas Anak Amas cikgu]

**HMO :** Dalam ni ha- susahlah sikit-- sutera ini dia-- ha itu macam sutera itu macam itu (Sambil menunjuk ke arah lukisan). Dia- dia tidak memaparkan kepada susah pun. Ini, ini macam sutera lah ini (Sambil menunjuk ke arah lukisan) Dia kumpulan-kumpulan--

(mencelah)

**MEH :** Farha tidak dapat tengok ya (tokoh dan penemubual ketawa)

**HMO** : Ha ini sutera. Dia bukan- tetapi ini korporat (penemubual berkata “korporat-ya”) ha ini korporat ya itu macam korporat. Ini-- korporat. Ini *colour-[warna-warna]* korporat-- zaman dulu--

(mencelah)

**FFM** : Nanti, nanti Emir tunjukkan. (ketawa)

**HMO** : Nanti kita ambil gambar lah, kita ambil gambar. Boleh dijadikan bahan bukti lah apa itu warna korporat ya ha- boleh, boleh faham sudah ya.

(mencelah)

**MEH**: Faham. (ketawa)

**HMO**: Ini senang sahaja- jadi sebenarnya, itu rahsia berniaga cikgu sebenarnya ya-

(mencelah)

**MEH** : Strategi?

**HMO** : Strategi (ketawa). Jadi alhamdulillah setakat ini penjualan cikgu lancar sebab cikgu dapat trik itu. Cikgu bukan berfikir hanya-- itu sebabnya cikgu buat benda itu. Okey

**MEH** : Okey, Sazwan.

**SNO** : Okey cikgu soalan seterusnya berkaitan dengan jenis-jenis seni halus--

(mencelah)

**HMO:** Okey

**SNO:** Apakah jenis-jenis seni halus yang wujud di Malaysia?

**HMO:** Baik. Kita seni halus ini ada empat sahaja iaitu lukisan, catan, arca dan cetakan. Empat perkara itu sahaja. Itu jenis-jenis seni halus ya

**SNO :** Okey cikgu, antara empat itu seni apa yang paling *popular*?

**HMO:** Yang paling terkenal itu sebenarnya semua terkenal. Dia mengikut taraf pemimpinat dia masing-masing ya sebab kalau kita lihat di Malaysia ini, seni arca misalnya- kalau kita lihat seni arca kita- kita akan dapati pelukis-pelukis yang menjurus ke bidang tersebut, dia ada juga kelebihan dia. Dia membina arca-arca yang hebat-hebat kan--. Kalau cikgu hendak mendabik dada seni catan itu lebih *popular* nanti seni arca itu dia ada kelebihan. Maksud dia, dia masing-masing ada ke- kelebihan, jadi kalau orang tanya, cetakan. Hei banyak tau cetakan yang hebat-hebat di Malaysia dan ada pelukis-pelukis yang hidup atas cetakan. Kalau- macam cetakan saring, cetakan itu, cetakan ini banyak ya dan kemudian yang ketiganya iaitu lukisan. Lukisan ini lagi- lagi banyak, drawing [melukis] ya. Wa- mereka buat potret, mereka apa- dia boleh hidup dengan kerja-kerja mereka. Jadi untuk cikgu, hendak dikatakan siapa yang paling atas, seni halus itulah yang merangkumi semua sekali. Maksud dia sama ada dia itu- artis itu- menghasilkan objek arca, adakah artis itu cetakan, adakah artis itu lukisan, adakah artis itu catan. Semua itu *standard* [tahap] dia sama. Itu pandangan cikgu lah, cikgu taknak pilih kasih. Ha okey

**SNO :** Okey cikgu, seterusnya di mana lokasi pertama bermulanya seni catan di Malaysia?

**HMO** : Sebenarnya kalau ikutkan sejarah lah yang cikgu tahu yang-- mungkin daripada Pulau Pinang [Sekitar tahun 1937, kelab pelukis kaum Cina mula mula aktif melukis cat air dan kelab Cina mula ditubuhkan antaranya Kelab Seni Lukis Pulau Pinang dan ‘*Penang Art teacher’s Council*’] tetapi kena rujuk baliklah, saya mita maaflah yang ini soalan yang agak- kena *study* [belajar] balik ya okey tetapi cikgu tahu di- bermula di Pulau Pinang lah sebab Pulau Pinang ini dia ada kumpulan-kumpulan apa- penubuhan-penubuhan kumpulan- selain daripada Pulau Pinang di Singapura. Dia--macam penjajahan British ini dia- macam apa- Pulau Pinang, Singapura ya. Ada orang-orang suka--moden pada waktu itu tau, dia moden agak moden jadi dia- lebih terdedah awal

(mencelah)

**MEH:** Betul

**HMO:** Ha itu yang boleh cikgu menjawab tetapi kamu boleh rujuk balik lah dalam penulisan ya. Okey.

**SNO** : Em tahun berapa seni halus itu bertapak?

**HMO** : Wow, ini cikgu tidak boleh-- ini rujukan-rujukan yang agak- cikgu tidak boleh menjawab dengan-- fakta. Itu fakta ya, kita boleh rujuk dalam- buku lah ya. Tolong- rujuk dalam buku okey.

**SNO** : Soalan terakhir saya. Apakah perbezaan seni catan dengan seni halus yang lain?

**HMO** : Baik. Perbezaan itu boleh cikgu sebut. Catan ini kita melukis. Catan ini dia ada dua iaitu catan cat air dan juga catan cat minyak. *Base* [asas] cat air dan cat minyak kalau *print* [cetak] itu kita bercetak. Kalau arca itu kita buat objek 3D ya. Kalau lukis

itu kita menggunakan media kering. Ha itu- dalam buku pun ada bab itu, kalau hendak rujukan tetapi cikgu jawab secara ringkas okey ya.

**MEH** : Okey cikgu. Itu sahaja Sazwan?

**SNO** : Ha itu sahaja

**MEH** : Okey kita akan pergi ke bahagian ketiga iaitu *specific question* [soalan spesifik] (Cikgu berkata okey) soalan saya boleh tidak cikgu kongsikan proses penghasilan lukisan seni catan?

**HMO** : Untuk cikgu punya ke atau pun untuk menyeluruh?

**MEH** : Ha secara menyeluruh lah.

(mencelah)

**FFM** : Untuk- ha secara menyeluruh

**HMO** : Menyeluruh ha, proses- (Emir berkata proses penghasilan dalam lukisan seni catan itu) Baik. Sebenarnya dalam seni catan ini kita memerlukan yang pertama sekali kita ada bahan lah. Kalau kita hendak membuat cat minyak, maka kita ada *base cat* yang berorientasikan cat minyak. Cat itu sebabnya dipanggil cat minyak tetapi kalau kita hendak membuat cat air, *base cat air* itu ialah campuran air jadi dia akan jadi *watercolour* [cat air], dia akan jadi *watercolour*. Jadi cat air itu atau *watercolour*, jadi kalau kita untuk membuat cat minyak tetapi hari ini ada satu lagi yang diberi sebagai cat akrilik. Cat akrilik ini dia seolah-olah cat minyak tetapi dia- bahan campurnya ialah air. Banyak hari ini prosesnya digunakan dengan *medium mix* [campuran sederhana] ya macam-- macam tanah apa, tar-, tar tu mereka pun boleh buat catan itu ya. Hebat sekarang, dia macam-macam sekarang ini. Dia pakai gunakan *medium mix* ya. Itu boleh dibuat *research* [kajian] dalam kajian ini

(mencelah)

**MEH** : *Plumbing* ya cikgu?

**HMO** : Teknik-, teknik itu ya-- jadi di sini dalam- menghasilkan dalam teknik lukisan yang- kita buat ini tadi

(Mencelah)

**MEH**: (memahami apa yang tokoh sampaikan)

**HMO**: Teknik-teknik melukis itu juga ada tekniknya, pecahannya. Sebagai contoh, ini sebagai contoh ialah kalau kita menggunakan cat air misalnya ya. Kita ada teknik basah atas basah, basah atas kering, kering atas basah, kering atas kering. Maksud itu ialah istilah-istilah yang biasa kita dengar ya. Kalau kita- begitu juga teknik cat minyak. Juga teknik cat akrilik maka timbul lah teknik titik-titik, timbul lah teknik *blazing* (sic, teknik glazing) ha tindanan itu, timbul lah teknik apa ini- impasto, tekniklah- macam-macam lah- ala prima. Ha contoh bila katalah ala prima itu apa. Jadi teknik ala prima itulah penggunaan warna daripada tiub terus disapu ke- kanvas. Jadi dalam kita hendak menghasilkan sebuah karya. Kita perlu ada alatan tersebut. Kita kalau hendak buat catan kita ada kanvas. Kalau kita hendak buat *watercolour* kita ada kertas *watercolour* dan sebagainya. Itu persediaan-persediaan yang perlu ada untuk menghasilkan catan. Boleh ya?

**MEH** : Okey cikgu kalau untuk lukisan yang dihasilkan oleh cikgu, apakah keunikan yang terdapat pada setiap karya cikgu itu? Yang boleh cikgu katakan.

**HMO** : Okey, dalam karya yang cikgu hasilkan ini, untuk mencari keunikannya-karya-karya cikgu kalau kita melihat ialah ada objek di atas, ada objek di bawah kemudian ada ruang kosong di tengah. Isunya apa yang uniknya, okey di sinilah lah ya.

Bagaimana proses ini berlaku, keunikan ini berlaku. Cikgu boleh terangkan di sini satu persatu lah ya. Baik, apabila kita melihat sebuah karya lukisan. Lihatlah, bukan melihat karya Haron Mokhtar sahaja. Lihat se- mana-mana karya lukisan. Mata kita akan bertemu ke tengah-tengah diperingkat mula. Mesti tengok tengah-tengah ya, tengok tengah-tengah walaupun lukisan itu penuh- tengok ha lukisan jawi kalau ada dekat sini, khat ini ya. Kita tetap tengok dekat tengah. Betul kan ya. Jadi-

(mencelah)

**FFM** : Tak nampak cikgu.

**HMO** : Ha boleh nampak ya, kita terus tengok dekat tengah (ketawa) Sian [kesian] dia-- . Jadi bila kita terus melihat di tengah, mata kita tertumpu. Jadi, Haron Mokhtar dia buat di tengah dia tiada lukis apa-apa, dia kosong sahaja

(Mencelah)

**MEH**: Betul

**HMO**: Okey, jadi audien akan melihat terus ke tengah. Kemudian, dia akan melihat ke atas, dia akan melihat ke bawah. Dia tengok ke atas, dia melihat ke bawah. Jadi perbuatan itu telah mengubah gerak leher, faham tidak gerak leher dia. Kalau kita tengok yang lukisan lain, kepala kita berpusing. Pusing- (cikgu menggerakkan kepala ke kiri dan kanan) berpusing macam itulah, kalau kita lihat ha- sebab dia berpuncu di tengah tetapi Haron Mokhtar, gerak leher telah di ubah iaitu tengok atas, tengok bawah, tengok atas tengok bawah. Ha kemudian tengok tengah kosong itu. Akhirnya cikgu kata ruang tengah itu ialah ruang untuk berfikir, ruang untuk berkarya untuk- ruang untuk bernafas untuk karya. Ruang berfikir dan kemudian ruang untuk bernafas untuk karya. Berfikir tadi untuk audien, bernafas tadi untuk karya. Dia tidak kelihatan *crowded* [sesak] jadi karya adalah-- motif kelihatan sangat selesa. Yang ke- seterusnya, atas bawah atas bawah seolah-olah melihat tulisan cina. Cikgu kaitkan dengan tulisan

cina ini semangat pandang ke timur. Semangat pandang ke timur sebab terciptanya karya ini apabila pensyarah kata buat karya pa- pandang ke timur. Jadi cikgu mencipta benda itu apa hendak dibuat, jadi cikgu buat *research*-- karya-karya Jepun, cikgu buat *research* karya-karya apa- cina, *painting* cina. Kan kalau lukisan cina, dia menegak panjang kan. Terus-- balik-balik nanti bolehla rujuk tulisan cina dan sebagainya. Lihat cetakan Jepun, macam mana paparan optimis dan sebagainya. Cikgu gabungkan semuanya tadi, cikgu pun fikir letak komposisi tadi. Jadi letak objek di atas. Biasanya objek di atas ini, objek di atas ini ialah mewakili kediaman. Mewakili kediaman tidak kisah lah tetapi dia berupakan warisan. Ha kediaman tetapi warisan ya. Manakala yang bawah pula ialah sosial yang mewakili kenderaan ke, yang mewakili orang ke, yang mewakili pakaian ke ya. Jadi semua itu ada cerita masing-masing, ada watak masing-masing. Sebagai contoh, kalau kita lihat rumah di atas itu adakah rumah penghulu, rumah di atas itu adakah rumah orang kaya, rumah di atas itu apakah rumah siapa. Jadi aktiviti di bawah ada kaitannya dengan aktiviti di atas. Jadi, benda ini kenapa bangunan itu di atas sebab bangunan biasanya cikgu kaitkan dengan kuasa. Kuasa, faham tidak kuasa. Kuasa. Itu sebabnya kalau rumah penghulu dia jadi pemerintah ketika itu. Istana, dia jadi pemerintah ketika itu. Apa sahaja, bangunan-bangunan Putrajaya, pusat pemerintahan. Itu sebabnya kita tahu, bangunan itu dia ada hierarki nya kita letak di atas. Kenapa tidak di bawah tetapi di atas tetapi orang macam manusia, kenderaan dia berada di bawah. Itu stail, itu keunikan Haron Mokhtar. Jadi akhirnya, terjemahannya begini. Objek tengah atas, objek bawah. Tengah kosong, tengok di tengah, tengok ke atas, tengok ke bawah seolah baca tulisan cina, semangat pandang timur. Tengok di tengah kosong, dikosong itulah ruang untuk bernafasnya karya manakala ruang untuk berfikirnya pemerhati. Wah boleh faham sudah ya

**MEH:** Boleh

**HMO:** Ha- jadi bagaimana terciptanya idea itu, itulah uniknya dan itulah stail Haron Mokhtar daripada 1987 sehingga sekarang ia kekal. Dia tidak berubah-ubah, jadi itulah yang menjadi uniknya pemilikan karya Haron Mokhtar ini sudah pun diterima satu dunia bukannya dalam kawasan daerah saya ya tetapi dia diterima satu dunia

dengan stail Haron Mokhtar. Jadi sebagai pelukis, kita ada stail. Itu yang dikatakan stail. Okey betul kan. Stail ha-

**MEH :** Cikgu, boleh tidak saya hendak tahu proses pengeringan lukisan seni catan ini?

**HMO :** Baik, kenapa proses- cantik soalan itu ya. Cikgu memilih akrilik sebab bahan ini cepat kering. Kalau cikgu tidak pilih cat minyak sebab dia lambat kering. Mungkin sebulan kerja kita tidak kering-kering. Itu sebabnya cikgu memilih akrilik tetapi medium akrilik dan medium catan dia hampir sama dia punya kualiti ya. Ketahanan dia hampir sama tetapi kalau orang tanya pada cikgulah, kalau yang tradisional cat apa, memanglah cat minyak. Cat akrilik ini lebih moden sikitlah, moden sikit. Cikgu memilih cat akrilik sebab dia cepat kering.

**MEH :** Oh kalau cat minyak dia lambat kering.

**HMO :** Lam-bat. Jadi dari segi ekonomi, rugilah cikgu. Lambat- untuk dijual.

**MEH :** Okey cikgu boleh tidak saya tahu masalah yang timbul dalam proses penghasilan seni catan ini?

**HMO :** Baik. Sebenarnya banyak masalah dalam menghasilkan karya catan ini. Pertama sekali ialah- untuk cikgulah ya. Untuk mencari idea yang betul-betul kena dalam sebuah karya itu. Sebagai contohlah ya, cikgu ambilkan-- Imej diatas katakanlah bangunan masjid di Putrajaya, di depan kita tu ya (Cikgu menunjukkan jari ke arah lukisan) apa yang hendak cikgu buat dibawah? kata- jangan nampak lagi dibawah itu. Jadi, cikgu sebenarnya, setiap karya cikgu ini dia ada cerita tau. Dia ada isu yang hendak disampaikan. Cikgu melukis karya masjid Putrajaya dan Putrajaya dibelakang

itu ialah waktu covid- waktu covid. Apa yang berlaku ialah masjid kosong, Putrajaya kosong, kenderaan semua kosong. Semua bertambat di tepi sahaja. Itu sahaja cikgu dapat idea. Boleh faham.

(mencelah)

**MEH** : Itu pejabat Perdana Menteri kan?

**HMO** : Iya, covid tidak ada apa.

(mencelah)

**FFM** : Saya tidak nampak cikgu

**HMO** : (ketawa) kesiannya la, tidak apa tidak apa, yang sebelahnya itu ialah Istana-Selangor.

**MEH** : Iya

**HMO** : Itu istana Selangor. Ya, toleh bawah. Hanya sampan sahaja ada.

**MEH** : Ini pun waktu Covid juga ke cikgu?

**HMO** : Covid. Ini cerita covid. Boleh faham ya. Ha yang ini pun covid. Yang merah ini. Ini masjid tetapi bawah orang umrah. Tajuknya Umrah Tertunda.

**MEH** : Faham.

**HMO** : Terus faham kan, ya dan karya ini alhamdulillah sudah dibeli. Okey ha-- Umrah Tertunda, ya. Umrah tertunda. Jadi kita boleh “oh, betullah”. Kesian, kita rasa simpati. Mana yang ada sejarah umrah tertunda tadi mungkin *best* karyanya. Dia sangat menyentuh perasaan. Emosi dia.

(mencelah)

**MEH** : Strategi.

**HMO** : Ha yang itu tadi kan. Nostalgia, awak dah faham dah kan ya. Ha itulah sebenarnya kalau cikgu kata susahnya cikgu hendak buat cerita dibahagian bawah. Yang sebelah ini ialah penjual karpet. Penjual karpet. Cikgu tengok dia lalu bawak karpet. Jadi cikgu jadikan idea, penjual karpet. Ha yang ini seperti tadi dulang. Ya, ini bahan-bahan lampu cina, lampu apa ha itu. Ini kadang-kadang cikgu bermain dengan emosi cikgu sendiri lah tetapi untuk mendapatkan objek itu, cikgu kena berjalan. Cikgu kena merantau, cikgu kena lihat. Pergi Putrajaya, termenung dekat tasik. Kesian tidak ada apa, nampak gambar kosong. Oh saya hendak buat idea ini. Itu caranya. Boleh faham ya. Ha, itu contohnya okey.

**MEH** : Okey cikgu, macam mana cikgu menyelesaikan masalah yang timbul semasa proses itu?

**HMO** : Okey, apabila cikgu kekeringan idea. Cikgu akan pergi melancong. Ha sebagai contoh, hari ini cikgu hendak menyelesaikan ha empat puluh enam buah karya, Maktab Kolej Melayu Kuala Kangsar [Kolej Melayu Kuala Kangsar]. Empat puluh enam karya cikgu kena selesaikan hujung tahun ini ya tetapi sayang sekali kamu tidak dapat lihat lah sebab dia ada di studio cikgu lah ya. Kalau kita buat *interview* di- di studio cikgu tadi, kamu dapat lihatlah ya. Ha ini kita buat dekat galeri cikgu. Jadi, untuk mendapatkan ilham. Cikgu kena buat ber- berkampung disana. Jadi sebagai contoh ya, cikgu hendak merasai perasaan bagaimana berada di Maktab Kolej Kuala Kangsar itu,

cikgu berada lah disana. Cikgu lihat bangunannya, cikgu duduk disana, rasakan suasananya. Rasakan roh, dipanggil roh ya. Roh bangunan itu.

(mencelah)

**MEH** : Oh cikgu kena lukis-

**HMO** : Ya, kena tengok kalau tidak dia takde roh. Kalau kamu ambil gambar, dengan kamu tengok depan mata, lain. Ha itu be- jadi seorang pelukis, kita kena ambil rohnya.

**MEH** : Macam saya datang sini, dia *online* dekat sana-

**HMO** : Ha dia tidak nampak, rohnya- kamu berada dalam galeri cikgu, rakan kamu di Sabah. Dia tidak tahu macam mana keadaan kami dekat sini, roh disini kan ya. Sangat berbeza. Ha memang cikgu nampak muka kamu sedih je dalam itu. Cikgu- tetapi walaupun depan mata cikgu, tetapi roh dia itu ada- ada tergantung di laut china selatan(Cikgu dan penemubual ketawa) Takpelah, janji boleh faham maksud cikgu itu tadi ya. Untuk menyelesaikan masalah, cikgu kena pergi ke tempat tersebut. Itu penting sangat untuk cikgu ya. Kalau tidak, dia tidak akan dapat roh kesan cerita itu. Cikgu istilah kan roh itu ialah semangat dia lah ya. Semangat dalaman itu yang kita perlukan sebab kalau kita tidak berada disana, cikgu tidak boleh pilih *colour*. Warna itu apabila kita berada dalam suasana itu baru kita dapat ciptakan warna. Kita tidak boleh main-main tampak begitu je *colour*. Dia tidak akan jadi. Jadi, jadi tetapi dia tidak- tidak *best* tetapi kalau kita berada di tempat itu kita nampak apa warna yang sesuai untuk kita warnakan. Okey.

**MEH** : Soalan seterusnya daripada Farha.

**HMO** : Farha, kesian Farha.

**FFM** : Maaf- untuk tadi kan sudah sebut pasal idea-idea lukisan. Ha boleh cikgu ceritakan lagi mendalam tentang idea untuk melukis seni catan ini.

**HMO** : Okey, beginilah ya.

(mencelah)

**MEH** : Selain daripada cikgu melancong.

**HMO** : Okey

(mencelah)

**FFM** : Haah-

**HMO** : Sebenarnya begini. Salah satu kerja- kerja sampingan cikgu ialah melayari internet. Melayari internet ya. Cikgu akan melihat berapa banyak gambar-gambar pelukis-pelukis antarabangsa. Cikgu akan buat *research* ya. Supaya cikgu dapat memahami kekuatan pelukis-pelukis tersebut. Itu salah cikgu- salah satu cikgu- sebab kita ada bapa angkat kita ya. Pak *Google* [mesin carian di internet] jadi pak *Google* ini banyak bantu cikgu sebenarnya. Dia kita cakap je kena tengok siapa, dia akan bagi ya. Bagi tengok dan sebagainya. Jadi kadang-kadang cikgu akan menghabiskan masa berjam-jam tau untuk cikgu melihat benda itu sahaja. Gambar-gambar dalam tulah cikgu- cikgu akan lihat ya. Melayari galeri mereka dan sebagainya lah ya. Yang keduanya, cikgu akan buat *research*. Setiap tema, cikgu akan buat *research* sebab *research* itu sangat penting ya. Sebab *research* itu tidak boleh kita buat sewenang-sewenangnya. Jadi dengan *research* ini, kita boleh menghasilkan satu kajian yang sangat mendalam. Jadi kita kena- bukan kita hanya ambil atasan sahaja. Kita kena dalam dia. Sebagai contoh, beginilah, cikgu-- cikgu melihat rumah melayu. Rumah

melayu dia ada lima kisi-kisi dia, mesti ada lima. Kenapa tidak enam, kenapa tidak tujuh, kenapa tidak- kenapa lima. Ha kisi-kisi- tangga dia begitu juga. Kenapa ganjil, kiraan dia ganjil. Itu yang dipanggil *research* ya sebab kalau kit- kalau kita tidak kira begitu, kadang-kadang cikgu melihat rumah yang mereka lukis sahaja, tang- anak tangganya pun tidak betul kiraanya. Ha ini- ini cikgu cakap secara peribadi ini ya. Kenapa mereka tidak- membuat *research* kajian tangganya berapa, kisi-kisinya berapa jumlahnya sebab dalam konsep rumah melayu ini dia memang ada berpegang kepada nilai-nilai keagamaan sebenarnya. Lima- lima rukun islam, enam rukun iman dan sebagainya. Banyak ya, kemudian nanti ada nama-nama coraknya lagi macam itik pulang petang ya, dan pelbagai nama la itu kamu kena buat *research* lah dalam buku kamu sendiri. Jadi itu yang cikgu *study* supaya cikgu dapat kuasai ya, ha itu cara yang lebih mendalam. Boleh faham sudah ya. Ha okey.

**FFM** : Boleh, boleh- Ha cikgu ada- adakah cikgu mendapat idea\_\_\_\_\_

(mencelah)

**HMO** : Banyak lagi ke

**SNO** : Em tinggal sikit je lagi cikgu.

**HMO** : Apa dia, ulang balik.

(mencelah)

**MEH** : Soalan dia, adakah cikgu ambil inspirasi daripada gelagat manusia juga?

**HMO** : Yes!

**MEH** : Apabila cikgu pergi mana-mana?

**HMO** : Memang. Cikgu pergi ke mana-mana, cikgu adalah menjadi seorang pemerhati. Cikgu akan lihat. Itu sebabnya kalau dalam karya-karya cikgu, Imej-imej yang cikgu paparkan banyaknya figura yang datang daripada belakang bukannya cikgu syok tengok belakang orang. Kenapa cikgu ambil imej belakang. Ha kalau cikgu ambil imej depan pun (penemubual berkata haah) wajahnya cikgu bersahaja sahaja. Macam sana tu kan (Sambil menunjuk ke arah lukisan) dia tidak nampak apa-apa pun. Tetapi sebenarnya, imej belakang ini dia macam-macam karakter tau. Macam-macam cerita. Kita tidak payah dengan orang lah, orang akan bercakap kalau orang itu sudah lalu betul tidak (tokoh dan penemubual ketawa) Ini- ini realiti cikgu bercakap realiti lah, kita tidak payah la. Bila orang sudah lalu itu baru bercakap "uh orang itu berjalan macam itulah" (Ketawa kecil) kan! Kita- Kita jadi ceritanya setelah kita- dia melepas kita. (penemubual berkata melepasilah) kalau dia tidak lepas kita , kita tidak boleh cakap pun. Jadi cikgu melihat benda kereta-kereta macam itu. Cikgu lihat bagaimana kereta orang sedang berjalan kemudian cikgu terlihat pemerhati. Dia akan memandang gerakan kepalanya bila lalu nanti akan *follow* [mengikuti] hendak tengok bontot orang itu ke. Tidak, sebenarnya tidak. Dia melihat bagaimana kere- karakter orang itu sebenarnya. Kalau kita hendak tengok benda yang- yang cikgu- cikgu bukan cakap lucah ini ya. Maknanya itu karakter ya. Orang itu ialah- ohh dia berjalan lenggang, lenggang dia ke, apa ke dia kan ya. Sebenarnya, minta maaf cikgu cakap ini ya, cikgu *study* benda-benda ini ya. Contoh pemakaian kain batik disini ya. Kalau diletak dibelakang dia punya tulang itu, siapa yang pakai? Kalau diletak ditepi itu tulangnya, siapa yang pakai. Kalau diletak didepan siapa yang pakai? Boleh buat *research* ini tetapi cikgu beritahu kamu, itu sebabnya cikgu sangat berhati-hati benda itu. Bila dibelakang itu ada corak kain tulang dibelakang itu, mungkin janda yang pakai. Kalau ditepi mungkin- mungkin anak janda yang pakai- *sorry* ya tengah itu mak- mak orang lah. Kalau dihadapan, coraknya itu anak dara. Di situ yang kita buat *research*, bukan kita main- lukis sahaja. Boleh faham ya? Kadang-kadang ini sangat- pentinglah dari sudut- imej yang dipaparkan. Itu yang kita mengkaji tingkah laku- manusia. Tapi hari ini orang tak peduli pun pakai kain batik, bunga yang berterburu pulak anak dara dia

letak mana-mana pun dia tetap tak faham pun sebenarnya. Dia anak dara pun dia letak macam janda, "Hey kau janda ke?", orang kata. Kalau orang paham lah bahasa itu, tapi kalau kita sekarang banyak yang tidak pa-ham dengan bahasa itu ya. Kalau kamu tanya mak kamu pun, mak kamu mungkin tak faham. Tapi kalau kamu buat *research*, insya-Allah kamu akan faham benda itu ya. Okey.

**FFM:** Adakah ---- (gangguan capaian internet)

**SNO:** Okey cikgu, tadi cikgu -- cikgu sebut tentang kanvas dan cat. Boleh tak cikgu ceritakan dengan lebih terperinci tentang bahan yang digunakan untuk menghasilkan lukisan seni catan?

**HMO:** Bahan terperinci? Baiklah sebenarnya kalau kita nak- bahan-bahan tulah [itulah] beruslah ya, kita mesti ada berus, kita mesti ada pembacuh warna (ketawa), kita mesti ada- warna ya, kita ada -- mesti ada kanvas ya. Cuma saya nak kata beginilah, bila kita membeli kanvas, kita pastikan kanvas kita dah ada *undercoat* [lapisan bawah] ya, *undercoat* itu ialah warna di permukaan kanvas itu iaitu warna putih tu ya dipanggil *undercoat* ya, mesti ada. Apa tujuan *undercoat*? *Undercoat* ini lah [ialah] cat yang dilapis pada permukaan kain (sic, kanvas) supaya bila kita mewarnakannya, warna tidak akan tembus ke- belakang jadi ia menjimatkan warna tersebut. Sama juga kita cat dindingkan undercut- [*undercoat*] putih -- warnakan cat putih itu, sebenarnya bila kita warna lain warna itu tidak mere-sap dia tidak meresap, dia akan terletak di permukaan. Justeru itu, *undercoat* ini boleh- menjimatkan warna kita ---- itu peranan kitalah okey.

**SNO:** Adakah saiz kanvas mempengaruhi lukisan cikgu?

**HMO:** Yes! untuk makluman anda-- untuk maklumat kamu kalau kita lihat karya-karya Haron Mokhtar dia punya- format tadi ya iaitu pat [empat] ke atas tiga (4x3), empat tiga, ataupun lima empat (5x4).

(mencelah)

**MEH:** Saiz kan?

**HMO:** Saiz lima empat, ataupun lima lima ( $5 \times 5$ ), ataupun tiga tiga ( $3 \times 3$ ), ataupun empat empat ( $4 \times 4$ ) okey. Saya dah beritahu anda, semua ini ada-fungsi, ada nilai. Bukan-saja-saja cikgu menceritakan format. Kalau tiga empat ( $3 \times 4$ ) tadi sebab cikgu nak mencuri ruang di tengah itu lebih luas, ya tapi kalau misalnya lima lima ataupun empat empat, imej itu akan memanjang. Boleh faham tak? Imej akan memanjang-, dia banyaklah nampak panjang- ya. Kalau kita tengok macam masjid itu (memusingkan badan dan tunjuk kebelakang) contohnya (menunjuk lukisan di belakang) itu empat empat, jadi imej itu akan memanjang tapi -- satu lagi kita kena sedia maklum. Apabila kita membina karya, macam tiga-tiga ia sesuai untuk kondominium-, saya akan jual untuk bangunan-bangunan untuk kondo [*kondominium*] orang-orang yang tinggal di kondominium. Sebab di- kondominium dia punya dinding itu tak tinggi, jadi berapa karya paling sesuai? Kita dah -- cikgu dah buah kajian, karya yang sesuai ialah tiga kali- dua ( $3 \times 2$ ) ke tiga kali tiga ke ( $3 \times 3$ ). Maksudnya tinggi *you* tiga kaki sahaja, okey kalau rumah *you* besar, rumah *you* dinding *you* awak besar jadi- ukuran tadi mungkin empat boleh, mungkin lima, mungkin enam, dan sebagainya. Jadi ukuran itu bergantung kepada dinding bakal kita letak. Jadi untuk- kerja-kerja -- cikgu dah *study* menda-menda [benda-benda] ini. Jadi mudahnya pembeli tadi bersesuai dengan dinding mereka-, jadi jangan kita melukis main- lukis saja tanpa memikirkan nak jual pada siapa? Macam cikgu kata, cikgu nak jual pada ahli koprat ke untuk kumpulan bangsawan? Nak- pergi jual dekat rumah banglow ke nak pergi jual dekat rumah kondominium? Yang mana? Jadi kita kena ada idea itu, ini rahsia agak -- cikgu cerita dengan andalah. Mungkin nanti boleh guna pakai. Boleh dengar orang Sabah? (merujuk kepada Farha)

**FFM:** Boleh cikgu.

**HMO:** Gambar agak terganggu sikit, kabur. Hilang kecantikan nanti -- gambar awak, kabur sikit. (ketawa)

**MEH:** Dah Sazwan?

**HMO:** Okey (memandang ke arah Sazwan)

**SNO:** Okey selain cat akrilik dan cat- minyak. Adakah jenis cat lain yang diguna-kan?

**HMO:** Sebenarnya jenis-jenis cat yang lain ada ya. Itu sebabnya yang cikgu kata tadi dalam karya hari ini – dalam hari ini- dia ada medium lain. Itu kadang *duty mid* [warna tar] itu warna- tar, tar jalan tu mereka guna jadi warna dah. Jadi- dia bergantung kepada kemahiran individu, ada juga yang buat daripada warna-warna alam. Macam -- daripada pokok bunga ya, kita nak dapatkan warna kunyit kita ambil daripada- pokok kunyitlah. Kuning dia – adakan kuning apa semua ya, memang kita ada buat ramai pelukis-pelukis yang pergi ke arah itu sebenarnya iaitu warna semu-la jadi.

(mencelah)

**MEH:** Jadi.

**HMO:** Yang kita beli pakai cat minyak, cat akriklik tu sebenarnya kita nak cepat sahaja. Tak payah kita nak proses, nak- gorengkan (ketawa), nak jerang ke benda tu? Nak di-dihkan dulu ke macam mana. Dia mengambil masa yang sangat panjanglah prosesnya. Okey.

**MEH:** Okey Farha, soalan seterusnya.

**FFM:** Okey soalan seterusnya berkaitan tentang kejayaan yang dikecapi oleh cikgu. Adakah karya seni catan cikgu pernah mendapat pengiktirafan daripada mana-mana pihak?

(mencelah)

**MEH:** Cikgu dengar tak? Adakah karya seni cikgu pernah mendapat pengiktirafan daripada mana-mana pihak?

**HMO:** Yes! Sebenarnya karya-karya cikgu, cikgu sudah pun menerima lebih daripada enam atau tujuh anugerah ya. Enam dalam pertandingan, yang paling besar sekali ialah *major award* atau hadiah utama bakat muda sezaman ya. Kemudian kalau kita lihat yang lain-lain itu ialah yang cikgu pernah -- itu hadiah utama sembilan puluh sembilan puluh lapan [1998] pertandingan melukis UiTM-. Kemudian hadiah kedua pertandingan Landskap Selangor ya, kemudian- sagu hati mereka cipta lima puluh tahun (50 tahun) kemerdekaan. Kemudian hadiah utama bersama mereka cipta lima puluh tahun -- lima puluh dua tahun kemerdekaan ya. Itu antara pengiktirafan-pengiktirafan yang cikgu pernah terima ya. Untuk karya-karya cikgu-, seterusnya-karya yang terbesar sekali ialah Darjah Kebesaran Setia Mahkota di Negeri Selangor ya. Dimana pengiktirafan untuk dua puluh dua karya cikgu ya. Jadi cikgu dianugerahkan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Negeri Selangor. Sebenarnya anugerah-anugerah ini- cikgu bersyukurlah dengan adanya anugerah-anugerah ini-. Itu yang cikgu boleh jawablah. Ada lagi?

**FFM:** Adakah pencapaian cikgu sepanjang berkarya di luar negara ini, dengar tak Emir? (gangguan capaian internet)

**HMO:** Pencapaian apa?

**MEH:** Apa tadi Farha?

**FFM:** Pencapaian cikgu sepanjang berkarya di luar negara. (Kedengaran suara yang tidak jelas akibat gangguan capaian internet)

**HMO:** Oh, di luar negara. Baik.

(mencelah)

**MEH:** Ha di luar negara.

**HMO:** Di luar negara cikgu hanya ada pameran-- berpameran secara berkumpulan la ya. Di mana cikgu dapat mewakili- tempok -- pernah satu ketika cikgu mewakili Malaysia untuk peringkat- ASEAN- [Association of Southeast Asian Nations] la ya, di mana karya cikgu menjelajah untuk negara-negara ASEAN- juga kadang-kadang- dipamerkan untuk keluar negara seperti ke Argentina ya, negara-negara lainlah mengikut- Gerakan Balai Seni Negaralah. Dia orang hantar ya, kadang-kadang- yang terbaru ini pun cikgu ada karya untuk ke Indonesia ya. Di peringkat pameran MALINDO [Gabungan nama Malaysia dan Indonesia] kadang-kadang ada jugalah karya-karya cikgu di- pameran -- karya cikgu sahaja yang bergerak, cikgu kadang- kadang tak dapat bergerak. Karya yang bergerak sampai ke Jepun, Amerika [Amerika Syarikat] mana ke -- itu biasa berlaku ya. Dimaklumkan pada cikgu, karya cikgu sedang pun dipamerkan di- Bangsa-Bangsa Bersatu. [Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu] Cikgu ada koleksi di sana ya di Bangsa-Bangsa Bersatu.

(mencelah)

**MEH:** Sehingga sekarang?

**HMO:** Sehingga sekarang, (mengangguk) itu- satu kelebihan yang adalah Bangsa- Bangsa Bersatu ya.

**MEH:** Okey, Farha?

(mencelah)

**HMO:** Ada lagi?

**FFM:** Berapakah bilangan cikgu secara individu dan secara berkumpulan?

**HMO:** O-key, secara individu cikgu dah ada lapan pameran solo-, di mana yang pertama itu Siri Kaseh Sayang, *In Pursuit of Penang*, Siri Atas Bawah Pusaka, Siri Menghadap Sultan, Siri Warisan *years to years Part 1, years to years part 2*, kemudian Haron Mokhtar Kapsul Masa. Sebenarnya karya-karya ini memang- banyak di- apa-- di-pamerkan tapi untuk perseorangan cikgu tak boleh bilanglah terlalu banyak. Cikgu ada ratusan- yang cikgu telah menyertai dalam dan juga luar negara. Okey.

**MEH:** Farha?

(mencelah)

**HMO:** Okey, itu kalau nak tahu nanti ambil gambar. (merujuk pada biografi penulis di dinding galeri)

**MEH:** Tidak apa, nanti- ambil gambar.

**FFM:** Okey-, apa ini -- berapa bilangan pameran cikgu secara berkumpulan?

**HMO:** So berkumpulan cikgu kata tadi.

(mencelah)

**MEH:** Tiga puluh empat

**HMO:** Haa? (toloh ke belakang untuk melihat biografi di dinding)

**MEH:** Tiga puluh empat.

**HMO:** *Lebih*, itu- hanya terpilih sahaja

**MEH:** Okey (ketawa)

**FFM:** Eh, lebih itu- hanya terpilih saja. Cikgu ada beratus sebenarnya -- cikgu tak- rakamkan, banyak sangat. Sampai cikgu tak boleh rakam benda itu, kalau ada dalam -- cikgu tak boleh -- cikgu ada katalog sebenarnya tapi ya lah cikgu -----

(mencelah)

**MEH:** Anggaran cikgu berapa?

**HMO:** *Maybe*, (menggeleng kepala) ratuslah cikgu tak ingat. Banyak sangat cikgu tak boleh bagi.

(mencelah)

**MEH:** Ratusan lah.

**HMO:** Ratus-

**MEH:** Okey

**HMO:** Sebab setiap tahun cikgu ada ya, ada pameran – banyak pameran. Yang tak rakam tu berapa tahun, itu sampai tahun sembilan belas itu, sebelum itu lagi banyak. Cikgu tak sempat, cikgu tak ingat pun. (ketawa) Cikgu tak kisah benda itu sebenarnya, okey yang lain?

**FFM:** Apakah kesan ----- (gangguan capaian internet)

**HMO:** Apa dia?

**SNO:** Kesan kejayaan cikgu terhadap seni catan.

**HMO:** Kesan kerjaya- cikgulah?

(mencelah)

**MEH:** Kejayaan cikgu.

**HMO:** Kesan kejayaan?

(mencelah)

**MEH:** Tehadap seni catan, ada memberi kesan tak? Selagi – mendapat perhatian ke, cikgu rasa?

**HMO:** Sekarang? Sudah pastilah ya. Pastinya hari ini kejayaan demi kejayaan yang cikgu- cipta-kan itu menyebabkan karya cikgu sangat di-beri perhatian ya. Perhatian yang cikgu maksudkan menambahkan lagi koleksi kepada peminat-peminat baru. Saban bulan cikgu akan menerima pembeli-pembeli baharu. Itu sangat penting ya, di mana kalau nak dikirakan bahawa- pembeli cikgu sebenarnya dia akan membeli bukan sekali, dia akan membeli berulang kali. Kalau dalam setahun, dua tahun, tahun ketiga mungkin dia akan datang. [Merujuk kepada pembeli] Dia akan membeli koleksi cikgu, kadang-kadang dah sepuluh tahun- koleksi yang beliau ada itu dia akan datang beli lagi. (batuk) Tapi kebelakangan ini cikgu akan menerima pembeli-pembeli baharulah, banyak pembeli-pembeli baharu. (batuk)

**MEH:** Okey, kalau di peringkat negara cikgu? Kesan kejayaan cikgu di peringkat Malaysia.

**HMO:** Pada cikgulah, yang boleh menafsir kejayaan cikgu bukan cikgu, yang boleh menafsir kejayaan cikgu ialah orang yang memerhati. Tetapi apa yang cikgu nak kongsi bersama ialah mendapat perhatian dari segi pelbagai pihak di peringkat negara. Pertama cikgu diiktiraf sebagai pelukis khazanah Melayu, tradisi seperti rumah dan sebagainya. Di mana diangkat sebagai pelukis pop Melayu. (batuk) Oleh seorang penulis ya, maksud pop Melayu ini ialah cikgu melukis imej popular orang Melayu. Itu maksudnya ya, ini cikgu lihat di Malaysia dan --kemudian (batuk) cara lukisan cikgu itu sendiri, *style* cikgu sendiri sudah ber-tahan lebih tiga puluh tahun [30 tahun] dan diterima oleh pelajar-pelajar university membuat *research* [kajian] itu satu ya kerana ini diperingkat negaralah. Pihak universiti dan dijadikan soalan-soalan untuk peperiksaan awam. Jadi sebenarnya itu- merupakan satu kejayaan yang cikgu pun tidak ambil peduli. Kemudian cikgu juga tercatat dalam buku di Pendidikan Seni sebagai tokoh seni tanah air

(mencelah)

**MEH:** Saya ada baca

**HMO:** (Ketawa) Ya lah, maknanya pengiktirafan itu dibuat oleh orang lain. Cikgu hanya sedar bila cikgu terjumpalah keratan-keratan akhbar, yang menceritakan tentang apa yang telah berlaku di luar sana. Sebab Haron Mokhtar tetap macam itu juga dekat sini, dia tetap melukis masuk dalam studio. Tapi cerita di luar itu, kebanyakan cikgu tak sedar pun. Mungkin anda sebagai pelajar, mungkin- anda mengenali cikgu cara yang lebih lain di luar sana. Betul kan?

**MEH:** Betul (ketawa)

**HMO:** Bila dah jumpa baru tahu, maca mini sebenarnya (ketawa)

**MEH:** Itu sahaja Farha?

**FFM:** Itu sahaja cikgu.

**MEH:** Okey, ini soalan terakhir cikgu. Okey, harapan tokoh kepada masyarakat di Malaysia. Soalan dia apakah yang ingin disampaikan oleh cikgu kepada masyarakat pada masa ini dalam menghargai warisan seni catan?

**HMO:** Baik, untuk cikgu -- untuk masyarakat hari ini la ya. Cikgu sebagai seorang pelukis, cikgu merakamkan apa yang cikgu lihat. Untuk masyarakat, *appreciate* lah karya tersebut, sama ada dia boleh jadi pembeli, sama ada dia jadi pemerhati, sama ada dia punya -- hanya seorang peminat dan sebagainya. Sebab *appreciate* daripada orang ramai untuk artis ini sangat penting, kalau tidaklah- kita akan – artis itu sendiri akan kehilangan -- dia tidak akan boleh buat apa-apa. Sebab atas pengalaman cikgu sendiri la ya, adanya perhatian daripada orang luar. Maka artis itu bersemangat. Macam anda-hadirkan diri di tempat cikgu memberikan suntikan semangat. Bukan untuk hari ini, mungkin akan dua tiga tahun akan datang. Walaupun awak datang dua jam untuk *interview* tapi semangat dua jam itu mungkin akan membara di hati cikgu -- dua tahun, tiga tahun, empat tahun. (menunjuk diri sendiri) Kalau ada dua puluh orang, tiga puluh orang yang ----- maka dia akan bertahun -- bertambah- lagi. Itu sebabnya cikgu

seringkali didatangi oleh pelajar universiti untuk membuat *research* ya. Cikgu berkongsi ceritanya, – sebahagiannya mungkin hampir sama. Tapi sebenarnya pendekatan yang berbeza. Jadi itu boleh menyemarakkan lagi usaha cikgu dalam mengembangkan karya-karya untuk seni tanah air.

**MEH:** Pada pendapat cikgu, bolehkah Malaysia menjadi satu-satunya negara pengeksport karya seni catan ke luar negara?

**HMO:** Baik ya, pekara ini sebenarnya perlukan satu- apa ini – komitmen yang sangat tinggi. Kalau kita berseorangan kita tidak akan berjaya. Kita memerlukan satu usaha bersama-bersama ya. Itu sebabnya cikgu akan bermula daripada bawah, di mana cikgu buat- perkampungan seni di tempat cikgu. Sebab cikgu nak memerdekaikan pemikiran orang kampung cikgu dulu. Kalau mereka sendiri pun tak tahu dengan seni macam dia orang nak pergi lebih jauh. Kita kena bermula daripada bawah, walaupun cikgu rasa kita amat ketinggalan dalam hal ini. Penduduk kampung kita tidak didedahkan dengan pekara ini, tapi dengan cari ini. Sebab -- Insya-Allah, sekiranya penduduk kampung kita mempunyai pendekatan – anak-anak mereka mempunyai kepahaman [kefahaman] barulah mereka boleh membawa kerja-kerja kita ke luar negara. Kalau kita berseorangan kita tak akan boleh buat- tapi kita perlukan -- tapi cikgu bersyukur ya. Untuk makluman andalah, cikgu sangat bersyukur sebab karya-karya cikgu memang di pasarkan di luar negara. Ini dibuat oleh orang tertentu, keman -- ke-napa? Mereka berpendapat kerja tangan cikgu ini dengan mi-motif [motif] yang dipaparkan dengan objek yang dipaparkan bersesuaian untuk dijual di luar negara. Terutama sekali mereka-mereka yang menetap di luar negara untuk melepaskan rindu mereka dengan tanah air mereka. Sebab khazanah yang cikgu bagi itu – Malaysia. Inilah Malaysia kita, Malaysia ini bukan untuk orang Melayu sahaja. Malaysia kita untuk orang Cina, untuk orang India, untuk orang Iban, untuk -- dan sebagainya. Jadi cikgu buat benda ini dan akhirnya mereka yang ada di luar sana boleh melepaskan rindu dengan suasana kampung mereka dengan membeli karya cikgu. Itu kaedah cara cikgu buatlah. Jadi sifat cikgu kekitaan ini, boleh memasarkan kerja cikgu ke luar negara -- dengan pembeli-pembeli. Begitu juga dengan pembeli-pembeli luar negara. Macam yang

terbaru pembeli cikgu daripada Amerika. Dia nak balik ke Amerika, dia telefon cikgu. Okey saya nak balik ke Amerika, saya nak -- apa yang dibawa? Dia bawa *painting* tau, tapi imej yang dibawa itu adalah imej yang ada -- yang dia nampak. Supaya dia dapat satu kenangan yang besar untuk dibawa bila balik ke sana nanti. Jadi bawa koleksi *painting* cikgu yang memaparkan rumah-rumah warisan, rumah-rumah tradisi untuk dibawa balik ke Amerika. Untuk dia bercerita dengan kawannya, "Saya pernah tinggal di- negara Malaysia.", kata pembeli karya Haron Mokhtar. Ini hasil karya-karya pelukis Malaysia yang memaparkan cerita Malaysia. Ha itu, Insya-Allah ya, okey.

**MEH:** Okey cikgu, yang terakhir. Cikgu rasa apa kesan kepada negara sekiranya masyarakat di Malaysia ini tidak menghargai warisan seni catan?

**HMO:** Kita akan kehilangan sejarah-, kita akan kehila-ngan jati diri. Ini sangat penting, macam hari ini kita dah mula kehilangan *design* rumah Melayu, kita dah mula kehilangan *design* rumah Bajau, kita dah kehilangan *design* rumah panjang, kita dah kehilangan *design* rumah Kadazan, semua dah kita hilang. Jadi kita nak menye-sal pun tak guna, jadi apa yang cikgu lakukan hari ini mana yang terdaya untuk cikgu memaparkan imej-imej yang cikgu sebutkan tadi dalam bentuk karya lukisan. Setidak-tidaknya itulah usaha kecil cikgu untuk mempertahankan warisan kita. Kalau semua rakyat Malaysia tidak peduli dengan benda ini, maka satu hari nanti kita tidak akan ada sejarah, kita tidak ada ketamadunan. Itu sebabnya cikgu nak kaitkan benda ini bahawa kesedaran anda sebagai anak muda, meng-kaji sesuatu tadi untuk dipaparkan kembali untuk diperjuangkan kembali cikgu ucapan terima kasih. Benda ini yang sangat penting dalam memajukan seni untuk negara kita ya. Insya-Allah ya dengan usaha anda, Insya-Allah benda ini boleh tercapai.

**FFM:** InshaAllah, aminn

**SNO:** Okey cikgu. Itu sahaja soalan daripada kami (cikgu berkata okey) kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh cikgu untuk menyempurnakan wawancara ini.

**HMO:** Okey terima kasih.

**SNO:** Adalah diharapkan, dengan hasil wawancara ini, ianya dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam warisan catan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**HMO:** Terima kasih.

**MEH:** Terima kasih cikgu

## RINGKASAN

### PENDOKUMENTASIAN LISAN WARISAN SENI CATAN BERSAMA TOKOH HARON BIN MOKHTAR

Projek pendokumentasian warisan seni catan ini dilakukan untuk mendokumentasikan warisan seni catan serta memberi pendedahan kepada masyarakat di Malaysia, terutama anak muda. Kewujudan seni ini bermula dari pemilihan idea, konsep, serta proses yang dilakukan pengkarya untuk menyiapkan sebuah karya yang sempurna.

Selain itu, penyelidikan ini diadakan adalah untuk memberi maklumat berkaitan seni catan kepada masyarakat di Malaysia yang tidak pernah mendengar perkataan catan atau tidak tahu apa itu catan sepanjang hidup mereka. Setiap maklumat yang disampaikan dalam penyelidikan ini diharap mampu meningkatkan pengetahuan dan minat masyarakat terhadap seni catan.

Tujuan penyelidikan ini juga dilakukan untuk memelihara warisan seni catan ini supaya ianya kekal terjaga dan tidak pupus ditelan zaman. Hal ini demikian kerana anak-anak muda lebih mementingkan gadget tanpa memikirkan warisan dan budaya yang ada di negara ini. Penyelidikan ini juga mampu membuktikan bahawa para penyelidik peka terhadap warisan dan budaya yang ada di negara kita. Semoga penyelidikan ini mampu memelihara warisan seni catan supaya boleh menjadi rujukan kepada generasi yang akan datang.

## **LOG TEMUBUAL**

Berikut adalah temubual bersama Encik Haron bin Mokhtar atau lebih dikenali sebagai Cikgu Haron. Cikgu Haron merupakan antara pengkarya seni yang telah menaikkan imej seni catan di Malaysia.

MASA	PERKARA	CATATAN	NAMA
00:00:00 - 00:02:50	Ucapan Pembukaan	Memperkenalkan diri. Menyatakan tiga bahagian soalan yang akan ditanya orientation, common dan spesifik.	MEH HMO
00:02:51 - 00:03:55	Latar Belakang Tokoh	Tokoh menceritakan tentang latar belakang beliau. Beliau mempunyai 4 orang anak. 3 lelaki dan 1 perempuan.	MEH HMO
00:03:56 - 00:06:44	Latar Belakang Pendidikan Tokoh (bahagian 1)	Tokoh mendapat pendidikan di ITM pada tahun 1983 dan graduasi pada tahun 1987.	MEH HMO
00:06:45 - 00:09:00	Latar Belakang Ibu Bapa Tokoh	Ibu tokoh bernama Hajah Amas binti Awang manakala bapa tokoh bernama Mokhtar bin Shaari. Kedua-	SNO MEH HMO

		dua ibu bapa beliau sudah pun tiada lagi.	
00:09:01 - 00:20:00	Latar Belakang Keluarga Tokoh	Tokoh mempunyai dua belas orang adik beradik dan lima daripada mereka sudah pun tiada. Adik beradik tokoh terdiri daripada lapan orang lelaki dan empat orang perempuan. Beliau merupakan anak kelapan daripada dua belas adik beradik.	FFM  MEH  HMO
00:20:01 - 00:29:47	Latar Belakang Pendidikan Tokoh (bahagian 2)	Tokoh mula bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Simpang Lima Sungai Besar Selangor dan Sekolah Menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar sehingga Tingkatan 6. Seterusnya menyambung pengajian di ITM dan graduasi pada tahun 1987.	MEH  HMO
00:29:48 - 00:54:40	Pengalaman Kerjaya Tokoh Sebagai Seorang Pengkarya Seni Catan	Tokoh tidak menceburि bidang seni secara seratus peratus kerana mempunyai kerjaya lain iaitu	FFM  MEH  HMO

		<p>sebagai seorang tenaga pengajar. Tokoh memberitahu pada tahun 1984 karya pertama beliau telah dibeli dan dengan pembelian itu, beliau berjaya membeli tiket kapal terbang untuk pergi ke Sarawak.</p>	
00:54:41 - 01:14:52	Tempat Pameran Karya Seni Catan	<p>Tokoh mempunyai <i>Pereka Art SACC Mall</i> di Shah Alam, beberapa buah Galeri, di Shah Alam, Galeri Persendirian iaitu Galeri Merah Teratak Anak Amas dan juga mempunyai studio tersendiri untuk berkarya dan mendapatkan idea secara privasi.</p>	<p>SNO MEH HMO</p>
01:14:53 - 01:33:52	Sejarah Perkembangan Seni Catan di Malaysia	<p>Tokoh berkata, pada tahun 1982 atau 1983, Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri pertama pada waktu itu dan telah memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur. Maka setiap karya yang dihasilkan di Malaysia akan merujuk kepada karya-karya orang</p>	<p>MEH HMO</p>

		Timur,	
01:33:52 - 01:39:08	Fungsi Seni Catan	Tokoh menceritakan fungsi catan ialah untuk merakamkan cerita-cerita serta mesej yang pernah dilalui oleh beliau. Beliau juga berkata terdapat dua warna iaitu warna korporat dan warna sutera yang mempunyai cerita dan tujuan disebaliknya.	FFM MEH HMO
01:39:09 - 01:42:38	Jenis-Jenis Seni Halus	Tokoh berkata terdapat empat jenis halus yang wujud di Malaysia iaitu lukisan, catan, arca dan cetakan. Setiap seni halus yang wujud itu mempunyai peminat tersendiri dan setiap seni halus itu juga telah menaikkan nama Malaysia.	SNO MEH
01:42:39 - 01:55:31	Proses Seni Catan	Setiap penghasilan seni itu perlulah mempunyai bahan yang sesuai dengan karya seperti cat air, asasnya adalah campuran air. Cat minyak berorientasikan cat minyak. Seterusnya menggunakan	FFM MEH HMO

		teknik lukisan itu dengan bahan yang betul.	
01:55:32 - 02:14:28	Idea Membuat Seni Catan	Tokoh mendapatkan idea untuk berkarya dengan memerhati lukisan pelukis lain di internet, melancong, dan melihat gelagat manusia.	FFM MEH HMO
02:14:28 - 02:25:09	Bahan Yang Digunakan	Bahan utama untuk berkarya ialah kanvas, berus, pembancuh warna. Kanvas perlulah <i>undercoat</i> supaya warna tidak akan tembus pada kanvas serta menjimatkan warna tersebut.	SNO MEH HMO
02:25:10 - 02:18:37	Kejayaan dan Anugerah Yang Dikecapi Oleh Tokoh	Tokoh telah menerima lebih daripada tujuh anugerah dan anugerah paling besar ialah hadiah utama Bakat Muda Sezaman. Hadiah kedua pertandingan Landskap Selangor dan pelbagai pencapaian lain yang telah dikecapi sepanjang menjadi pengkarya seni lukis.	FFM HMO MEH

02:18:38 - 02:24:27	Harapan Tokoh Kepada Masyarakat di Malaysia	Harapan tokoh ialah supaya masyarakat sekeliling menghargai karya rakyat Malaysia supaya ianya menjadi penyuntik semangat untuk mereka untuk terus berkarya. Bukan untuk hari ini, mungkin dua, tiga tahun lagi akan memberi impak kepada para pengkarya.	MEH HMO
02:24:28 - 02:25:10	Penutup	Penemubual mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh kerana sudi meluangkan masa untuk penyelidikan ini. Adalah diharapkan hasil wawancara ini menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam warisan seni catan pada masa akan datang.	SNO

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kaedah penggunaan pendokumentasian lisan ini mampu memberi satu penilaian baru kepada para penyelidik buat masyarakat di luar sana. Selain itu, pendokumentasian lisan juga mampu memberikan kepelbagaiannya sumber maklumat serta keterangan yang diperolehi daripada tokoh. Hal ini juga membolehkan para penyelidik meneliti, mempelajari, dan memahami seni catan dengan lebih mendalam di atas perkongsian yang diberikan oleh tokoh seni tanah air kita. Oleh yang demikian, dengan adanya keadaan pendokumentasian lisan ini, warisan seni catan tidak akan ditelan zaman terutama generasi belia yang kurang mengetahui tentang karya seni catan ini.

Tambahan pula, kaedah penggunaan sejarah lisan ini juga dapat menyimpan dan berkongsi segala sumber maklumat berkenaan dengan seni catan untuk dijadikan tatapan dan rujukan masyarakat di negara kita. Oleh itu, tanpa kaedah penyimpanan keterangan saksi ini, pemahaman dan ilmu pengetahuan karya seni catan yang dikongsi oleh tokoh akan dilupakan sekiranya tidak dititik beratkan dari sekarang.

Akhir sekali, setiap maklumat yang berkaitan dengan warisan seni catan ini amat bermakna buat generasi akan datang. Hal ini demikian kerana seni catan pada zaman ini kurang mendapat perhatian dari golongan belia. Idea karya seni catan yang berunsurkan masyarakat Melayu dan agama Islam yang dibawa oleh pengkarya, Haron bin Mokhtar mampu menarik minat para penyelidik dan masyarakat di luar sana untuk sama-sama menghayati dan menghargai warisan seni catan di negara ini.

## RALAT

**Dalam temubual ini terdapat beberapa gangguan seperti:**

- Batuk
- Bunyi Telefon
- Capaian internet
- Bunyi cawan
- Bunyi pintu gelangsa
- Bunyi helaian kertas

## GLOSARI

Wallahu a'lam	Allah yang Maha mengetahui
Assalamualaikum	Selamat sejahtera keatas kamu
Kubisme	Teori estetik seni dan reka bentuk plastik. Ia dicirikan oleh penggunaan bentuk geometri , seperti kiub, segi tiga dan segi empat tepat.
Realisme	usaha memaparkan subjek dalam suatu karya bagaimana ia tampil dalam kehidupan seharian tanpa tambahan atau tafsiran tertentu.
Impressionisme	Merupakan gerakan seni dari abad 19 yang dimulai dari Paris pada tahun 1860an.
Post-impressionisme	Aliran ini adalah lanjutan daripada aliran impressionisme yang memilih perkara di persekitaran mereka sebagai hal benda. ianya mengadunkan elemen saintifik dan kajian analitikal thdp wrna dan cahaya.
Pop art	Seni yang menggambarkan imej, objek atau suasana yang berlaku pada masyarakat seharian.
Glazing	Teknik dalam seni catan dimana menunjukkan kesan seolah-olah kilauan berkaca yang lut sinar
Khazanah	Tempat penyimpanan harta benda

## INDEKS

<b>A</b>	Dokumen	Institusi	Korporat	<b>O</b>	Rakan	Tempat
Agama	<b>E</b>	Isteri	<b>L</b>	Oleh	Ramai	Timur
Amaran	Emak	<b>J</b>	Lambat	Orang	Rasa	Toleh
Awal	Emas	Jalan	Lelaki	<b>P</b>	Rezeki	<b>U</b>
<b>B</b>	<b>F</b>	Jarak	Lihat	Padang	Ribu	Umrah
Bahasa	Fesyen	Jawab	Lukis	Pameran	Ringgit	Umur
Basikal	<b>G</b>	Jepun	Lumayan	Pandai	Rumah	Unsur
Bakat	Galeri	Jual	<b>M</b>	Pelajar	<b>S</b>	Usia
Bajau	Gambar	<b>K</b>	Mainan	Pelukis	Saat	<b>V</b>
Beli	Gembira	Kaedah	Masa	Peminat	Satu	<b>W</b>
<b>C</b>	<b>H</b>	Kain	Masjid	Perasaan	Sedikit	Wang
Catan	Hadir	Kanvas	Melayu	Pergi	Sekolah	Warisan
Ceramah	Harga	Karya	Menteri	Peringkat	Seni	Warna

Cerita	Hanya	Kayu	Merah	Peristiwa	Sijil	<b>X</b>
Cermin	Hari	Khazana	Merdeka	Peratus	Soalan	<b>Y</b>
Cina	Harta	Kemas	Menara	Pertama	Sudut	<b>Z</b>
Corak	Hasil	Kereta	<b>N</b>	Pensyarah	<b>T</b>	Zaman
<b>D</b>	Hati	Kertas	Nama	Pilih	Tadika	
Darjah	Hilang	Kesan	Negeri	<b>Q</b>	Tahun	
Depan	<b>I</b>	Kisah	Nikmat	<b>R</b>	Tamat	

## **RUJUKAN**

- Afifah, A. (2013). Kepentingan Pendidikan Seni Visual. Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan <https://noorafifahazizan.blogspot.com/2013/10/kepentingan-pendidikan-seni-visual.html>
- Aliran Dalam Seni Catan Barat. (2020) Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan <https://www.youtube.com/watch?v=v0ZxRto2bSM>
- Aminah, S. (2014, April 01). *Seni catan*. Diakses pada 01 Januari, 2020, rujukan <https://www.slideshare.net/SitiAminah33/seni-catan>
- Arkip Negara Malaysia, (2006). Panduan Sumber-sumber Bahan Mengenai Kebudayaan Melayu. Kuala Lumpur: Arkip Negara Malaysia.
- Auctioneers, H., & Hbartauction. (n.d.). *Malaysian & Southeast Asian Art*: 13 April 2014. Diakses pada 01 Januari 2021 rujukan [https://issuu.com/hbartauction/docs/online\\_mseaaa\\_april\\_2014\\_catalogue](https://issuu.com/hbartauction/docs/online_mseaaa_april_2014_catalogue)
- Halim, K. (2020, August 31). Patriotisme bukan sekadar semangat. Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan <https://www.sinarharian.com.my/article/99031/KHAS/Pendapat/Patriotisme-bukan-sekadar-semangat>
- Haron Bin Mokhtar (15 Disember 2020). Temubual.
- KEPENTINGAN SEJARAH LISAN*. (2007). Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>
- Khairudin, M. (2017, November 03). 'Semai seni budaya warisan dari awal'. Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2017/11/346125/semai-seni-budaya-warisan-dari-awal>
- Najri, P. (n.d.). *APRESIASI DAN KRITIKAN KARYA HARON MOKHTAR*. Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan [https://www.academia.edu/19756171/APRESIASI\\_DAN\\_KRITIKAN\\_KARYA\\_HARON\\_MOKHTAR](https://www.academia.edu/19756171/APRESIASI_DAN_KRITIKAN_KARYA_HARON_MOKHTAR)
- Prawiro, M., & -. (2020, July 30). Pengertian SENI adalah: Memahami Apa Itu Seni dan Jenis-Jenisnya. Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan <https://www.maxmanroe.com/vid/umum/pengertian-seni.html>
- SEJARAH LISAN*. (2007). Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

Seni Halus Adalah: Definisi, Jenis dan Contohnya. (n.d.). Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan <https://bcnsants.net/319-fine-arts-are-definition-types-and-examples>

Sharifah, R. (2013). Apa itu Catan? Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan <http://cikgusharifahofficial.blogspot.com/2013/04/apa-itu-catan.htm>

Siti Aminah, (2014 April 01). Diakses pada 01 Januari, 2021, rujukan <https://www.slideshare.net/SitiAminah33/seni-catan>

Siti Roudhah Mohammad Saad, Rania Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar, Noor Azlinda Wan Jan. (2012). PENUKILAN ILMU BAHARU MELALUI SEJARAH LISAN. Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan [http://eprints.usm.my/34074/1/10\\_Radia\\_12.pdf](http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf)

Wan Mohd Ruzlan Wan Omar. (2015, February 02). Warisan kita. Diakses pada 01 Januari 2021, rujukan <https://www.hmetro.com.my/node/2800>

## LAMPIRAN

### **ORIENTATION QUESTION**

#### **A) Latar belakang tokoh**

##### **Bolehkah tuan menceritakan sedikit berkenaan latar belakang tuan?**

- 1) Nama penuh
- 2) Nama panggilan
- 3) Tarikh lahir
- 4) Umur tuan
- 5) Tempat lahir
- 6) Berasal dari mana
- 7) Pekerjaan tokoh selain menjadi seorang pelukis
- 8) Kerjaya sebelum ini

#### **B) Latar belakang ibu bapa tokoh**

##### **Boleh tuan ceritakan kepada kami berkenaan latar belakang ibu bapa tuan?**

- 9) Nama kedua ibu bapa
- 10) Tempat asal ibu bapa
- 11) Pekerjaan kedua ibu bapa sekarang
- 12) kedua ibubapa tuan mempunyai minat yang sama terhadap warisan seni catan

#### **C) Latar belakang keluarga tokoh**

##### **Boleh tuan ceritakan kepada kami berkenaan latar belakang keluarga tuan?**

- 13) Anak ke berapa dalam adik beradik
- 14) Bilangan adik beradik
- 15) Adik beradik mempunyai minat yang sama atau tidak.
- 16) Nama isteri tokoh
- 17) Umur isteri tokoh
- 18) Pekerjaan isteri tokoh
- 19) Adakah isteri tuan mempunyai minat yang sama terhadap warisan seni catan?
- 20) Penerimaan isteri terhadap kerjaya tuan
- 21) Bilangan anak tokoh
- 22) Anak-anak masih tinggal bersama tuan dan isteri atau tidak.
- 23) Tuan mengajar anak-anak untuk meminati bidang seni catan?

- 24) Anak-anak mengikuti jejak langkah kerjaya.
- 25) Penerimaan tuan dan isteri sekiranya anak terlibat dengan kerjaya seni ini
- 26) Sumbangan keluarga terhadap kerjaya tuan

**D) Latar belakang pedidikan tokoh**

**Boleh tuan ceritakan kepada kami berkenaan latar belakang pendidikan tuan?**

- 27) Pendidikan di peringkat tadika (Tahun bila, tempat)
- 28) Pendidikan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah (Tahun bila, tempat)
- 29) Aliran yang diambil oleh tokoh semasa di sekolah menengah
- 30) Kenapa ambil jurusan seni
- 31) Di mana tokoh mendapat pendidikan di peringkat institusi pengajian tinggi awam (Tahun bila, tempat)
- 32) Jurusan yang diambil oleh tokoh semasa berada di institusi pengajian tinggi awam.
- 33) Mengapa mengambil diploma dahulu setelah mendapat segulung ijazah (Tahun bila)
- 34) Bertanggungjawab dalam memperkenalkan bidang seni catan pada tokoh.
- 35) Siapakah pensyarah yang membantu tuan dalam bidang seni catan?
- 36) Bilangan rakan seperjuangan yang sama-sama dengan tokoh dalam mengembangkan warisan seni catan
- 37) Dimanakah rakan seperjuangan tokoh sekarang?

**E) Pengalaman kerjaya tokoh sebagai seorang pengkarya seni catan.**

**Boleh tuan ceritakan pada kami berkenaan pengalaman kerjaya tuan dalam bidang seni catan?**

- 38) Pekerjaan tuan sebelum menceburi kerjaya seni ini
- 39) Bila saat tokoh meminat bidang seni catan.
- 40) Pencetus idea berkaitan bidang seni catan
- 41) Misi dan visi tokoh
- 42) Tahun awal mula menceburi kerjaya seni ini
- 43) Umur ketika itu
- 44) Pernah menjalani sebarang kursus yang melibatkan kerjaya seni catan
- 45) Tahun menjalani sebarang kursus yang melibatkan kerjaya seni catan
- 46) Bagaimana tuan membahagikan masa sebagai seorang guru dan sebagai seorang pelukis?
- 47) Siapa yang mengajar tokoh berkarya seni catan
- 48) Siapa yang mendorong tokoh untuk berkarya seni catan

- 49) Mengapa memilih untuk terus berkarya seni catan
- 50) Pihak kerajaan membantu atau tidak dalam mempromosi bidang seni catan.
- 51) Bidang seni catan mendapat perhatian yang setaraf dengan seni yang lain di pihak kerajaan
- 52) Bagaimana tokoh mengembangkan bidang seni catan di sekolah.
- 53) Mendapat perhatian pihak sekolah atau tidak?
- 54) Pihak sekolah sama-sama membantu tokoh mempromosi bidang seni catan?

**F) Tempat penghasilan dan pameran karya seni catan**

**Adakah tuan mempunyai tempat penghasilan dan pameran karya seni catan?**

- 55) Lokasi galeri
- 56) Lokasi studio
- 57) Tarikh ditubuhkan
- 58) Fungsi galeri
- 59) Fungsi studio
- 60) Waktu operasi
- 61) Kemudahan yang disediakan
- 62) Berapa lama berada di studio
- 63) Menguruskan perniagaan sendiri atau bersama orang lain
- 64) Tempat latihan seni catan
- 65) Memajukan lagi bidang ini dan membuka cawangan lain disekitar kawasan ataupun di negeri lain.

**COMMON QUESTION**

**G) Sejarah perkembangan seni catan di Malaysia.**

**Bilikah bermulanya kerjaya tuan sebagai pelukis seni catan?**

- 66) Seni apa yang popular ketika itu.
- 67) Pemahaman tokoh terhadap seni catan.
- 68) Situasi penerimaan seni catan ketika itu.
- 69) Penerimaan masyarakat terhadap seni catan.
- 70) Tokoh seni catan yang bersama-sama mengembangkan bidang seni catan ketika itu.
- 71) Bidang seni catan menjana sumber pendapatan atau menjadi kerjaya tokoh.
- 72) Adakah seni catan mampu meningkat hasil ekonomi negara?

- 73) Bagaimana penerimaan awal bidang seni catan terhadap masyarakat Malaysia ketika itu?
- 74) Sejarah bidang seni catan bermula bila?
- 75) Negara mana yang bermula dengan seni catan?
- 76) Adakah negara Malaysia menjadi rujukan bidang seni catan?
- 77) Negara mana yang memberi saingan dalam bidang seni catan?
- 78) Adakah bidang seni catan dijadikan sebagai pameran di mana-mana tempat?
- 79) Siapakah pengkarya seni catan yang pertama di Malaysia?
- 80) Siapa pihak yang bertanggungjawab untuk mempromosikan seni halus di Malaysia.

#### **H) Fungsi seni catan**

##### **Bagaimana fungsi seni catan ini mempengaruhi hasil karya cikgu?**

- 81) Tokoh menyampaikan mesej melalui lukisan catan
- 82) Tokoh meluahkan perasaan melalui lukisan catan
- 83) Tokoh merakam sejarah melalui lukisan catan
- 84) Tokoh menyampaikan hasrat diri melalui lukisan catan.

#### **I) Jenis-jenis seni halus.**

##### **Apakah jenis-jenis seni halus yang wujud di Malaysia?**

- 85) Jenis seni yang terkenal ketika itu
- 86) Dimana lokasi pertama bermulanya seni catan di Malaysia
- 87) Tahun berapa seni halus bertapak di Malaysia
- 88) Perbezaan seni catan dengan seni halus yang lain.

#### **SPECIFIC**

#### **J) Proses seni catan**

##### **Ceritakan proses penghasilan lukisan seni catan?**

- 89) Masa yang diambil untuk menyiapkan satu lukisan seni catan.
- 90) Jenis garisan yang digunakan dalam menghasilkan seni catan.
- 91) Teknik yang digunakan untuk menghasilkan lukisan seni catan.
- 92) Pemilihan konsep dibuat untuk menghasilkan lukisan seni catan.
- 93) Tema yang diguna pakai dalam penghasilan seni catan.
- 94) Keunikan terdapat pada setiap karya seni catan.

- 95) Kemahiran tertentu untuk menghasilkan karya seni catan.
- 96) Kesan pengcahayaan yang digunakan dalam lukisan.
- 97) Proses pengeringan lukisan seni catan.
- 98) Masalah yang timbul dalam proses penghasilan karya seni catan
- 99) Penyelesaian terhadap masalah yang timbul

#### **K) Idea membuat seni catan**

##### **Bagaimanakah tuan mendapat idea untuk mula melukis seni catan?**

- 100) Melancong di dalam negeri dan luar negara.
- 101) Melalui jalan lama/kampung.
- 102) Mendapat idea daripada tokoh seni catan lain.
- 103) Pergi ke pasar melihat gelagat manusia ketika itu.
- 104) Melihat lukisan catan yang lama disimpan.

#### **L) Bahan yang digunakan.**

##### **Apakah bahan yang digunakan untuk menghasilkan lukisan seni catan?**

- 105) Media lukisan.
- 106) Saiz kanvas
- 107) Jenis peralatan seni catan.
- 108) Jenis-jenis cat.
- 109) Bahan semula jadi atau bukan semula jadi.

#### **M) Kejayaan dan anugerah yang dikecapi oleh tokoh.**

##### **Adakah karya seni catan tuan pernah mendapat pengiktirafan daripada mana-mana pihak?**

- 110) Hasil pertama yang diperolehi setelah berkarya seni catan
- 111) Pencapaian tokoh sepanjang berkarya di dalam negara.
- 112) Pencapaian tokoh sepanjang berkarya di luar negara.
- 113) Bilangan pameran tokoh secara individu.
- 114) Bilangan pameran tokoh secara berkumpulan.
- 115) Kesan kejayaan tokoh terhadap seni catan.
- 116) Kesan kejayaan tokoh kepada negara.

N) Harapan tokoh kepada masyarakat di Malaysia.

**Apakah yang ingin disampaikan oleh tuan kepada masyarakat pada masa ini dalam menghargai warisan seni catan?**

- 117) Kesan kepada negara sekiranya masyarakat tidak menghargai warisan seni catan.
- 118) Karya seni catan tidak ditelan zaman.
- 119) Penambahan bilangan pelukis seni catan di Malaysia.
- 120) Perubahan persepsi masyarakat terhadap seni catan.
- 121) Pertambahan pusat latihan seni catan di Malaysia
- 122) Promosi seni catan di Malaysia mendapat perhatian.
- 123) Pada pendapat tuan, bolehkah Malaysia menjadi satu-satunya negara pengeksport karya seni catan ke luar negara?

## LAMPIRAN

### Gambar Tokoh



**Gambar 1:** Merupakan gambar seorang tokoh Warisan Seni Catan iaitu Encik Haron Mokhtar.

### Gambar Logo Galeri Tokoh



**Gambar 2 :** Memaparkan gambar logo Galeri Teratak Anak Amas yang dibangunkan sendiri oleh Encik Haron Mokhtar.

### Gambar Tokoh dan Penemubual



**Gambar 3:** Memaparkan gambar tokoh bersama tiga orang penyelidik. Penyelidik 1 (Farha Fazliyana) & Penyelidik 2 (Emir Hakim) terpaksa menjalankan *preliminary interview* di atas talian kerana larangan merentas daerah dan negeri oleh Kerajaan Malaysia ketika itu.



**Gambar 4:** Merupakan gambar Encik Haron Mokhtar bersama tiga orang penemubual selepas tamatnya sesi wawancara yang dijalankan.

<p style="text-align: center;">www.uitm.edu.my</p>  <p style="text-align: center;"><b>UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA</b></p> <p style="text-align: center;">Surat Kami : 600-FPM (5/2/1) Tarikh : 10 November 2020</p> <p><b>Encik Haron bin Mokhtar,</b> Lot 14101, Tali Air 14, Parit 14, 45300 Sungai besar, Selangor</p> <p>Tuan,</p> <p><b>MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK</b></p> <p>Perkara di atas adalah dirujuk.</p> <p>2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berbesar hati untuk menemubual tuan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan Pendokumentasian Lisan, Warisan Seni Caten.</p> <p>3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "<b>Oral Documentation</b>" (<b>IMR 604</b>).</p> <p>4. Senarai nama pelajar yang terlibat-</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;">NAMA</th> <th style="width: 30%;">NO. PELAJAR UIKM</th> <th style="width: 40%;">NO. TEL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Muhammad Emir Hakim bin Ramlan</td> <td>2018248144</td> <td>011-11710891</td> </tr> <tr> <td>Farha Faziliyana binti Mohammad Ali</td> <td>2018222508</td> <td>010-3920276</td> </tr> <tr> <td>Sazwan bin Nordin</td> <td>2018682756</td> <td>011-11823815</td> </tr> </tbody> </table> <p>5. Untuk rujukan pihak tuan, berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Untuk mengenali latar belakang kehidupan tokoh dalam dunia seni tanah air.</li> <li>b) Untuk mengetahui proses seni catan dengan lebih mendalam.</li> <li>c) Untuk mengkaji kejayaan dan anugerah yang dikehendaki tokoh dalam dunia seni tanah air.</li> </ul> <p>6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.</p> <p>Sekian.</p> <p>Yang benar,</p> <p style="text-align: center;"><b>JAFALIZAN BIN MD JALI</b> Pensyarah Kanan b.p Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat</p> <p style="text-align: center;">Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana 40150 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/2220/2148 Faks: (+603) 7962 2007 Web: fpm.uitm.edu.my</p> <div style="text-align: right; margin-top: -100px;">  </div>	NAMA	NO. PELAJAR UIKM	NO. TEL.	Muhammad Emir Hakim bin Ramlan	2018248144	011-11710891	Farha Faziliyana binti Mohammad Ali	2018222508	010-3920276	Sazwan bin Nordin	2018682756	011-11823815	<p style="text-align: center;"><b>Fakulti Pengurusan Maklumat</b></p>
NAMA	NO. PELAJAR UIKM	NO. TEL.											
Muhammad Emir Hakim bin Ramlan	2018248144	011-11710891											
Farha Faziliyana binti Mohammad Ali	2018222508	010-3920276											
Sazwan bin Nordin	2018682756	011-11823815											

**Gambar 5:** Merupakan gambar Surat Kebenaran Untuk Melaksanakan Penyelidikan Akademik.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ... *[Signature]*..... K/P:..... pada  
..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walau bagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disenarai oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membantu penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbangan (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

*(Signature)* *Muzaffar*  
Tarikh: 30-11-2020

{ Jafelizan Bin Md. Jali }  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

**Gambar 6:** Merupakan gambar Surat Perjanjian Mengenai Projek Sejarah Lisan.

**DIARI PENYELIDIKAN**

TARIKH	MASA	AKTIVITI	CATATAN	NAM A
15 Oktober 2020	8.15 Pagi 10.33 Pagi 11.08 Pagi	<p>Kami telah diberikan arahan daripada pensyarah bagi melaksanakan proposal pendokumentasian lisan.</p> <p>Pensyarah telah memberikan beberapa info kepada kami untuk mencari tokoh temubual.</p> <p>Kami mencari beberapa tokoh untuk penyelidikan melalui portal Arkib UiTM dan rangkaian Facebook.</p>	<p>Senarai tokoh atau kenalan yang boleh memberi maklumat pasal tokoh :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Dr Zahidi Dato Zainol Rashid.</li> <li>2) Pn Norma Abu Seman</li> <li>3) Pn Hajah Paiza Binti Idris.</li> <li>4) Dr Haji Laili Bin Haji Hashim</li> <li>5) Dr Sazili Shahibi.</li> </ol>	JMJ MEH FFM SNO

29 Oktober (2020)	2.12 Petang	Kami berbincang mengenai pemilihan tajuk sama ada memilih tokoh budaya atau tradisi.	Senarai pemilihan maklumat penyelidikan.  1) Muzium Sabak Bernam, Selangor  2) Tokoh Pembuatan Batik, Sabah  3) Tokoh Seni Catan Haron Bin Mokhtar  4) Muzium Sate Kajang	MEH FFM SNO
4 November (2020)	8.15 Pagi  5.16 Petang	Kami meminta pandangan pensyarah mengenai pemilihan tokoh bagi pendokumentasian lisan.  Persetujuan tarikh temubual antara tokoh dan penyelidik.	Kami telah memilih Tokoh Seni Catan Haron Bin Mokhtar untuk menjalankan penyelidikan mengenai Warisan Seni Catan.	JMJ MEH FFM SNO
7 November (2020)	8.15 Pagi	Kami membuat surat permohonan penyelidikan dan menyerahkan kepada pensyarah.		JMJ MEH FFM SNO

8 November (2020)	5.30 Petang	Kami mengagihkan tugasan proposal pendokumentasian lisan di antara penyelidik berkaitan warisan seni catan.		MEH FFM SNO
9 November (2020)	8.15 Pagi	Kami menghantar proposal kepada pensyarah.		JMJ MEH FFM SNO
17 November (2020)	8.15 Pagi	Kami berbincang mengenai proposal bersama pensyarah.		JMJ MEH FFM SNO
22 November (2020)	8.28 Pagi	Kami merangka soalan untuk <i>preliminary interview</i> dan wawancara sebenar.		MEH FFM SNO
1 Disember (2020)	9.00 Pagi	Seorang ahli kumpulan telah menghantar surat penyelidikan dan surat perjanjian kepada tokoh serta menilai rangkaian internet untuk temubual secara online bersama dua orang lagi ahli kumpulan daripada Kajang dan Sabah melalui platform	Temubual preliminary secara online dijalankan kerana pandemik wabak Covid-19 yang melanda dunia (2020)	HMO MEH FFM SNO

		Google Meet.		
15 Disember (2020)	11.00 Pagi	<p>Temubual sebenar bersama tokoh secara bersemuka oleh dua orang ahli kumpulan dan seorang ahli kumpulan secara online</p>	<p>Temubual Tokoh Warisan Seni Catan Haron Mokhtar.</p> <p>Bersemuka :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Emir Hakim (Kajang, Selangor)</li> <li>2) Sazwan (Sabak Bernam, Selangor)</li> </ul> <p>Secara online :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Farha Fazliyana (Sabah)</li> </ul>	<p>HMO MEH FFM SNO</p>
21 Disember (2020)	8.15 Pagi	Kami berbincang dengan pensyarah mengenai transkrip yang telah dilakukan daripada temubual tokoh warisan seni catan		<p>JMJ MEH FFM SNO</p>
4 Januari (2021)	8.15 Pagi	Kami berbincang mengenai tajuk artikel yang bakal diserahkan kepada pensyarah	<p>Senarai pilihan tajuk artikel :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1) ‘Titik tengah : Ruang kosong untuk berfikir di kanvas’</li> </ul>	<p>MEH FFM SNO</p>

			<p>2) Identifikasi Warisan Seni Catan dalam ruang lingkup warisan seni bangsa”</p> <p>Perubahan tajuk kepada ‘Keunikan Warisan Seni Catan Dalam Ruang Lingkup Warisan Seni Bangsa Malaysia’ atas cadangan pensyarah.</p>	
7 Januari (2021)	11.22 Pagi	Kami memberitahu tajuk artikel iaitu ‘Keunikan Warisan Seni Catan Dalam Ruang Lingkup Warisan Seni Bangsa Malaysia’ serta barisan penulisan kepada pensyarah.		JMJ MEH FFM SNO
17 Januari (2021)	5.54 Petang	Kami mengagihkan tugas artikel di antara penyelidik berkaitan tajuk yang dipilih		MEH FFM SNO
	9.50 Malam	Kami membahagikan tugas mengenai transkrip secara keseluruhan		

18 Januari (2021)	8.15 Pagi	Perbincangan serta pembetulan mengenai artikel di antara penyelidik dengan pensyarah		JMJ MEH FFM SNO
21 Januari (2021)	12.50 tengahari	Penyerahan artikel secara keseluruhan kepada supervisor untuk sesi semakan	Supervisor kami ialah YBHG. Datin Jannatul Izza Binti Ahmad Kamal.	JIA MEH FFM SNO
24 January (2021)		Memulakan proses percetakan buku sejarah lisan		MEH FFM SNO
24 January (2021)		Penghantaran buku sejarah lisan iaitu ‘Keunikan Warisan Seni Catan Dalam Ruang Lingkup Warisan Seni Bangsa Malaysia’		MEH FFM SNO